


Jilid 1
Bil.17



MALAYSIA

Hari Isnin
7hb Januari, 1991

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2365]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1991 [Ruangan 2411]

USUL:

Anggaran Pembanguoan 1991 [Ruangan 2411]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 2486]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P. (Permatang Pauh).

Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

„ **Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).**

„ **Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).

„ **Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).**

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

„ **Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).**

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

„ **Timbalan Menteri Pertahanan, DATO* WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).**

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SIII ZAHARAH BINTI HAJI SUIAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tarijong Malim).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).

„ **Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).**

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALJD BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.p.M.s. (Titiwangsa).

Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED PARID BIN ARIPPIN (Balik Pulau).

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N, (Raub).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).'

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Datok).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UNGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Seliausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIPP BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pemhangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHHAN (Sungai Benut).

„ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.. P.P.T. (Kuala Terengganu).

TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

„ DATUK PATINGGI TAN SRJ HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

„ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

„ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

„ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

„ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI. D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

„ DR V. DAVID (Puchung).

„ TUAN FONG KUI LUN (Klang).

TUANFOO PIEW KOK (Batu Gajah).

TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).

TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

TUAN HAJI HAMZAH BIN MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

„ CHE IBRAHIM BIN MUSTAPA (Sungai Petani).

LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jejebu).

PUAN HAJJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).

TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).

„ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).

TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).

TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).

TUAN KAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (Bagan Serai).

„ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

„ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat DATO' K. KUMARAN (Tapah).

TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

TUANLAUDAKKEE (Ipoh).

TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

„ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

„ TUAN LIM Krr SIANG (Tanjong).

PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

„ DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).

TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K, (Jambongan).

TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

„ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

„ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

„ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).

TUAN MOHAMAD KHALID BIN NORDIN (Johor Bharu).

„ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K.,
K.M.N. (Kuala Kedah).

TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).

„ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P.,
P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).

TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

„ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

„ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

„ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

TUAN RADIN MALLEH (Padas).

PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).

„ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAIM (Serian).

„ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).

„ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).

„ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.H.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).

DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).

TUAN HAJI SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanang).

TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

DR TAN SENG GIAW (Kepong).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).

WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).

WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).

„ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).

„ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).

TUAN WONG WING ON (Kampar).

TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).

DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).

TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).

TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).

TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).

TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMIPARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 7hb Januari, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

SISTEM "OXIDATION POND"

1. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kementerian mengkaji semula sistem 'Oxidation Pond' yang digunakan sekarang terutama bagi kawasan-kawasan perumahan. Bagi menjimatkan penggunaan tapak serta mewujudkan satu 'environment' dan juga suasana sekeliling yang lebih bersih dan indah, maka tidakkah Kementerian berhasrat untuk mengubahsuaikan sistem 'Oxidation Pond' yang dilaksanakan sekarang kepada satu sistem yang dikenali iaitu 'MHES Bio-Soil System'.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, kolam pengoksidaan adalah satu sistem perawatan najis yang dianggap paling sesuai digunakan untuk keadaan di Malaysia dari segi kos rendah, iklim dan mudah diselenggarakan. Sistem ini hanya mempunyai satu kelemahan, iaitu ia memerlukan penggunaan kawasan tanah yang luas jika dibandingkan dengan sistem yang

lain. Apabila sesuatu projek perumahan dapat disambungkan ke sistem pembetungan pusat untuk keseluruhan bandar pada masa hadapan, tapak kolam pengoksidaan yang ada tersebut boleh diambil balik untuk aktiviti lain seperti pembangunan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, beberapa jenis sistem perawatan najis seperti MHES Bio-Soil System boleh digunakan.

Sebuah Jawatankuasa Teknikal telah ditubuhkan di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengkaji dan menyelaraskan kegunaan sistem-sistem rawatan najis jenis mekanikal yang sesuai untuk negara ini. Penggunaan Sistem MHES Bio-Soil adalah tertakluk antara lain kepada keadaan tempatan dan keupayaan pihak berkuasa tempatan untuk mengambilalih aktiviti operasi dan penyelenggaraan setelah ia siap dibina. Sehingga hari ini terdapat 14 buah syarikat telah diluluskan untuk memasarkan beberapa jenis sistem perawatan najis.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Soalan tambahan. Memandangkan terdapat sepertimana Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyatakan kelemahan seperti leakage yang berlaku mengenai Oxidation Pond, adakah perkara-perkara untuk diup-gredkan Oxidation Pond ini terutama di kawasan-kawasan yang padat penduduknya?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Oxidation Pond ini kelemahannya adalah kurang jika dibandingkan dengan

sistem Bio-Soil kerana Bio-Soil ini ianya cahaya matahari kerana cahaya matahari mewujudkan sistem oksigen yang melahirkan aerobic bacteria yang hasilnya mengeluarkan H₂O. Sebaliknya, sekiranya sistem itu tidak mendapat bahan matahari yang menyebabkan aerobic bacteria yang wujud yang boleh mengeluarkan H₂S ataupun ammonia, maka menyebabkan bau busuk, yang menyebabkan pencemaran dan sebagainya.

Pandangan Kementerian, MHES Bio-Soil System ini boleh digunakan tetapi ia memerlukan kajian yang lebih mendalam. Sepertimana saya sebutkan tadi banyak syarikat telah ditawarkan untuk memasarkan bahan-bahan ini dan ianya akan boleh dilaksanakan sekiranya ia lebih memberikan faedah besar jika dibandingkan dengan Oxidation Pond.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya baru hari ini kenal dengan Sistem MHES Bio-Soil ini, tetapi sudah lebih kenal dengan satu sistem yang cukup lama dipakai. Adakah pihak Timbalan Menteri sedar bahawa ada lagi Majlis-majlis Daerah yang menggunakan sistem yang paling lama, iaitu yang digambarkan dengan jelas melalui watak Mat Deris di dalam komidi 'Pi Mai Pi Mai Tang Tu'? Adakah Kerajaan bercadang untuk mengutamakan memodenkan sistem pelupusan najis yang lebih lama ini kepada sistem pengoksidaan, memberikan keutamaan kepada perubahan sistem ini kepada memodenkan lagi sistem yang ada ini kerana saya rasa tumpuan sepatutnya diberikan untuk memperbaiki sistem tersebut?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, tertakluk kepada kemampuan. Sebenarnya di bawah rancangan Pelan Infrastruktur

untuk Bandar-bandar yang sedang dilahirkan sekarang ini akhirnya kesemuanya akan diwujudkan sistem pembetungan pusat, iaitu di mana najis-najis ini disalurkan ataupun diselaraskan dengan sistem yang paling baik untuk menentukan supaya pencemaran air tidak wujud kerana sekiranya tembus najis-najis ini ke dalam punca-punca air maka air-air yang kita minum boleh membahayakan kerana kuman-kuman daripada najis-najis itu boleh mencemarkan punca-punca air yang menyebabkan bahan minuman kita menjadi tercemar.

Adalah menjadi matlamat kita untuk mewujudkan sistem pembetungan ini dan akhirnya saya percaya jika mempunyai kemampuan dan peruntukan yang secukupnya semua Majlis-majlis Daerah akan dipertingkatkan keupayaannya. Dari segi orang perseorangan, memang digalakkan supaya membuat perubahan kepada sistem yang lebih baik seperti jenis 'in-hoff' ataupun jenis septic tank yang termoden yang tidaklah tinggi harganya, tetapi ianya boleh memberikan sumbangan kepada membersihkan punca-punca air.

MAKTAB PERGURUAN ISLAM— MENAIKKAN TARAF

2. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Pendidikan menyatakan mengenai taraf Maktab Perguruan Islam (MPI) yang merupakan satu-satunya Institusi Pendidikan Perguruan Islam di Malaysia. Adakah Kementerian bercadang untuk menaikkan taraf menjadikan Institut itu sebagaimana Maktab Perguruan lain memandangkan MPI menganugerahkan Diploma Pendidikan kepada pelajarannya yang hampir 70% terdiri dari siswazah lepasan universiti sedangkan perjawatannya lebih rendah dari Sekolah Menengah Kategori A.

Menteri Pendidikan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, dakwaan yang mengatakan penuntut-penuntut di Maktab Perguruan Islam (MPI) adalah 70% terdiri daripada siswazah lepasan universiti yang mengikuti Diploma Pendidikan adalah tidak benar. Sebenarnya, 25% daripada jumlah penuntut-penuntut MPI adalah terdiri daripada para lepasan siswazah yang mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI). Kementerian sedang membuat kajian ke arah menaikkan taraf Maktab Perguruan Islam kepada Institut Perguruan/Pendidikan Islam sama ada dengan IPSI iaitu Institut Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim.

Dakwaan Ahli Yang Berhormat tentang perjawatan di MPI adalah lebih rendah dari Sekolah Menengah Kategori A juga tidak tepat kerana MPI telah diisi dengan jawatan yang setanding dengan perjawatan di maktab-maktab lain yang terkemuka, baik dari segi tenaga akademik, pendidik guru ataupun staff sokongan. MPI juga telah menerima peruntukan kewangan terus dari Kementerian Pendidikan untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan bahkan kompleks baru menelan perbelanjaan hampir \$30 juta.

ATLIT DAN PEMAIN BOLASEPAK—SISTEM PEMBINAAN

3. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah betul dakwaan bahawa sistem pembinaan atlit-atlit dan pemain bolasepak negara yang dianuti sekarang tidak berkesan seperti yang dibuat oleh bekas jurulatih dari Jerman Barat dan Dave Maclaren. Apakah usaha-usaha pembedaan yang diambil?

Menteri Belia dan Sukan (Tuan Haji Annuar bin Musa): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada asas setakat ini bagi menyatakan sistem pembinaan atlit negara yang dianuti sekarang tidak berkesan. Ini kerana komen yang dibuat oleh jurulatih berkenaan dibuat beberapa tahun yang lampau dan sistem yang kita amalkan sekarang adalah jauh berbeza sama sekali. Sistem persediaan dan pembinaan atlit yang diamalkan memerlukan jangka masa yang panjang untuk membuktikan keberkesannya. Terutamanya dibidang sukan padang dan balapan, usaha-usaha sentiasa diambil untuk mengesan dan mengenalpasti atlit yang berbakat dan menyediakan dengan kemudahan latihan yang saintifik dari masa ke semasa.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tidak dapat dipastikan buat masa ini sama ada benar ada kemerosotan terhadap pasukan bolasepak negara kalau dibandingkan dengan masa yang lalu. Adalah diakui bahawa ada terdapat pasukan-pasukan negara lain di Asia yang telah berjaya meningkatkan prestasi mereka. Pada masa ini, Kementerian dengan kerjasama Persatuan Bolasepak Malaysia dan Majlis Sukan Negara telahpun melancarkan Projek Skuad Barcelona yang penilaian muktamadnya akan dibuat dalam tahun 1992 diacara Sukan Olimpik dan usaha-usaha ini akan terus dijalankan dan prestasinya terus dinilai dari masa ke semasa.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah jadi kepada satu ura-ura ataupun satu rancangan untuk menggalakkan satu suku kaum di Sarawak supaya 'concentrate', dengan izin, kepadalarian jarak jauh yang diura-urakan baru-baru ini dan apakah justifikasi yang mana specialisasi atlit dibuat untuk mana-mana suku kaum? Mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri tadi mengenai komen yang dibuat beberapa tahun yang lalu,

sebenarnya komen yang dibuat yang saya sebutkan dalam soalan ini telah dibuat hanya dalam tahun sudah di dalam akhbar *The New Straits Times*.

Tuan Haji Annuar bin Musa: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada cadangan secara rasmi untuk menentukan jenis permainan mengikut suku kaum tertentu. Kementerian percaya rakyat Malaysia mempunyai kebolehan yang sama dan bagi mereka yang berbakat boleh diasuh kalau didapati ada kesesuaian. Komen yang dibuat oleh Dave Maclaren memang dibuat pada tahun lalu tetapi pengalaman beliau di Malaysia adalah pada beberapa tahun sebelumnya.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan sukan bolasepak, salah satu perkara yang sedang diperkatakan dan dikomen oleh ramai orang tentang kelemahan dan kemunduran pasukan bolasepak dalam negara kita ini ialah kerana punca pendapatan yang kurang hasil daripada penglibatan pemain dalam sukan ini. Adakah pihak-pihak berkenaan, Kementerian Belia dan Sukan, pihak FAM dan Majlis Sukan Negara berhajat untuk menjadikan sukan bolasepak bersifat profesional sepenuhnya, dan jika ya, agaknya bila sistem sepenuh profesional akan dilakukan di negara ini?

Tuan Haji Annuar bin Musa: Tuan Yang di-Pertua, yang jelasnya berbanding dengan beberapa tahun yang dahulu, sebelum kita melancarkan permainan bolasepak secara separuh profesional, pendapatan pemain-pemain bolasepak sekarang adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan sebelum kita melancarkan program tersebut. Buat masa ini belum ada cadangan untuk menjadikan permainan bolasepak secara profesional secara sepenuhnya walau bagaimanapun apabila sampai masa yang kita fikirkan sesuai, cadangan itu mungkin akan dipertimbangkan.

BURSA SAHAM KUALA LUMPUR—PERNIAGAAN DALAMAN

4. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kewangan menyatakan tindakan terhadap Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) tidak melakukan perniagaan dalaman dan menjamin BSKL tidak menjadi pusat perjudian.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, perniagaan dalaman adalah satu kegiatan yang boleh menjejaskan keyakinan pelabur-pelabur terhadap urusan di dalam pasaran saham. Oleh itu, Akta Perindustrian Sekuriti 1983 mengandungi peruntukan yang melarang penyalahgunaan maklumat yang diperolehi oleh seseorang itu dalam kedudukan rasminya. Sesiapa yang didapati bersalah menjalankan urusan saham dengan menggunakan maklumat tersebut akan dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada 550,000 dan penjara tidak melebihi tujuh tahun. Peruntukan ini adalah satu daripada langkah-langkah untuk memastikan kegiatan perniagaan dalaman tidak berlaku di bursa saham.

Di samping itu, setiap syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur dikehendaki mematuhi Dasar Pendedahan Korporat iaitu 'Corporate Disclosure Policy'¹ yang diperkenalkan dalam bulan Julai, 1987. Di bawah dasar ini, sesebuah syarikat yang disenaraikan di BSKL mesti mengumumkan pendedahan kepada pihak awam dengan serta-merta semua maklumat yang, dengan izin, 'material' mengenai kegiatan syarikat itu untuk mengelakkan perniagaan dalaman berasaskan maklumat dalaman.

Pejabat Pendaftar Syarikat juga mempunyai sistem pengawasan untuk mengesan kegiatan-kegiatan perniagaan

dalam melalui laporan-laporan yang diterima dan juga pemeriksaan rekod-rekod peniaga saham.

Pihak BSKL telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan bahawa ia tidak dianggap sebagai satu pusat perjudian. Bahagian AWASnya ataupun, dengan izin, 'Advance Warning and Surveillance Unit' yang telah ditubuhkan pada bulan Julai, 1987 sentiasa memerhati pergerakan perdagangan harga atau jumlah dagangan yang luar biasa. Bahagian Penyenaraianya juga sentiasa memerhati bahawa syarikat-syarikat yang disenaraikan membuat pendedahan maklumat yang tepat pada masanya dan sekiranya terdapat pergerakan harga atau jumlah dagangan yang luar biasa, akan menyiasat sebab-sebab kegiatan itu. Sekiranya terdapat bahawa sesebuah syarikat itu tidak mematuhi Dasar Pendedahan Maklumat, pihak BSKL tidak akan teragak-agak mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, apakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan syarat kepada pengurus-pegurus kanan di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur supaya mereka ini mengisytiharkan harta mereka secara terbuka kerana peranan dan kedudukan mereka di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur begitu penting sebab merekalah orang yang pertama mengetahui maklumat turun naiknya mengenai dengan spekulasi tiap-tiap saham yang berada di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Itu sebagai salah satu langkah untuk mencegah supaya ianya benar-benar profesional dan tidak ada golongan tertentu yang menjalankan peniagaan daripada dalam dan membuat keuntungan besar di atas kepentingan orang ramai.

Perkara yang kedua ialah bagaimanakah kedudukan sijil-sijil yang hilang satu ketika dahulu di Bursa Saham Kuala Lumpur?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, Akta Sekuriti yang terakhir dipinda dan diperbaiki ialah pada tahun 1983 dan hingga kini Kerajaan berpendapat bahawa undang-undang itu adalah memadai untuk dijadikan sebagai halangan, larangan kepada pihak-pihak tertentu untuk melakukan apa jua bentuk penyelewengan dalam industri sekuriti. Di samping itu pula, kita juga menekankan bahawa pegawai-pegawai kanan, pengurus-pengurus kanan yang terlibat secara langsung di dalam kegiatan industri ini mereka juga mempunyai ethics mereka sendiri. Oleh dengan demikian jika dicampurkan kedua-duanya peruntukan undang-undang dan ethic profesional yang sepatut dimiliki oleh mereka maka sebahagian daripada masalah penyelewengan di dalam industri ini dapat dikawal dan dibantulas,

Mengenai skrip-skrip yang hilang, Tuan Yang di-Pertua, pihak BSKL dan pihak-pihak yang berkenaan sedang berusaha untuk memperkemas sistem jualan dan belian di industri sekuriti. Pada akhirnya matlamatnya ialah supaya wujud satu sistem iaitu Central Depository System di manajual beli tidak memerlukan kepada pindahan di dalam bentuk fizikal skrip-skrip tersebut. Pada akhirnya ia boleh berlaku berdasarkan kepada catatan di buku sahaja. Itu yang paling muktakhir dari segi sistem jual beli sekuriti di pasaran saham.

Mengenai apa yang telah berlaku maka pihak BSKL sekarang ini sedang berusaha untuk memastikan bahawa perkara itu tidak berulang lagi. Pihak pasaran memerlukan kepada keyakinan untuk semua pihak sama ada dalam negeri atau luar negeri bahawa perkara itu tidak akan berulang lagi. Maka sekarang ini sedang diusahakan seberapa yang boleh untuk memperkemas sistem yang ada sebegitu rupa supaya jika sekiranya jual beli tidak begitu tinggi volumenya sampai lebih daripada

200 juta saham sepatutnya boleh dikendalikan dengan mudahnya oleh sistem pasaran yang ada pada hari ini.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Timbalan Menteri saya hendak bertanya berapakah advance warning telah diberi daripada BSKL kepada syarikat-syarikat yang berdaftar di dalam BSKL dan apakah kesan atas warning itu?

Yang kedua, berapakah kes penyelewengan telah disiasat dan apakah kesannya dan berapa kes telah didakwa di bawah Akta Sekuriti 1983 ataupun lain-lain Akta yang berkenaan?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama seperti yang saya katakan tadi bahawa pihak BSKL sentiasa mengesan perubahan-perubahan luar biasa dari segi volume dagangan dan juga dari segi harga dagangan. Jika sekiranya itu berlaku maka BSKL dikatakan akan membuat siasatan yang sewajarnya.

Tentang berapa kes yang telah berlaku laporan di antara pihak BSKL kepada pihak syarikat-syarikat yang berkenaan ataupun kepada pihak Pendaftar Syarikat, saya tidak ada maklumat yang tepat di sini.

Mengenai perkara kedua, bilangan kes penyelewengan, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan dua dan tiga serentak. Hingga kini belum ada lagi kes-kes yang dibawa ke mahkamah dalam bentuk perniagaan berbentuk dalaman, belum ada kes mereka yang kena dituduh dan belum ada kes di mana ada pihak yang menerima hukuman hingga kini. Tetapi saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, apa jua yang telah berlaku kebelakangan ini yang menarik perhatian umum, yang membawa kesan serba sedikit terhadap keyakinan umum terhadap pasaran saham, maka pihak-

pihak yang berkenaan khususnya pihak Pendaftar Syarikat yang mempunyai kuasanya tertentu sedang menjalankan siasatan-siasatan tertentu dan siasatan ini memerlukan masa dan apabila tiba masanya nanti kita tunggulah sama ada ke mahkamah ataupun apa jua keputusannya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Ahmad.

(Soalan No.5Y.B Tuan Ghazali bin Ahmad tidak hadir)

KES SENJATA API

6. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Kehakiman menyatakan jumlah kes-kes yang melibatkan senjata api yang dibawa ke mahkamah bagi 1987, 1988, 1989 hingga Jun 1990. Nyatakan juga jumlah kes-kes yang akan dibawa ke mahkamah yang masih dalam siasatan Polis. Sama ada kes pembunuhan seorang eksekutif wanita yang dikatakan mempunyai kaitan dengan Timbalan Menteri masih dalam siasatan Polis.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 450 kes yang melibatkan senjata api dibawa ke mahkamah dari tahun 1987 hingga Jun, 1990. Kes-kes yang masih dalam siasatan Polis pula adalah sebanyak 310 kes.

Berkenaan dengan pembunuhan seorang eksekutif wanita adalah masih di dalam siasatan Polis. Setakat ini tidak ada sesiapa yang boleh dikaitkan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sesiapa yang didapati memiliki senjata api boleh didakwa di mahkamah sama ada di bawah Fire-Arms Act ataupun ISA yang mana hukuman mati jadi hukuman mandatori. Soalan saya ialah apakah

standard objective yang digunakan oleh Pejabat Peguam Negara untuk menentukan sama ada mendakwa sesiapa yang disyaki di bawah ISA atau di bawah Fire Arms Act sebab itu perbezaan besar—mati atau tidak mati. Apakah standard objective?

Soalan tambahan yang kedua, ada satu golongan Tamil Tiger sudah disiasat sebab memiliki senjata api dan adakah dia ditangkap dan disiasat dan jika ya, apakah kesannya?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua tadi saya tidak jelas tetapi saya menjawab soalan yang pertama dahulu. Berkenaan dengan standard atau apakah ukuran yang digunakan sama ada hendak membawa sesuatu kes itu di bawah ISA ataupun di bawah Akta Senjata Api, ini adalah berasaskan kepada siasatan pihak Polis dan setelah meninjau dan meneliti kes-kes dan bahan butiran yang diketengahkan, pihak Peguam Negara akan membuat keputusan sama ada tuduhan itu di bawah ISA ataupun di bawah Akta Senjata Api.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan perkara ini sebab sudah dilaporkan bahawa satu golongan Tamil Tiger dari Pulau Sri Lanka diintercepted dan didapati bahawa mereka membawa senjata api. Adakah dia disiasat? Kalau Yang Berhormat minta notis, boleh minta juga-

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Oleh kerana kes Tamil Tiger tersiar dan kita baca dalam suratkhobar, saya tidak dapat buat komen. Perkara ini walau bagaimanapun dalam siasatan. Terima kasih.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepertimana yang kita tahu sekarang ini ada terdapat tiga akta yang mendefinisikan kesalahan berhubung dengan pemilikan senjatapi, peluru dan

sebagainya, iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri yang membawa hukuman mati di bawah Seksyen 57, Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) dan Akta Senjata. Manakala Peguam Negara pula diberi kuasa untuk menentukan sama ada seseorang itu boleh dituduh di bawah Akta Senjatapi Seksyen 57 (Penalti Lebih Berat) ataupun Akta Senjata 1948. Persoalannya sekarang adakah Kementerian bercadang untuk meminda kesemua akta-akta berkenaan dan mengkanun di dalam suatu kanun sahaja bagi menyelaraskan semua kesalahan memiliki atau kesalahan-kesalahan lain bersabit dengan kesalahan senjatapi ini.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, kita tidak mempunyai apa-apa cadangan untuk mengkanun kesemua undang-undang tersebut dalam satu akta.

BEKALAN API/TELEFON DI LADANG-LADANG

7. Tuan S.S. Subramaniam minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapakah ladang-ladang yang telah dibekalkan dengan bekalan api dan telefon umum pada tahun 1988, 1989 dan 1990 di seluruh negara kita dan kawasan Segamat khususnya. Apakah sebabnya pelancaran bekalan tersebut masih dilakukan dengan satu sistem "laissez-faire"; apakah sebabnya satu sistem tetap dengan rancangan jangka masa panjang tidak boleh dilancarkan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato* Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali); Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 212 ladang-ladang di seluruh negara telah dibekalkan dengan telefon awam pada tahun 1988, 1989 dan 1990.

Bagi Daerah Segamat pula, sebanyak 14 ladang-ladang telah dibekalkan dengan perkhidmatan telefon awam pada

tahun-tahun tersebut. Adalah tidak benar, Telekom Malaysia tidak mempunyai satu sistem perancangan jangka masa panjang. Untuk makluman Yang Berhormat, program telefon awam luar bandar, Telekom Malaysia dilaksanakan berdasarkan perancangan tahunan dan lima tahun, bagi tempoh Rancangan Malaysia Yang Kenam.

Telekom Malaysia telah memperuntukan \$1.39 ribu juta ataupun \$1.39 billion untuk pembangunan kemudahan rangkaian telekomunikasi luar bandar dalam Rancangan Malaysia Keenam (1991-1996). Sebanyak \$275 juta dari jumlah ini adalah untuk Rancangan Telefon Awam Luar Bandar, dengan perbelanjaan sebanyak lebih kurang \$50 juta setahun untuk rancangan itu.

Dengan peruntukan ini, sebanyak di antara 1400 hingga 200 buah telefon awam luar bandar akan dipasang tiap-tiap tahun. Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bersama dengan Telekom Malaysia telah mengenalpasti dan menyenaraikan kampung-kampung tradisional, skim-skim FELDA dan tempat-tempat pemusatan penduduk di kawasan luar bandar untuk menyediakan kemudahan telekomunikasi yang diperlukan.

Bekalan Elektrik—Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan ladang-ladang yang telah dibekalkan elektrik pada tahun 1988, 1989 dan 1990 adalah seperti berikut:

	<i>Seluruh Negara</i>	<i>Segamat</i>
1988	16	4
1989	18	2
1990	22	1
	56	7 ataupun 12.5%

Mengenai perancangan bekalan elektrik ke ladang-ladang, adalah tidak benar bahawa Kerajaan tidak ada rancangan jangka masa panjang untuk membekalkan elektrik ke ladang-ladang. Sukacita saya memaklumkan di sini bahawa adalah hasrat Kerajaan sejauh mana yang boleh untuk membekalkan elektrik kepada semua penduduk di Malaysia mahupun bandar atau luar bandar.

Bagi ladang-ladang, masa kini Kerajaan adalah di dalam proses pengumpulan data-data mengenai ladang-ladang yang masih belum diberi bekalan elektrik dengan kerjasama agensi-agensi tertentu. Apabila data-data ini telah dikumpulkan Kerajaan akan menggubal satu tatacara untuk pembekalan elektrik ke ladang-ladang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga telah berseluju pada prinsipnya satu rancangan untuk membantu pihak ladang-ladang menyediakan kemudahan asas termasuk elektrik berdasarkan pengiraan kos purata dan kemampuan ladang-ladang. Bagi bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia:

- (a) bagi ladang yang keluasannya antara 500 hingga 100 ekar pembiayaan kos projek adalah sama rata antara Kerajaan, Tenaga Nasional Bhd, dan pengurusan ladang.
- (b) bagi ladang yang kurang daripada 500 ekar keluasannya dianggap sebagai ladang-ladang yang boleh dipertimbangkan untuk dibiayai oleh Kerajaan dan Tenaga Nasional Bhd.
- (c) bagi mengurangkan kos yang akan membebaskan pihak pengurusan ladang pihak Tenaga Nasional Bhd. membina pencawang masuk seberapa hampir yang mungkin dengan penempatan ladang.

Di samping itu, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan juga telah mewujudkan Akta Piawaian Minimum Perumahan dan Kemudahan Asas Pekerja 1990 untuk menjaga kebajikan masyarakat yang tinggal di ladang-ladang dengan mewajibkan majikan menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang mencukupi dan sempurna.

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soalan. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kementerian yang telah memainkan peranan yang bagus dalam perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bukan soalan tambahan.

Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, adakah perangkaan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi meliputi kawasan-kawasan skim FELDA? Kalau tidak, apa pula kedudukan dan keadaannya di kawasan-kawasan FELDA dari segi bekalan elektrik 24 jam, bukan 12 jam dan juga dari segi talian telefon?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan tadi adalah ladang-ladang yang bukan FELDA, maka saya akan memberi jawapan ini kepada Ahli Yang Berhormat dari Rompin secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1990—KEMPEN

8. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan hasil Kempen 'Tahun Melawat Malaysia 1990' yang sedang berjalan sekarang. Bagaimanakah komen pelancong-pelancong

yang telah melawat Malaysia dan seterusnya bagaimana Kementerian akan meneruskan rancangan lanjutan dari Kempen 'Tahun Melawat Malaysia 1990' sehingga 1992 dan seterusnya.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, kempen Tahun Melawat Malaysia telah mencapai hasil yang amat menggalakkan sama ada dari segi bilangan pelancong yang datang ke negara kita ataupun dari segi perolehan tukaran matawang asing.

Menyentuh tentang komen-komen daripada para pelancong yang datang melawat ke negara kita, pada keseluruhannya dan berpandukan kepada maklumbalas yang diterima, para pelancong ini memberi komen yang amat menggalakkan di mana mereka berpuas hati terhadap negara kita di dalam hampir semua perkara-perkara seperti berkenaan dengan kemudahair tempat penginapan, berkaitan dengan pengangkutan, begitu juga dari segi kebersihan dan juga pengkalan keindahan alam semulajadi serta layanan mesra oleh para penduduk tempatan.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan terdapat juga aduan-aduan dan rasa tidak puas hati oleh sebilangan kecil pelancong yang tidak berpuas hati dengan apa yang mereka terdapat di negara kita, tetapi bilangan ini seperti saya katakan terlalu kecil dan dijangka tidak menjejaskan industri pelancongan negara keseluruhannya. Dan Kementerian sentiasa mengambil perhatian terhadap komen-komen yang disampaikan bagi memastikan ianya kalau benar diperbaiki.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian akan terus berusaha bagi mengekal dan mempertingkatkan pencapaian program di masa akan datang dan bagi jangka masa pendek usaha-usaha akan dibuat bagi mengadakan berbagai acara memperbaiki

kemudahan-kemudahan asas pelancongan dan mengekalkan usaha promosi negara kita ini sebagai satu destinasi pelancongan yang terbaik dan paling menarik di daerah ini. Manakala bagi jangka masa panjang antara usaha-usaha yang akan diberi penekanan ialah memperbaiki kemudahan infrastruktur pelancongan, mengadakan tempat kediaman yang sesuai bagi pelancong-pelancong tempatan, membanyakkan lagi produk-produk pelancongan, mengelakkan pencemaran alam dan mengekalkan keindahan alam sekitar.

Di samping itu, kita akan membangun kebudayaan dan kesenian termasuk usaha-usaha pemeliharaan dan latihan serta pembangunan tenaga manusia di dalam bidang pelancongan ini.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu daripada hasil yang dibawa oleh kempen Melawat Malaysia 1990 ialah peningkatan yang mendadak di atas permintaan bilik-bilik hotel. Ini memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha hotel menaikkan harga sewa bilik sewenang-wenangnya. Misalnya di sebuah hotel di Kuala Lumpur kalau dulu sebelum kempen Melawat Malaysia harga bilik single room ialah \$175 sekarang \$250. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, apakah yang pihak Kementerian boleh buat untuk mensesderhanakan sedikit aktiviti-aktiviti tamak ini kerana jikalau tidak dilakukan sesuatu ianya akan menjejaskan usaha kita untuk membanyakkan pelancong datang. Dan peristiwa kenaikan harga bilik hotel ini menjadi satu daripada komen-komen negatif oleh pelancong-pelancong yang biasa datang ke sini sebelum usaha kempen yang dilakukan.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, memang betul sewa hotel telah meningkat hampir dua kali ganda. Ini satu perkara yang Kementerian sendiri tidak senang. Kita tidak senang dengan sikap pengusaha-

pengusaha hotel ini yang mengambil kesempatan dengan kedatangan pelancong yang ramai ke negara kita, hampir-hampir 60% tinggi daripada yang datang dalam tahun 1989.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menahan mereka daripada menaikkan sewaan hotel kerana ianya tidak ada undang-undang untuk berbuat demikian. Cuma kita boleh merayu dan kita telah beberapa kali mengatakan kepada pengusaha-pengusaha hotel ini supaya tidak, dengan izin, "outprice themselves". Sebab kalau sekira ianya icrlalu tinggi dari segi sewaan hotelnya akan berkuranganlah kedatangan para pelancong.

Dalam pada itu juga suka saya menyebutkan di sini sebenarnya walaupun sewaan hotel di negara kita telah bertambah sejak adanya kempen Melawat Malaysia tetapi dibandingkan dengan sewaan hotel di tempat-tempat lain ianya masih lagi lebih murah sama ada dibandingkan dengan Indonesia, di Singapura, di Thailand ataupun di Hong Kong. Kalau dibandingkan dengan negara-negara Eropa, Amerika Syarikat ataupun di Jepun sewaan hotel yang dikenakan di negara kita jauh sekali murah berbanding dengan sewa yang dikenakan oleh mereka.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu semasa kempen Melawat Malaysia diadakan dalam tahun 1990, kita dapati bahawa di kawasan-kawasan tertentu terutamanya di kepulauan-kepulauan negara kita, pelancong memang berminat untuk melancong ke kawasan-kawasan itu. Tetapi perkhidmatan yang telah diberi oleh pembawa-pembawa pelancong yang menggunakan bot-bot untuk mengelilingi atau melawat pulau-pulau berdekatan seperti di Langkawi, di Pulau Pangkor atau di Pulau Tioman adalah dikendalikan oleh mereka yang tidak mempunyai lesen ataupun bot yang memang dikhususkan untuk memhawa pelancong-pelancong. Kita dapati

bahawa beberapa orang yang berkenaan yang menjalankan perusahaan kecil ini telah memohon lesen-lesen untuk menggunakan bot yang tertentu bagi membawa pelancong-pelancong ini. Apakah tindakan Kementerian berhubung dengan permintaan ataupun permohonan lesen-lesen berkenaan?

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, mereka yang hendak melibatkan diri di dalam pengangkutan melalui bot-bot semestinya mendapatkan lesen, dan kebanyakan mereka yang memohon ini sebenarnya mendapat lesen. Barangkali ada satu dua orang yang sengaja disuruh oleh pihak DAP tidak ada lesen, saya tidak tahulah.

Datin Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa negara Indonesia sedang mengadakan Tahun Melawat Indonesia tahun ini dan juga negara India. Untuk meneruskan rancangan Melawat Malaysia dan untuk menarik pelancong ke negara kita adakah Yang Berhormat bercadang untuk memperkenalkan langkah dalam kedua-dua negara itu supaya sebagai negara jirannya kita akan menikmati spill-over dari mereka. Dan kalau ya, apakah langkah selain daripada mengedarkan pamphlets?

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kita akan cuba buat apa sahaja asalkan rancangan untuk membanyakkan pelancong-pelancong datang ke Malaysia ini berterusan termasuk mengadakan promosi-promosi di negara-negara Indonesia dan juga di India.

Sebenarnya dari segi pelancongan ini memang tidak banyak negara-negara yang boleh menganggap mereka sebagai dengan izin, "mono-destination". Tidak banyak negara-negara yang boleh menganggap sebagai "mono-destination" ini di mana pelancong-pelancong hanya melawat negara itu dan tidak melawat negara lain.

Sewaktu kita mengadakan rancangan Tahun Melawat Malaysia sebahagian daripada pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia juga pergi ke Singapura, ke Thailand dan Indonesia. Kita percaya dengan adanya promosi di negara-negara utama di Eropah dan sebagainya dan juga di India, di Indonesia dan di negara-negara lain walaupun pelancong-pelancong itu melawat India ataupun Indonesia mereka mungkin juga melawat ke mari kerana setelah berbelanja beribu-ribu ringgit tambang untuk ke Indonesia ataupun ke India katakanlah dari Amerika mereka tambah sedikit lagi dan mereka boleh juga melawat Malaysia di dalam satu kali gus mereka bercuti. Jadi ini perkara biasa.

Dalam pelancongan dari segi competition tidak ada seperti di dalam perdagangan biasa, perdagangan membeli pakaian dan sebagainya. Kita boleh kerjasama dan kerjasama ini biasanya berlaku di antara negara-negara di dalam satu kawasan,

HARGA BARANG-BARANG PERLU—KENAIKAN

9. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) adakah Kementerian menyedari bahawa dalam suasana para Menteri menyeru supaya harga barang jangan dinaikkan tetapi para pengguna terus mengalami harga barangan yang tinggi;
- (b) apakah yang dapat dibuat oleh Kementerian bagi menjadikan unit kawasan suatu badan yang berkesan; dan
- (c) apakah pada pandangan Menteri yang menyebabkan nasihat dan tindakan unit kawalan harga tidak mendapat perhatian peniaga. Dan bagaimana hendak mengatasinya.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna** sedar bahawa beberapa barang perlu naik dari masa ke semasa harganya. Dan faktor-faktor yang menyebabkan kenaikan ini ialah di antara lain, meningkatnya kos pengeluaran, kos pengangkutan, perubahan kadar tukaran matawang asing dan sebagainya. Di samping itu keadaan bekalan dan permintaan sentiasa berubah-ubah mengikut keadaan masa. Walau bagaimanapun Kerajaan telah, sedang dan insya Allah akan terus mengambil berbagai langkah untuk membendung kenaikan harga barang-barang. Bagi barang-barang yang amat perlu seperti beras, gula, tepung gandum, minyak petrol, minyak disel, minyak tanah, gas, petroleum cecair, simen dan bar bulat keluli, Kerajaan telah menetapkan harganya dan sebarang kenaikan harga mestilah mendapat kebenaran Kerajaan terlebih dahulu.

Bagi barang-barang lain Kerajaan tidaklah menetapkan harganya. Ianya ditetapkan oleh peniaga-peniaga sendiri. Namun demikian, langkah-langkah untuk menentukan peniaga-peniaga tidak menaikkan harga barang-barang tersebut dengan sewenang-wenangnya telah dan akan diambil melalui satu sistem pengawasan seperti berikut:

- (i) mewajibkan penjual-penjual runcit meletakkan tanda harga pada 111 jenis barang-barang yang dipamerkan untuk jualan. Kerajaan akan mengambil

tindakan tegas ke atas mereka yang tidak mematuhiinya;

- (ii) mengisytiharkan sebanyak 20 jenis barang-barang perlu sebagai barang kawalan sepanjang masa dan sebanyak 25 jenis lagi barang kawalan itu di musim-musim perayaan. Tujuannya ialah untuk menentukan bekalan barang-barang ini sentiasa mencukupi dan secara tidak langsung harganya dapat disetabilkan.
- (iii) mempertingkatkan pengawasan ke atas premis-premis perniagaan termasuk menggerakkan bilik gerakan di setiap Pejabat Cawangan Kementerian di seluruh negara bagi memudahkan orang ramai membuat aduan mengenai kenaikan harga dan mengambil tindakan ke atas aduan yang diterima;
- (iv) mendapatkan kerjasama pengeluar-pengeluar dan pengimport-pengimport menentukan, dengan izin, recommended price sebagai panduan.
- (v) mengawalselia aktiviti jualan murah; dan
- (vi) melaksanakan program meningkatkan kesedaran pengguna dan gerakan kepenggunaan yang positif.

Pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan dijalankan secara berterusan setiap masa termasuk pasar-pasar malam dan pasar-pasar basah. Sepanjang tahun 1990 (sehingga 31hb Disember, 1990) sebanyak 111,645 pemeriksaan telah dibuat di seluruh negara. Pemeriksaan ini telah menghasilkan 3,705 kes dan barang-barang bernilai \$1.5 juta dirampas.

Pada pandangan Kerajaan pengawasan yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa Kementerian ini adalah berkesan dan dapat membendung kenaikan harga yang tidak munasabah dan berpatutan sungguhpun harga kebanyakan barang-barang tidak dikawal oleh Kerajaan. Jika dibandingkan dengan kebanyakan negara-negara lain, harga barang-barang di negara kita adalah rendah.

Pada keseluruhannya tindakan-tindakan yang diambil oleh Bahagian Penguatkuasa Kementerian ini untuk membendung kenaikan harga barang-barang yang tidak munasabah mendapat perhatian peniaga-peniaga dan telah menjadi pengajaran kepada mereka untuk berhati-hati bagi menaikkan harga barang-barang. Jika kenaikan harga tidak dapat dielakkan ianya dinaikkan ke paras munasabah dan tidak membebankan pengguna. Di dalam keadaan di mana harga barang-barang tidak dikawal oleh Kerajaan, nasihat telah diberi kepada peniaga-peniaga supaya menurunkan harga barang-barang yang tidak munasabah. Pada keseluruhannya nasihat ini telah diikuti oleh peniaga-peniagaberkenaan. Di dalam kes di mana nasihat ini tidak diikuti maka mesyuarat telah dipanggil untuk membincangkan masalah-masalah yang dihadapi dan keputusan dicapai untuk menurunkan harga barang-barang berkenaan ke paras yang munasabah untuk kepentingan pengguna dan peniaga-peniaga.

Wajarliah diingatkan bahawa negara kita mengamalkan sistem perdagangan bebas di mana harga sesuatu barang biasanya ditentukan oleh bekalan dan permintaan di samping faktor-faktor lain seperti kos pengeluaran, kos pengangkutan dan lain-lain. Campurtangan Kerajaan dalam menentukan bekalan dan harga barangan adalah pada tahap yang minimum sahaja.

Perlu juga dinyatakan bahawa tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan semata-mata tidaklah

mencukupi untuk mengatasi kenaikan harga barang-barang keperluan. Para pengguna juga perlu memainkan peranan masing-masing dan hendaklah mengamalkan sikap berjimat cermat dan membeli barang-barang yang mustahak sahaja supaya kestabilan harga dapat dikekalkan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi bahawa barang-barang di negara kita jika dibandingkan dengan negara luar adalah lebih murah. Saya rasa tidak betul kenyataan itu. Mungkin ada sebahagian barang-barangnya, tetapi saya berada di kawasan Tumpat, Kelantan dan Tumpat itu bersempadan dengan Thailand saya melihat barang-barang di negara Thai adalah jauh lebih murah daripada negara kita.

Yang kedua, persoalannya sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa dalam rangka melaksanakan pengawalan terhadap barangan ini seolah-olah sudah terkawal, seolah-olah begitu, tetapi istilah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ialah perkataan "berkesan". Bagi saya isu ini bukan isu baru dan saya melihat isu ini sudah berlarutan sampai sekarang ini. Saya memikirkan bahawa

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Apakah soalnya yang hendak dikemukakan?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tak boleh buat cadangan di sini, terus kepada soalan.

Tuan Haji Wan Mohd, Jamil bin Wan Mahmood: Sekarang ini saya melihat, saya telah difahamkan harga bawang merah sekarang ini daripada \$1.20 sen sekati naik kepada \$2.50 sen sekati. Yang kedua, harga minyak, kelapa sawit, walaupun kelapa sawit harganya murah, tetapi minyak kelapa sawit dengan tidak semena-mena telah meningkat daripada \$19.00 kepada lebih \$27.00. Soalan saya, (*Ketawa*) apakah kalau saya menyatakan, (*Ketawa*) Yang Berhormat Menteri, soalan daripada saya....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tolong pendekkan soalan yang hendak ditanya itu. Ada lagi tak?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Soalan saya, kenapakah persoalan-persoalan seperti ini berlaku yang sepatutnya tidak berlaku? Terima kasih. (*Ketawa*)

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya telah jelaskan tadi fakta-fakta yang menyebabkan kenaikan harga barangan ini adalah banyak dan kita mengamalkan satu sistem perdagangan free enterprise. Tadi disebut bahawa barang dari Thailand adalah lebih murah dibanding dengan barang di Malaysia. Mungkin betul ada barang-barang yang murah tetapi ada juga yang lebih mahal dari harga di Malaysia. Kita hendak lihatlah macam mana, sama ada Kerajaan PAS dapat mengawal atau dapat menurunkan harga barang di sana, iaitu di Negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya ada mempunyai laporan di sini, Kota Bharu pun ada juga, mengenai harga barangan dan laporan ini tiap-tiap minggu dihantar kepada saya. Memang kita akui ada masa dan ketikanya harga barang ini naik dan ada juga masanya turun. Tetapi masalahnya apabila harga

barang turun, orang tidak mengambil endah, atau take things for granted, dengan izin, sebagai satu contoh. Jadi, satu perkara yang saya suka sebutkan di sini bahawa pihak Bahagian Penguatkuasa sentiasa menjalankan tugasnya untuk menjamin kestabilan harga barang-barang di negara kita.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah mendengar dan melihat tentang jualan airgalian tiruan dan jualan air bateri tiruan. Kita mengucapkan tahniah kepada Kementerian kerana berjaya membendung perkara ini. Namun demikian, apakah pula langkah-langkah Kementerian untuk mengawal agar tidak wujud pula barang-barang tiruan yang lain yang mungkin dijual di pasaran seperti kemungkinan alat-alat gantian kereta atau, dengan izin, car spareparts, video dan audiotapes dan lain-lain lagi?

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Penguatkuasa Kementerian ini sentiasa mengawal perkara ini dan kita minta kerjasama daripada semua pihak untuk membuat pengaduan mengenai perkara seperti ini kerana kita mempunyai Jabatan di semua negeri yang boleh mengambil tindakan penyiasatan dan pengawalan. Kalau ada, tolonglah adukan, laporkan kepada kita, dan insya Allah kita akan mengambil tindakan sewajarnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat suatu pembetulan. Ayat ketiga soalan saya selepas "STP", menambah perkataan "bagi kemasukan ke universiti-universiti tempatan". Tuan Yang di-Pertua, soalan ke sepuluh.

STPM—SIJIL TERBUKA

10. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa markah dalam perkara Bahasa Mandarin tidak lagi diterima dalam pengiraan markah STP bagi kemasukan ke universiti-universiti tempatan dan kalau ya sila nyatakan sebabnya, bila dasar ini dilaksanakan dan sama ada bahasa-bahasa lain juga terjejas seperti bahasa Inggeris, Tamil, Arab dan lain-lain.

Menteri Pendidikan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, tambahan itu soalan lain, bukan tambahan kepada soalan, tetapi saya cuba jawab.

Peperiksaan STPM dilaksanakan mengikut konsep Sijil Terbuka iaitu untuk mendapatkan sijil seseorang calon mestilah lulus dalam sekurang-kurangnya satu malapelajaran. Semua malapelajaran yang ditawarkan di dalam peperiksaan STPM termasuk bahasa Cina (Mandarin) diambil kira kelulusannya. Oleh yang demikian, tidak timbul sama sekali masalah bahawa markah dalam bahasa Cina dan matapelajaran lain seperti bahasa Inggeris, bahasa Tamil dan bahasa Arab tidak diterima dalam pengiraan markah sijil STPM.

Mengenai kemasukan ke institusi pengajian tinggi, ia sebenarnya adalah bergantung kepada bidang yang dipohon dan sama ada seseorang calon memiliki kelulusan yang berkaitan dengan bidang yang berkenaan atau tidak. Fakulti-fakulti di Universiti menetapkan syarat-syarat yang berlainan. Ini adalah bidangkuasa Universiti untuk memberikan bahkan Kerajaan selama ini memang memberikan sedikit sebanyak kelonggaran untuk membolehkan pelajar-pelajar mengikut disiplin tertentu mengikut kursus di Jabatan dan Fakulti setelah diteliti oleh kakitangan Universiti sendiri.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyatakan tentang perkiraan markah STPM bagi kemasukan ke Universiti-universiti tempatan sama ada beliau sedar bahawa selama ini perkara Bahasa Cina dan Bahasa Tamil diambil kira dalam menimbangkan permohonan untuk memasuki Universiti-universiti tempatan seperti di USM, tetapi baru-baru ini iaitu dalam Buku Panduan Kemasukan Universiti (USM) tahun 1990, kedua-dua perkara ini telah digugurkan dan saya hendak tanya apakah sebab pengguguran ini dibuat sedangkan perkara-perkara lain seperti Bahasa Arab, Bahasa Arab Klasik, Bahasa Inggeris, Bahasa Inggeris Khas Sastera masih dikekalkan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya metninta Yang Berhormat Menteri menyatakan sama ada dasar baru ni juga dilaksanakan di Universiti-universiti tempatan lain dan apakah Universiti-universiti tempatan yang membenarkan perkara seperti Bahasa Cina, Bahasa Tamil diambil kira untuk menimbangkan permohonan untuk memasuki ke Universiti dan kalau USM telah membuat satu dasar baru iaitu menggugurkan kedua-dua bahasa ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri mengarahkan USM untuk menarik balik keputusan ini dan membenarkan kedua-dua bahasa ini diambil kira seperti yang dibuat pada masa lampau? Kalau Yang Berhormat Menteri tidak mempunyai maktumat tersebut, boleh minta notis. Terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengikut perkembangan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya jelaskan bahawa ada dua pertimbangan dalam urusan kemasukan universiti, pertama ialah syarul umum dan keduanya syarat khusus dan syarat umum tentang syarat-syarat kemasukan itu sebenarnya tidak diambil pertimbangan bahkan ini hanya

syarat-syarat yang ditetapkan bagi memasukkan semua pelajar dan oleh yang demikian, mata-matapelajaran yang diwujudkan di peringkat STPM memang diambilkira.

Walau bagaimanapun, Universiti-universiti, dan dalam konteks ini sepertimana yang disebut USM, telah mengenakan beberapa peraturan dan syarat untuk memasukkan pelajar-pelajar ke beberapa fakulti tertentu. Pada hemat mereka, tidak wajar dikenakan syarat-syarat matapelajaran yang tidak ada kena-mengena sama sekali dengan disiplin di fakulti-fakulti tersebut. Setakat ini Kementerian tidak bercadang untuk memberikan apa-apa arahan khusus selain dari meminta penjelasan yang telah diberikan oleh pihak USM. Kementerian hanya mendapat penjelasan dari pihak USM mengenai perkara tersebut dan saya kira sebagai seorang Ahli Yang Berhormat yang begitu konsisten tidak mahu Kementerian campur tangan dalam urusan Universiti secara terperinci tidak wajarlah memberikan cadangan supaya saya pula mengarah Universiti supaya tunduk kepada peraturan yang saya kehendaki. (*Tepuk*)

Tuan Lim Guan Eng: Apakah sebabnya? Itu yang saya tanya, tidak jawab habis lagi! Terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya jawab, cuma Yang Berhormat tidak berapa hendak faham! Saya jelaskan bahawa alasan Universiti ialah matapelajaran yang tidak banyak hubungan atau tidak ada hubungan dengan disiplin di fakulti tertentu tidak wajar diambilkira. Kalau matapelajaran yang hendak diambil itu ialah umpamanya Sejarah

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: . . . maka mungkin syarat kelulusan atau kepujian Bahasa Cina atau Bahasa Arab tidak dikehendaki dan ini syarat yang dijelaskan oleh pihak Universiti kepada pihak Kementerian sebagaimana satu penjelasan dahpada pihak mereka dan setakat ini saya tidak lihat apa perlunya untuk kita campur tangan untuk meminta mereka menukar syarat itu kerana penjelasan mereka itu saya kira munasabah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah. Kepong.

Tuan Lim Guan Eng: Itu apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri. Tetapi tadi saya katakan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat....

Tuan Lim Guan Eng: syarat-syarat ini dibenarkan pada masa lampau.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat); Yang Berhormat....

Tuan Lim Guan Eng: Kenapa ia digururkan sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kota Melaka diperingatkan jangan berucap sebelum mendapat keizinan. (*Tepuk*) Kepong.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: (*Bangun*)

Dr Tan Seng Giaw: Dia hendak jawab.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, yang dikenakan masa latnpau yang ditukar. Tidak semua syarat yang ditetapkan pada tahun 1957 atau 1960 dalam syarat kemasukan ke Universiti dikekalkan. Saya ingat tidak kurang dari puluhan syarat di fakulti dan disiplin tertentu diubah dan disiplin pun

berubah, Universiti, Pensyarah pun berubah, Naib Canselor pun berubah. *(Ketawa)*

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan siapakah yang menetapkan syarat-syarat ini sama ada Senat atau pun Jemaah Universiti dan siapakah yang mentafsir dan menilaikan sama ada syarat-syarat ini munasabah atau pun memberi faedah kepada Universiti dan orang-orang muda sekarang ini dan bolehkah Yang Berhormat memberikan pendapat yang lebih konsisten mengenai campur tangan di dalam Universiti ini?

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Masa cukup! *(Ketawa)*

Timbalan' Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu adalah keputusan saya. *(Tepuk)*.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Speaker, kerana Yang Berhormat mengatakan mengenai kekonsistenan, saya pun hendak tanya dia bagaimana dia konsisten dengar perlantikan Vice Chancellor dan mengapa dia benarkan dan memaksakan Vice Chancellor sekarang masih bercuti walaupun mendapat gaji yang lumayan, tidak bekerja, cuma duduk di dalam rumah sahaja. Sama ada dia hendak, Tuan Speaker....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tolong pendekkan.

Dr Tan Seng Giaw: . . . dengan kekonsistenan ini, bolehkah dia bentangkan satu laporan mengenai siasatan BPR ke atasnya? *(Tepuk)*.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, yang menetapkan syarat ialah pihak Senat Universiti berkenaan. Jabatan serta Fakulti mengemukakan dan kemukakan pandangan syarat-syarat kemasukan ke Universiti dan diputuskan oleh Senat Universiti, bahkan beberapa cadangan Kementerian kalau diputuskan sebaliknya oleh Majlis dan Senat tidak dapat dilaksanakan, apatah lagi kalau cadangan itu dari Yang Berhormat dari Kota Melaka atau Kepong.

Yang kedua, soal konsisten ini, saya kira telah kita berikan penjelasan. Soal yang dikaitkan dengan perlantikan Universiti, saya hendak jelaskan ini urusan Menteri Pendidikan, bukan urusan Senat. Pandangan Senat diambilkira. Jadi, soal konsisten atau tidak soal lain. Yang ditanya ialah urusan syarat akademik, itu urusan Senat. Soal cuti Naib Canselor, itu cadangan Menteri. Iiu tidak bermakna bercanggah dengan prinsip kekonsistenan - entah apa bahasa saya tidak tahu. *(Ketawa)*

Yang ketiga, soal Badan Pencegah Rasuah, ini saya serah kepada kebijaksanaan Badan Pencegah Rasuah untuk mengemukakan sekiranya mereka dapati perlu untuk mengisytiharkan. Setakat yang saya telah diminta untuk menjelaskan ialah bahawa mereka tidak bercadang untuk meneruskan dengan tindakan kerana yang diminta ialah beberapa peringatan atau penegasan supaya Naib Canselor berkenaan mengikuti peraturan menghormati peraturan, yang ditetapkan oleh pihak Universiti dan Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah pun cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5,11 hingga 23 adalah diberi di bawah ini.)

RUMAH KOS RENDAH YANG DIBINA

5. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapa banyak rumah kos rendah yang dibina oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-5 mengikut negeri;
- (b) berapa banyak projek-projek rumah-rumah kos rendah yang terbengkalai dalam Rancangan Malaysia Ke-5 dan apakah sebab-sebabnya;
- (c) berapa ramai pemilik-pemilik rumah-rumah tersebut yang tidak membayar ansurannya dan apakah tindakan yang telah diambil dan berapa ramai yang telah disingkir dari rumah-rumah tersebut.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:

- (a) Sehingga 30.9.1990 sejumlah 25,825 unit rumah awam kos rendah telah siap dibina oleh Kerajaan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima (1986 - September, 1990). Pecahan unit siap dibina mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Unit Siap</i>
Johor	4,560
Kedah	1,021
Kelantan	1,180
Melaka	757
Negeri Sembilan	2,185
Pahang	5,772
Perak	3,839
Perlis	365
Pulau Pinang	615
Selangor	2,162
Terengganu	290
Wilayah Persekutuan	1,000
Sarawak	98
Sabah	1,734
JUMLAH	25,825

- (b) Tidak ada projek rumah kos rendah Kerajaan yang terbengkalai. Kalau ada masalah pun hanya setakat terlewat sedikit disiapkan disebabkan masalah kontraktor.
- (c) Mengenai pemilik yang tidak membayar ansurannya, ini sebenarnya diuruskan secara langsung oleh Kerajaan Negeri masing-masing, dan merekalah lebih tahu maklumat begini.

KEDUDUKAN ISTIMEWA BUMIPUTERA SABAH/SARAWAK

11. Tuan Harrison Ngau Laing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan sudah mengkaji Artikel 161(A) Perlembagaan Persekutuan dari apa yang telah atau akan dibuat untuk melindungi Hak Adat Pribumi (Native Customary Right to Land) Masyarakat Pribumi Sarawak dalam aspek pengeluaran lesen pembalakan yang melibatkan tanah-tanah adat (Native Customary Land) dan juga tentang skim-skim yang dilaksanakan oleh badan-badan swasta melalui "Grant atau Leases" yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak atas tanah masyarakat Pribumi Sarawak.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan adalah berkenaan dengan kedudukan istimewa bumiputera Negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Perkara tersebut di antaranya, memberi kuasa kepada negeri-negeri tersebut membuat apa-apa jua peruntukan undang-undang bagi merezabkan tanah untuk bumiputera negeri itu atau bagi memberi milik kepada mereka, atau bagi memberi layanan keutamaan kepada mereka mengenai pemberian milik tanah oleh negeri itu.

Pada masa ini sememangnya terdapat peruntukan di dalam Kanun Tanah Negara dan Ordinan Hutan Sarawak yang memberi hak dan keistimewaan tertentu kepada bumiputera Negeri Sarawak selaras dengan peruntukan Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan. Dengan itu Kerajaan berpendapat bahawa kuasa-kuasa yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Sarawak melalui Perkara 161A bagi menjaga hak dan kepentingan kaum bumiputera Negeri itu adalah mencukupi dan tidak perlu dikaji lagi.

TANAH MILIK KERETAPI TANAH MELAYU

12. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pengangkutan menyatakan butir-butir lanjut mengenai jumlah ekar tanah yang dimiliki oleh Kereiapi Tanah Melayu sama ada untuk stesen-stesen keretapi, gudang-gudang, landasan keretapi atau lain-lain tanah rezab, dengan memberikan satu anggaran mengenai jumlah nilai tanahnya; dan sama ada dalam penswastan Keretapi Tanah Melayu, kesemua tanah kepunyaan keretapi ini akan dipindahmilik kepada penender yang berjaya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Jumlah tanah Keretapi Tanah Melayu (KTM) yang dimiliki ialah kira-kira 16,554 ekar. Mengikut satu penilaian yang dijalankan pada tahun 1986, nilai tanah keretapi dianggarkan berjumlah \$706,004,052.00.

Pada 12hb Julai, 1989, Kerajaan telah memutuskan supaya Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu diperbadankan (corporatised) di bawah Akta Syarikat 1965. Melalui cara perbadanan ini, maka pada mulanya saham syarikat ini akan dimiliki 100% oleh Kerajaan. Oleh yang demikian, soal tanah keretapi dipindahmilik kepada penender yang berjaya tidak timbul sama sekali.

JALAN RAYA PERSEKUTUAN— TARAF

13. Tuan George Sangkin minta Menteri Kerja Raya menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Menteri berkenaan untuk memastikan taraf-taraf semua jalanraya-jalanraya di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat adalah baik. Sedarkah Menteri berkenaan bahawa keadaan jalanraya-jalanraya tersebut di seluruh Negeri Sabah amatlah mengecewakan terutamanya di daerah-daerah seperti Kudat, Kota Marudu dan Pitas.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa mengambil berat berkenaan taraf semua jalan raya Persekutuan di seluruh negara termasuk Sabah dan langkah-langkah tertentu sedang diambil untuk memastikan jalan raya berkenaan berada dalam keadaan baik. Mengenai jalan raya Persekutuan di daerah Kudat, Kota Marudu dan Pitas yang tidak memuaskan itu kerja-kerja memperbaiki jalan raya-jalan raya tersebut telah dicadang bagi dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

HARGA BARANGAN DI SABAH

14. Tuan Taimin Lumaing minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) apakah sebab harga barangan di Sabah lebih mahal dari Semenanjung sedangkan Sabah adalah dalam Malaysia;
- (b) apakah pihak Kementerian bercadang menyeragamkan harga di semua negeri dalam Malaysia.

5.2.97

2. Tuan Taimin Lumaing minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan mengapa harga besi yang dibawa dari Semenanjung Malaysia lebih tinggi daripada apa yang terdapat di Semenanjung Malaysia; ini adakah disebabkan oleh kos pengangkutan. Memandangkan barangan tersebut boleh diimport dari Negara lain dengan harga lebih rendah lagi, adakah Kerajaan Persekutuan mempunyai rancangan untuk mengurangkan beban kewangan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha di Sabah kesan daripada kawalan terhadap harang industri tersebut. Jika tidak, mengapa.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Saya mohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Tuan Taimin Lumaing pada 8hb Februari, 1991.

Kos pengangkutan adalah merupakan faktor utama yang menyebabkan harga barangan termasuk besi lebih mahal di Sabah berbanding dengan harganya di Semenanjung. Perbezaan harga ini bukan sahaja dirasakan di Sabah atau Sarawak tetapi juga di antara bandar-bandar di Semenanjung Malaysia.

Bagi Sabah dan Sarawak khususnya, kos pengangkutan yang terlibat bukan sahaja kos pengangkutan kapal, tetapi juga kos pengangkutan kapal-kapal kecil di persisiran pantai dan kos pengangkutan jalan raya dari satu bandar ke bandar yang lain. Faktor-faktor ini menyebabkan beberapa kali pengendalian dan seterusnya menyebabkan kos barangan tersebut meningkat berkali ganda.

Oleh kerana adanya perbezaan dari segi kos pengangkutan maka Kementerian tidak bercadang untuk menyeragamkan semua harga barangan di semua negeri di seluruh Malaysia.

Kecuali bagi besi keluli di mana harganya diseragamkan bagi seluruh Semenanjung Malaysia.

Bagi mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh pengusaha-pengusaha di Sabah dan Sarawak, Kerajaan Persekutuan antara lain, telah bersetuju supayasatu skim pengecualian duti import khas diberikan kepada pengilang negeri-negeri itu seperti berikut:

- (i) Pengilang-pengilang di Sabah dan Sarawak diberi pengecualian duti import ke atas bahan-bahan mentah/bahagian-bahagian komponen untuk perkilangan bagi pasaran tempatan dan eksport sungguhpun bahan-bahan/bahagian-bahagian komponen berkenaan ada dikeluarkan di Semenanjung Malaysia, dan
- (ii) Tahap pengecualian diberi kepada barangan yang duti importnya melebihi 3% bagi pasaran tempatan dan pengecualian sepenuh duti import bagi pasaran eksport.

Walau bagaimanapun, sekiranya bahan-bahan mentah/bahagian-bahagian komponen berkenaan ada dikeluarkan di Sabah dan Sarawak untuk pasaran tempatan maka duti import tidak dipertimbangkan.

DEMAM DENGGI—JUMLAH KES

15. Tuan Michael Asang minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah kes demam denggi mengikut Negeri sejak bulan Januari 1990 sehingga 30 November 1990;
- (b) tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mencegah wabak demam denggi yang merebak di kawasan Sandakan, Sabah baru-baru ini.

Timbalan Menteri Kesihatan
(Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):

- (a) Jumlah kes demam denggi mengikut Negeri sejak bulan Januari 1990 hingga 30 November 1990 adalah seperti berikut:

Perlis	104
Kedah	39
Pulau Pinang	451
Perak	255
Selangor	196
Wilayah Persekutuan	580
Negeri Sembilan	34
Melaka	21
Johor	509
Pahang	94
Terengganu	14
Kelantan	114
Sabah	212
Sarawak	1,322
JUMLAH	4,035

- (b) Pihak Jabatan Perubatan kawasan Sandakan telah, sedang dan akan mengambil tindakan pengawalan wabak demam Denggi di kawasan Sandakan (Bahagian Sandakan) seperti berikut:-

- (i-) membuat pengasapan kabus (fogging) dikawasan terlibat bagi memusnahkan nyamuk Aedes penyebar demam Denggi.
- (ii) menjalankan kajian nyamuk Aedes dari rumah ke rumah bagi mengesan pembiakan nyamuk Aedes dan juga menguatkuasakan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit, 1975;
- (iii) mengadakan gotong-royong bagi membersihkan kawasan untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes.

- (iv) mengadakan pameran di Sandakan berkaitan dengan kawalan Denggi pada 29 September 1990. Selain dari itu, ceramah, dailog, tunjukcara, tayang gambar, perbicaraan kumpulan kecil juga diadakan.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1990—GALAKAN

16. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan adakah benar tuduhan pembangkang bahawa Tahun Melawat Malaysia 1990 membawa banyak maksiat daripada faedah dan sila beritahu siapakah pelancong-pelancong yang membuat maksiat itu, adakah mereka orang-orang Islam. Kalau benar apakah langkah-langkah sesuai sedang diambil untuk menjauhkan maksiat bagi pelancong-pelancong tersebut.

Dato' Sabbaruddin Chik: Adalah tidak benar bahawa usaha-usaha galakan Tahun Melawat Malaysia membawa kepada lebih banyak maksiat daripada faedah.

Kempen-kempen galakan pelancongan berdasarkan kepada unsur-unsur kekayaan alam semula jadi negara, sejarah, kebudayaan dan kesenian dan juga membeli belah. Kita yakin tujuan pelancong-pelancong datang adalah untuk menikmati keindahan alam semula jadi, kebudayaan dan corak hidup masyarakat majmuk di Malaysia.

Melalui kempen pelancongan ini, negarakita bukan sahaja dikenali dengan lebih luas lagi di luar negara tetapi juga kita menikmati hasil tukaran asing dari perbelanjaan pelancong apabila mereka berada di sini dan juga sektor pelancongan akan menambah peluang pekerjaan untuk mereka yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan keperluan kepada pelancong-pelancong.

Maksiat berlaku di mana-mana oleh semua golongan, mungkin juga pelancong-pelancong. Ingin saya maklumkan di sini, bahawa pembangunan pelancongan negara kita tidak berlandaskan kepada unsur ini.

TABUNG PEMULIHAN USAHAWAN BUMIPUTERA

17. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Kewangan menyatakan perkara-perkara berikut mengenai Tabung Pemulihan Usahawan (TPU):

- (a) berapa banyakkah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan bagi skim ini;
- (b) berapa ramaikah usahawan Bumiputera yang telah menerima faedah skim ini serta nyatakan bentuk bantuan yang diberikan kepada mereka; dan
- (c) nyatakan syarat-syarat yang melayakkan seseorang usahawan itu mendapat kemudahan-kemudahan di bawah skim ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Jawapan berkaitan dengan soalan ini telahpun dibuat pada 4 Januari 1991 semasasayamenjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Labuan. Saya tidak mempunyai apa-apa maklumat baru untuk ditambah.

SYARIKAT TERATAI K.G. SDN. BHD—PEMEGANG SAHAM

18. Dr. V. David minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) siapakah pemegang saham Syarikat Teratai K.G. Sdn Bhd yang telah mengambil kontrak pungutan tol di Cheras;
- (b) berapakah jumlah pelaburan mereka di syarikat ini; dan
- (c) apakah peranan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam semua urusanniaga pungutan tol ini.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan pemegang saham Syarikat Teratai K.G. Sdn. Bhd berubah dari masa ke semasa dan maklumat terakhir mengenainya boleh diperolehi daripada pihak Pendaftar Syarikat.
- (b) Mengikut maklumat yang ada di Kementerian Kerja Raya jumlah saham itu telah dikeluarkan kepada pemegang saham keseluruhannya adalah sebanyak \$65,028,973,00.
- (c) DewanBandarayaKualaLumpur telah diberi kuasa untuk mengawasi pelaksanaan projek serta pungutan tol oleh Syarikat Teratai K.G. Sdn. Bhd.

ROCKET DIJUAL KEPADA ORANG RAMAI

19. Tuan Wong Wing On minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa beliau berulang-kali membuat kenyataan terbuka bahawa lidah rasmi Parti Tindakan Demokratik, iaitu THE ROCKET tidak sepatutnya dijual kepada orangramai, pada hal kenyataan tersebut adalah tidak berasas langsung dari segi undang-undang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Dalam beberapa hal, saya lebih suka membuat kenyataan yang merupakan nasihat. Sehubungan dengan ini saya suka menasihati penerbit akhbar keluaran parti politik supaya menyedari bahawa penerbit-penerbit yang bercorak lidah rasmi parti seharusnya diedar kepada anggota-anggota sahaja dan tidak sepatutnya dijual kepada orangramai.

PARTI KOMUNIS MALAYA— PERJANJIAN DAMAI

20. Tuan Tan Kok Wai mula Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada negara Malaysia masih menghadapi ancaman komunis selepas perletakan senjata oleh Parti Komunis Malaya akhir tahun 1989. Juga nyatakan kawasan-kawasan di mana dipercayai kegiatan komunis masih aktif atau wujud.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia telah menandatangani dua Perjanjian Damai iaitu pada 2 Disember 1989 dengan PKM di Selatan Thailand dan satu lagi pada 17 Oktober 1990 dengan Biro Ke-2, Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU) di Kuching Sarawak. Kedua-dua Perjanjian tersebut adalah merupakan persetujuan bagi menamatkan kegiatan bersenjata PKM di Semenanjung dan PKKU di Sarawak terhadap Kerajaan. Justeru itu, keseluruhan kawasan di negara ini telah bcbas daripada ancaman kegiatan bersenjata Komunis. Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa ideologi komunis adalah bersifat universal dan PKM sebagai sebuah parti tidak dibubarkan oleh pucuk pimpinan PKM, maka ancaman komunis dari aspek ini masih wujud. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan akan terus berwaspada terhadap sebarang kemungkinan ekoran dari perkembangan ini.

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI—MEMANSUHKAN

21. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menerangkan mengapa Akta Keselamatan Dalam Negeri belum dimansuhkan walaupun pengancam komunis telah dihapuskan sepenuhnya dengan penyerahan oleh Parti Komunis Malaya (MCP).

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Skop Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 bukan hanya terhad kepada ancaman komunis sahaja tetapi juga meliputi berbagai bentuk ancaman terhadap keselamatan dan ketenteraman awam negara seperti kegiatan-kegiatan pelampau keagamaan dan perkauman, aktiviti penyuluhan, kegiatan-kegiatan yang menjejaskan perkhidmatan-perkhidmatan perlu (essential services) dan juga kegiatan-kegiatan yang memudaratkan kehidupan ekonomi negara. Tamatnya kegiatan bersenjata PKM tidaklah bererti negara bebas sepenuhnya dari segala rupa bentuk ancaman keselamatan terhadap keamanan dan kestabilan negara. Bentuk masyarakat Malaysia yang majmuk mudah terdedah kepada lain-lain bentuk ancaman keselamatan dan elemen-elemen yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan menimbulkan mudarat pada keselamatan dalam negara Malaysia. Oleh kerana unsur-unsur ancaman ini masih wujud maka Kerajaan berpendapat Akta Keselamatan Dalam Negeri masih lagi diperlukan.

KRISIS TELUK—KESAN EKONOMI MALAYSIA

22. Dato' K. Kumaran tntina Perdana Menteri menyatakan kesan Krisis Teluk terhadap ekonomi Malaysia semenjak tercetusnya peperangan di Teluk. Nyatakan juga langkah-langkah yang akan diambil oleh Malaysia untuk mengeluarkan minyak petroleum lebih daripada had yang ditetapkan jika perang Teluk berlarutan.

Tuan Douglas Uggah Embas: Saya telah menjawab pertanyaan ini semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap pada 10 Disember 1990. Saya tidak bercadang untuk menambah kepada jawapan itu.

**TENTERA MALAYSIA KE ARAB
SAUDI—MENGHANTAR**

23. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk turut menghantar Tentera Malaysia ke Teluk untuk membantu mempertahankan Arab Saudi dari ancaman Iraq sebagai menunaikan kehendak Bangsa-Bangsa Bersatu.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Saya telah memberi jawapan yang sama semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernatn pada 6hb Disember, 1990 di Dewan yang mulia ini. Saya tidak ada apa-apa lambahan untuk dikemukakan.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1991**

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
1991**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$9,433,569,070 dibelanjakan

daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1991, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1991, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 tahun 1990, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang sedemikian jumlah-jumlah yang bersefentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut; dan bahawa, Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 11 Disember, 1990 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi uhuu kewangan 1991 adalah dibatalkan."(4hb Januari, 1991)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai menyambung ucapannya dan diperingatkan bahawa ada masa 15 minit lagi.

3.32 ptg.

Tuan Qamaruzaman bin Haji Ismail (Bagan Serai): Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana masa yang tertinggal singkat sahaja lagi maka saya barangkali kena berucap melebihi daripada 46 p.s.m.

Dalam hal membangun pertanian dengan peruntukan \$1,140 juta itu saya berharap peladang-peladang akan benar-benar dapal ditolong. Setakat ini kita perhatikan FELDA, FELCRA telah menumpukan kepada usaha tanaman sahaja. Memandangkan negara kita masih mengimport sebahagian besar daripada daging-daging lembu dan kambing, maka saya suka mencadangkan satu projek berbentuk ternakan lembu, kerbau dan kambing diuruskan sebagaimana rancangan FELDA. Kawasan yang luas perlu dicari.

dibuka, ditanam rumput dan peladang-peladang yang miskin, tiada bertanah harus dicari dan dilatih menternak. Saya percaya projek seperti ini akan berdayamaju jika diuruskan dengan baik dan bersungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan \$80 million sebagai bantuan baja padi adalah dialu-alukan. Baja padi amat berguna kepada pesawah-pesawah padi. Tanpa baja yang sesuai kadar pembajaan yang cukup, peladang-peladang tidak dapat meningkatkan hasil padi yang diharapkan. Cadangan supaya kempit baja padi dicop gambar dacing adalah sangat sesuai ini bukan sahaja lambang Kerajaan Barisan Nasional bahkan ia juga bertujuan menyedarkan rakyat supaya sama bertimbang rasa dan berlaku adil. Kekeliruan penerimaan baja dapat dibetulkan supaya jangan berlaku "lembu punya susu, sapi dapat nama."

Dalam penggunaan baja-baja disawah padi ini, sebahagian daripada larutan baja itu dibawa mengalir ke dalam parit-parit saliran. Kesan baja ini menyebabkan rumput-rumput liar yang sedia kuat dan berupaya itu menjadi cepat subur. Parit-parit saliran yang dijagai oleh JPS kerap kali penuh dengan rumput rampai yang subur dan padat. Apabila datang hujan, parit-parit ini tidak berfungsi seperti dikehendaki. Dengan itu kawasan-kawasan di kampung-kampung cepat menjadi banjir dan air hujan yang lama berhenti dan menakung di dalam kawasan pertanian sehingga mengakibatkan banyak pokok-pokok mati dan mendatangkan kerugian besar kepada peladang. Saya berharap agar Kementerian Pertanian memperuntukkan belanja yang lebih kepada jabatan yang berkenaan supaya kebersihan parit-parit dapat dibuat lebih baik dan lebih kerap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, para pesawah padi adalah tergolong dalam kumpulan orang-orang yang membayar zakat

bijian. Sistem pengolahan sawah sudah bertambah moden. Caranya sudah banyak berbeda dari bersawah di zaman bahari. Bahan-bahan input seperti baja, racun rumput-rampai, racun serangga, racun kulat dan semuanya memerlukan wang yang banyak daripada pesawah. Wang ini sebahagiannya perlu dibelanjakan lebih dahulu sebelum mendapat hasil daripada padi tanaman mereka, walhal tanaman padi adalah wajib dan tinggi pula risiko kegagalannya. Sekalipun dalam keadaan musim yang baik, rata-rata peladang tidaklah mendapat ganjaran yang lumayan. Kebanyakan mereka sedang berada di bawah paras kemiskinan mahupun sebelum ataupun selepas mereka membayar zakat.

Dengan ini saya mencadangkan supaya Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Agama Islam membuat penelitian atas kaedah-kaedah zakat padi secara khusus dengan mengambil kira segala permodenan perusahaan padi di negara ini. Ahli-ahli agama, ahli-ahli saintis perlanian dan pakar-pakar ekonomi dan sociologist hendaklah bergabung tenaga untuk menentukan secara menyeluruh hal-hal berkaitan dengan pengeluaran zakat dan mencari daya usaha mengaitkan agama sebagai pendorong ke arah pengeluaran padi dengan hasil yang banyak dan mutu yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada ramai umat Islam di negara kita yang dari masa ke semasa mewakafkan tanah-tanah mereka untuk kepentingan awam. Saya percaya jika dijumlahkan di seluruh negara, ada beribu hektar. Keadaan tanah-tanah ini bermacam rupa—ada yang membawa hasil, ada yang tidak dan tidak kurang pula menjadi punca masalah semak samun menyakitkan mata memandang.

Sebagai menghormati kepada pewakaf maka eloklah Kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan Luar

Bandar atau Kementerian Pertanian meneliti untuk membangunkannya. Saya juga suka mencadangkan supaya tanah-tanah wakaf pertanian dibantu majukan oleh Kementerian Pertanian sebagai satu tapak demonstrasi pertanian yang boleh dijadikan contoh oleh peladang-peladang terhadap berapa jenis tanaman yang sesuai di tempat mereka.

Tuan Speaker yang dihormati, strategi memupuk sebuah masyarakat penyayang atau dengan izin, a caring society, sangatlah kena pada masanya. Sudah jadi adat resam kita mempunyai sifat-sifat pengasih dan penyayang. Kita orang Melayu memang telah dididik dengan akhlak yang mulia. Setiap tahun kita diingatkan di Majlis-majlis Maulidul Rasul atas peranan ulung Nabi Muhammad s.a.w. yang juga bersabda, yang bermaksud: "Bahawa aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia." A caring society, dengan izin, adalah di antara akhlak mulia. Segala daya upaya Kerajaan untuk memastikan setiap anak yang dilahirkan itu mendapat pemeliharaan yang sewajarnya, begitu juga bagi sebahagian anggota masyarakat yang tidak sempurna hidup mereka kerana cacat, sakit uzur dan sudah tua, semuanya ini hendaklah ditanggung bersama iaitu Kerajaan dengan rakyat yang penyayang.

Di sini saya inginlah menarik perhatian Dewan ini bahawa ada perkara yang berkaitan dengan sifat-sifat penyayang ini yang patut diubah dan dibaiki, jika kita hendak menyemai akhlak yang mulia dan baik ini awal-awal lagi. Pada minggu yang lepas, saya telah mendengar ada daripada Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri menyatakan berkenaan dengan anjing di Amerika. Anjing di Amerika adalah sangat taat kepada tuannya dan di Malaysia lain pula. Malangnya di negara kita kerap terdapat orang-orang yang memelihara anjing, yang tidak bertanggungjawab. Anjing-anjing diajar

untuk menyalak sahaja, tidak kira orang baik atau orang jahat. Pekerja-pekerja seperti Posmen, Pembaca-pembaca Meter kerap kali menjadi mangsa, sifat-sifat keji suka menyalak kepada semua, tidak kira barang baik ataupun buruk, yang dibawa oleh makhluk ini sudah juga terdapat menjalar penyakit-penyakit ini sehingga ke dalam Dewan inipun. Tidak kira apa juga yang dibawa, baik ataupun tidak, hingga dikiritik, dihentam, tidak mengira kata-kata yang keji dan tuduhan-tuduhan yang melulu terhadap Kerajaan.

Maaf, Tuan Speaker, saya terkeluar sedikit, saya berbalik kepada anjing yang sebenar. Saya berharap kepada Kementerian Pertanian, Penguasa-penguasa Majlis Daerah dan Tempatan supaya mengetatkan aturan memelihara anjing sebelum kita diperintah oleh anjing. Di zaman dahulu semua memelihara anjing dipastikan menutup mulut anjing. Anjing-anjing liar perlu dihapuskan dan memelihara anjing hendaklah dipastikan mengikut peraturan yang ditetapkan. Kerana saya melihat merata-rata dan saya perhatikan juga sekarang ini orang memelihara anjing, kucing, burung dan sebagainya binatang permainan. Bagi mereka yang memelihara anjing sebagai mereka yang bersikap anti-sosial.

Anjing-anjing mereka dibiarkan membuat bising, menyalak siang dan malam, mencemari suasana hening, dibiarkan membuang najis merata-rata, menjadikan roda-roda kereta sebagai tandas. Anjing-anjing ini juga apabila sudah tiada lagi minat daripada tuannya, dibiarkan merayau dan membangsat di merata-rata tempat mengganggu ketenteraman lalulintas. Banyak anjing-anjing yang mati di tepi jalan raya dan kerap kali juga mengakibatkan kemalangan, meragut nyawa orang-orang yang tidak berdosa.

Anjing-anjing terbiar ini akhirnya masuk ke kampung-kampung, membiak dan membuat kumpulan jahat mereka.

Mereka menyerang binatang-binatang ternakan dan mengganggu anak-anak hendak ke sekolah. Anjing ini kadangkadangkang membawa penyakit dan bermacam-macam masalah sosial di musim mengawan. Perangai mereka sangat memalukan orang ramai. Jadi, kepada saya, perlu usaha yang lebih berterusan dan mengawal binatang-binatang yang dikatakan disayangi oleh manusia ini. Saya mengetahui di negeri-negeri di mana mereka menggemari memelihara anjing ini, umpamanya, di negeri Belanda, penduduknya ada 15 jula, anjingnya ada 7 juta, tetapi jarang-jarang sekali saya mendengar anjing menyalak, oleh kerana dipelihara dengan baik. Bahkan saya melihat orang tua-tua yang memelihara anjing ini sanggup membawa tissue paper, dengan izin, untuk mengutip najis-najis anjing kerana bertanggungjawab kepada pemeliharaan binatang ini.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat yang penyayang perlu diasuh dan dibentuk di rumah-rumah, di sekolah-sekolah, dan di alam nyata di khalayak ramai. Sifat-sifat penyayang adalah seharusnya menyeluruh dan kita mestilah sayang kepada apa juga yang baik kepada kita. Kita hendaklah sayang kepada keluarga kita, kepada masyarakat kita, kepada agama kita dan kepada apa juga perkara yang baik. Di dalam pilihanraya yang lepas, saya rasa sangat sedih melihatkan orang yang cinta kepada agama ini mencemarkan agama. Mereka bersorak-sorak menggunakan kalimah yang mulia, yang selalu kita gunakan di dalam masjid, di dalam waktu sembahyang, di dalam waktu kita berzikir dan bersyukur kepada Allah s.w.t., tetapi kalimah inilah dijerit-jeritkan di luar-luar pagar, di longkang-longkang dan di merata-rata di mana mereka berkumpul. Maka saya rasa ini sepatutnyalah mereka mengambil perhatian bahawasanya perbuatan mereka itu adalah sangat tidak sesuai di dalam suasana kita memupuk agama Islam dan memelihara agama Islam dengan baik.

Sekadar itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Pagoh.

3.54 ptg.

Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh): Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-samamengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai Belanjawan negara bagi tahun 1991 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini.

Di atas pembentangan Belanjawan Negara bagi tahun 1991 itu, saya mengucapkan tahniah dan saya anggap Belanjawan negara pada kali ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Keistimewaan itu ialah terletak pada masa. Masa Belanjawan ini dibentangkan mempunyai sejarah yang penting bagi negara. Tahun 1990 ialah tahun tamatnya tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Tahun 1990 adalah tahun tamatnya pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima dan tahun 1990 juga adalah tahun Kerajaan Barisan Nasional memenangi pilihanraya umum kelapan dengan majoriti lebih daripada dua pertiga sekali lagi. Belanjawan negara kali ini sudah pasti menjadi tumpuan untuk semua pihak membuat penilaian, pandangan dan rumusan serta cadangan. Tindakan mereka ini sudah tentu tidak sama kerana pendekatan dan perspektif yang berbeza. Ada pihak yang menggunakan approach, dengan izin, dengan isu politik kerana bermotifkan politik, tidak kurang pula pihak yang jujur dan membuat perakuan secara realistik dan objektif, berdasarkan kepada fakta-fakta dan angkatunjuk-angkatunjuk yang tidak diputarbelitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan negara kali ini jelas mencerminkan kejayaan Kerajaan dalam berbagai bidang atau sektor pembangunan, sama ada awam atau swasta, sama ada untuk

rakyat bandar atau luar bandar, sama ada untuk rakyat bumiputera ataupun bukan bumiputra. Justeru itu, Belanjawan kali ini amat disenangi oleh rakyat. Saya anggap Belanjawan kali ini adalah belanjawan terbaik yang pernah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Belanjawan kali ini sepatutnya tidak banyak perkara yang harus diputarbelitkan, semata-mata untuk memesonkan dan mengelirukan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan. Kerja untuk mencari kesilapan, mengkritik dan membangkang memang mudah, ianya tidak memerlukan sesuatu profesionlisma, tetapi kerja-kerja membangkang memang mudah dan lumrah untuk dijadikan profession, dengan izin, lebih-lebih lagi bagi golongan yang tidak bertanggungjawab.

Rakyat terbanyak sudahpun memberi mandat kepada Kerajaan untuk terus memerintah bagi membawa kestabilan, keamanan dan kemakmuran yang berterusan di negara ini. Slogan Kerajaan Barisan Nasional untuk terus memakmurkan negara ini bukan satu slogan kosong, yang penuh dengan tipu muslihat atau kepura-puraan, tetapi slogan Kerajaan adalah slogan yang diiringi dan dituruti dengan fakta-fakta yang jelas yang telah dan sedang dinikmati oleh rakyat jelata negara ini.

Berpandukan kepada Belanjawan kali ini, saya yakin negara akan mempunyai masa depan yang lebih gemilang, melainkan jika wujud pihak-pihak yang menjadi penghalang, pengkhianat dan pendurhaka serta tidak tahu untung yang sanggup berbuat apa sahaja demi pencapaian matlamat kepentingan nafsu sendiri atau peribadi tanpa mengira kesan buruk baiknya kepada negara dan diri sendiri. Walau apa pun risiko yang akan dihadapi oleh Kerajaan Barisan Nasional sekarang lebih-lebih lagi selepas kemenangan Kerajaan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum yang dijalankan secara demokrasi pada 21.10.1990, kemenangan itu adalah

kemenangan yang mutlak, kemenangan rakyat dan bukan Gagasan Rakyat. Kemenangan itu dicapai dengan cemerlang kerana rakyat terbanyak tahu membezakan dan menilai antara isu yang benar dan palsu, antara fakta yang betul dan diputarbelitkan, antara pihak yang jujur dan pihak yang hipokrit serta hasad. Tegasnya, rakyat tahu dan kenal mana berlian dan yang mana kaca.

Adalah menjadi harapan Kerajaan bersama rakyat untuk terus menjamin kestabilan, keamanan dan kemakmuran negara kekal dan dapat dinikmati oleh semua rakyat di negara ini, melainkan mereka yang bersikap songsang dengan tidak menyokong, sebaliknya menentang Kerajaan. Kerajaan telah pun diberikan kuasa oleh rakyat terbanyak, maka laksanakanlah segala amanah mengikut perlembagaan dan dasar-dasar yang telahpun diluluskan tanpa ragu-ragu dan bimbang. Restu dari rakyat terbanyak telah pun jelas. Oleh itu, sekiranya Kerajaan memikirkan sesuatu tindakan itu perlu diambil demi kepentingan awam dan negara maka tiada sebab Kerajaan mesti bertangguh. Sebagai contoh, lakukanlah seterusnya tangkapan di bawah ISA sekiranya ada pihak yang benar-benar sudah dikenalpasti tindak tanduknya mengancam dan menggugat negara. Lakukanlah seterusnya tangkapan kepada mereka, tidak mengira warna dan status, yang rasuah dan menyalah-gunakan kuasa dan bawa mercka ke muka pengadilan untuk dijatuhkan hukuman.

Kesan mereka yang mencabul hak asasi manusia, bersikap kejam, mendera dan menyeksa serta merogol kanak-kanak tanpa belas kasihan. Hukum dan rotan mereka di khalayak ramai supaya menjadi pengajaran kepada orang lain. Gantung mereka yang menjadi musuh negara dengan mengedar dadah. Ambil tindakan tegas kepada golongan yang sentiasa bergerak sulit menyebarkan fitnah dengan tujuan sabotaj untuk mencemarkan nama baik negara dan seterusnya menjejaskan kestabilan yang

ada di dalam negara ini. Kerajaan dan rakyat adalah sukar untuk memaafkan golongan yang kita kenali sebagai anti-national. Kepada mereka kita tidak boleh tunduk dan bertolak ansur sedikit pun sekalipun mereka itu kejam seperti pasukan komunis. Satu pengajaran kepada kita; komunis menyerah kerana kita tidak tunduk kepada tekanan dan kekejaman mereka dan kita tidak akan tunduk kepada mana-mana pihak yang secara terang atau sulit untuk menjatuhkan Kerajaan. Kepada Gagasan Rakyat kita perlu berwaspada dan tidak akan membiarkan mereka bermain api dan kotor. Kita tidak rela rakyat terbanyak menjadi mangsa dan maruah tergadai.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun melangkah ke Rancangan Malaysia Keenam dan Dasar Ekonomi Baru telah pun tamat tempohnya pada 1990. Kita telah memasuki era baru dalam tahun 1990an dan seterusnya. Dasar Ekonomi Baru, fasa kedua, fasa ketiga dan seterusnya. perlu digubal dan dilaksanakan demi kepentingan rakyat terbanyak yang telah berbudi dan berbahasa dan mengharapkan usaha-usaha Kerajaan yang berlerusan.

Selagi matlamat untuk menghapuskan jurang perbezaan ekonomi dan menghapuskan kemiskinan masih belum tercapai matlamatnya, maka tidak ada sebab mengapa DEB harus dihapuskan. Kalau ada orang menentang dasar ini, mereka ini sebenarnya orang yang tidak tahu bersyukur atas nikmat yang dikecapi dan tidak mahu mengenang budi. Dalam peringkat peralihan ini, kita merasa bangga dan berasa lega kerana ada petunjuk-petunjuk yang positif ke arah memungkinkan pencapaian ekonomi negara yang lebih berkembang dan meningkat dalam banyak sektor. Semuanya ini menjadi kenyataan kerana adanya perancangan yang baik oleh pihak Kerajaan untuk membawa negara daripada era kelembapan ekonomi 1985 kepada era ekonomi yang memberangsangkan dan mencapai kemuncaknya pada tahun 1989/1990.

Adalah menjadi harapan rakyat supaya Kerajaan terus dapat melaksanakan beberapa tindakan. Yang pertama, harapan saya ialah Kerajaan dapat mengawal inflasi pada kadar yang rendah. Kerajaan perlu bertindak tegas bagi mengawal perbuatan sewenang-wenang menaikkan harga barang khususnya barang-barang keperluan harian oleh pihak-pihak yang mahu mengambil kesempatan mengaut keuntungan secara sekelip mata, lebih-lebih lagi di luar bandar di mana kesannya amat dirasai. Dengan cara ini diharap keadaan yang timbul tidak akan menjejaskan usaha Kerajaan untuk membangunkan sektor luar bandar.

Saya juga berharap Kerajaan akan mewujudkan pelan induk pembangunan industri kampung dan industri kecil yang lebih kemaskini bagi memajukan sektor ini khususnya di kawasan luar bandar untuk menampung tenaga kerja yang banyak di luar bandar. Bagi memenuhi kehendak ini, agensi-agensi dan jabatan-jabatan yang bertanggungjawab perlulah lebih bersepadu di peringkat bawah untuk penyelarasan dan pelaksanaan rancangan yang lebih licin dan berkesan. Sikap pegawai-pegawai pelaksana perlulah juga berorientasikan program bertindak secara komersial di mana penglibatan yang bersungguh-sungguh amatlah diperlukan.

Saya juga berharap Kerajaan dapat memastikan peranan swasta secara yang benar-benar committed, dengan izin. Saya menyeru Kerajaan menyiasat kedudukan bank-bank atau institusi-institusi kewangan perdagangan supaya benar-benar menunaikan tanggungjawab untuk membantu kaum bumiputera mendapat kemudahan pinjaman perniagaan. Saya difahamkan ada di antara bank-bank atau institusi-institusi perdagangan di negara ini lebih rela membayar denda kerana tidak mahu memenuhi kuota pemberian pinjaman kepada kaum bumiputera. Mereka sengaja tidak mahu meluluskan pinjaman kepada bumiputera kerana

kononnya risikonya adalah terlalu tinggi. Saya berpendapat mereka yang telah menjalankan perniagaan di negara ini dan mendapat faedah yang lumayan seharusnya tidak lupa akan tanggungjawab nasional yang patut ditunaikan kepada rakyat dan negara ini.

Saya seterusnya berharap Kerajaan dapat memastikan supaya sektor pembinaan terus berkembang dengan Kerajaan mengambil langkah pengawalan yang rapi terutama di atas bekalan barang-barang binaan yang kerap kali dimanipulasikan dari segi harga dan juga bekalan sehingga menjejaskan setengah projek-projek yang mana boleh melibatkan terbelakainya sesuatu projek dan kebangkrapan sesebuah syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjaga kepentingan rakyat dan untuk tidak membantutkan kemajuan negara, saya juga meminta Kerajaan mengambil suatu tindakan jika perlu melalui Akta, untuk menyekat dan menghapuskan Skim Cepat Kaya yang ternyata banyak membawa keburukan dan kerugian yang kegiatannya sedang berleluasa di negara ini. Selanjutnya, saya berpendapat adalah tepat pada masanya untuk pihak Kerajaan mengkaji secara lebih serius dan terbuka mengenai perkembangan baru yang menyentuh tentang dailog niaga China—ASEAN. Penyertaan adalah kepada potensi pasaran yang luas di negara China dan perlunya ASEAN mencontohi Kesatuan Ekonomi Eropah atau EEC. Kita tidak patut ketinggalan sehingga peluang pemiagaan itu direbut oleh orang lain. Peluang juga harus ditumpukan ke kawasan Eropah Timur yang mengalami perubahan baru yang membuka peluang pasaran yang lebih luas kepada barangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya memuji langkah pihak kehakiman yang mencari jalan untuk menyelesaikan kes-kes yang begitu banyak tertangguh di negara ini. Usaha mereka ini patut dihargai kerana institusi kehakiman berfungsi untuk

melaksanakan keadilan terlaksana di negara ini. Oleh itu selaras dengan tugas mereka, saya harap Kerajaan akan mengambil langkah positif yang lebih berkesan untuk mengatasi soal-soal kekurangan hakim di semua peringkat. Keadaan-keadaan mahkamah, penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah dan juga soal gaji mereka harus dikaji semula untuk memberi imej dan juga inisiatif baru kepada institusi kehakiman di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita patut bersyukur kerana negara terus mantap dan maju dari segi politik ekonomi dan juga keselamatan hasil usaha pemimpin kita yang gigih dan jujur dalam mentadbirkan negara. Justeru itulah pemimpin kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kekal, walaupun pemimpin lain di India, di Bangladesh, di Pakistan dan di Britain jatuh. Saya ucapkan syabas kepada pemimpin kita.

Lima strategi Belanjawan kita adalah sangat menepati kehendak sekarang dan juga masa hadapan negara. Tetapi strategi kelima iaitu strategi memupuk sebuah masyarakat penyayang, dengan izin, caring society adalah satu strategi murni yang ingin menseimbangkan kemajuan materialisma dan individu-alisma. Inilah nilai-nilai yang menjamin kemajuan yang berkekalan di negara ini,

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul Belanjawan 1991.

Tuan Yang di-Pertua: Baram.

4.08 ptg.

Tuan Harrison Ngau Laing (Baram): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab memberi sayapeluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan tentang Rang Undang-undang Belanjawan negara kita pada tahun 1991 ini seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat

Menteri Kewangan pada 14hb Disember 1990 yang lalu. Saya tertarik hati dengan beberapa strategi Belanjawan kita khususnya strategi untuk mewujudkan satu masyarakat yang penyayang.

Satu faktor penting yang harus diberi perhatian untuk mewujudkan masyarakat penyayang antara rakyat Malaysia di Sarawak adalah tentang kedudukan kaum pribumi di Sarawak terhadap tanah. Sejak masa penjajahan Brooke dan British dahulu, hak-hak kaum pribumi ke atas tanah adat kami sudah diperakui. Ini adalah ternyata seperti dalam satu Secretariat Circular No. 12 tahun 1939 yang saya ingin quote di sini:

"Streams are indisputable boundaries. Unmarked watersheds invariably cause trouble when the time comes for survey and it is unsatisfactory unless they can be demarcated and surveyed without delay. It is recommended that in all cases where artificial boundaries are necessary and the Land and Survey Department cannot undertake survey within a few months, marks of a type that appeals to the Community unity appeals entirely should be established at intervals. Such marks clumps of bamboo or sago possibly reinforced by peg or turned to the natives' own taste. Any form of mark is better than none and will minimise disputes when the time comes for demarcation and survey. It is thought that in the first instance assistance by surveyors would be undesirable as natives might conclude that the Government had assumed responsibility and would cease to make genuine efforts to arrive at satisfactory definition.

Where boundaries have been agreed, they will be recorded by District Officers in the form of description. A copy of the description will be given to the various Councils and the District Officer will

emphasize the fact that the area so described is over which the community concerned has acquired or may acquire customary rights in accordance with native adat. The Land and Survey Department will cooperate to sketch these areas on District Officer's map and they will become immediately in mixed-zone areas and native areas native communal reserves under the Land Orders. Additions to such areas will be permitted only on application and on the proof to the satisfaction of District Officers that additional farming land is necessary because of an increase in the population or for other good reasons".

Secretariat Circular ini pasti dan jelas mengiktirafkan kedudukan tanah adat kaum pribumi dan mengatur tentang sempadan-sempadan tanah adat kami. Berikutan dengan ini sempadan untuk tiap-tiap rumah panjang seperti di Baram, kawasan saya, ada diatur dan ditetapkan. Rekod-rekod sempadan ini ada masih disimpan di dalam buku sempadan atau boundry books, dengan izin, di Pejabat-pejabat Daerah di Sarawak seperti Marudi. Hingga sekarang apabila timbulnya perselisihan di antara penduduk rumah-rumah panjang tentang sempadan tanah adat kami buku sempadan inilah yang menjadi panduan kepada pihak berkenaan untuk menyelesaikan perselisihan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ada beberapa extracts map boundry yang di mana sudah ditetapkan dari masa penjajahan dahulu. Jadi dalam area inilah yang di mana semua kaum-kaum pribumi di Sarawak claim customary rights

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berucap berkenaan dengan tanah di Sarawak. Tetapi bukankah tanah ini di bawah kuasa Negeri?

Tuan Harrison Ngau Laing: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bangkitkan sedikit tentang roles of the different Federal agencies tentang tanah di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Federal Agencies?

Tuan Harrison Ngau Laing: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi Pederal Agencies hanya advisory sahaja.

Tuan Harrison Ngau Laing: Di sini juga sebab saya ingin melibatkan sedikit tentang peranan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Harrisoo Ngau Laing: Terima kasih. Hak kaum peribumi ke atas tanah adat kami juga diperakui dalam seksyen 2, 5 dan 15 Kanun Tanah Sarawak. Misalnya seksyen 2 Kanun Tanah Sarawak itu defines native customary land, dan saya quote:

"Native customary land means land in which native customary rights whether communal or otherwise had lawfully been created prior to the First day of January 1958 and still subsists as such."

Definasi dalam seksyen 2 Kanun Tanah Sarawak ini cukup jelas menyatakan hak kaum peribumi ada dua kategori iaitu individu atau family basis dan communal. Itulah sistem adat law dan undang-undang tanah mengenai hak kaum peribumi atas tanah kami memang diberi special status dan itulah juga sebab pada tahun 1963 sewaktu Malaysia ditubuhkan, jaminan dan perlindungan yang istimewa telahpun diberi terhadap kedudukan adat dan hak kaum peribumi di Sabah dan Sarawak atas tanah adat kami seperti

yang didapati di bawah Artikel 150 dan Artikel 161A Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kaum peribumi di Sarawak diberi jaminan perlindungan yang istimewa atas hak tanah adatkami itu dalam Perlembagaan dan Undang-undang, keadaan kami pada masa sekarang sangat menyedihkan. Misalnya dalam beberapa tahun yang lalu akibat perkembangan pembalakan, banyak lesen-lesen kayu-balak yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa meliputi kawasan-kawasan tanah adat kami di dalam sempadan tanah adat kami sendiri. Oleh kerana lesen-lesen pembalakan meliputi tanah adat kami, syarikat-syarikat pembalok telah mencerooh dalam kawasan sempadan tanah adat kami. Kegiatan pembalakan ini telah mengakibatkan kerosakan ke atas tanah adat serta kebun dan tanaman orang-orang tempatan. Syarikat-syarikat balak juga membuat kerosakan ke atas kubur-kubur dalam kawasan sempadan adatkami ini. Di samping itu, kegiatan pembalakan telah membawa kesan-kesan yang buruk seperti pencemaran sungai akibat hakisan tanah yang begitu meluas, kekurangan ikan dan juga kekurangan sumber-sumber hutan yang perlu oleh penduduk-penduduk tempatan. Kesan-kesan yang begini pula mengakibatkan kekurangan makanan dan sumber-sumber protein bagi penduduk tempatan yang bergantung kepada hasil pertanian dan sumber-sumber dari hutan di sekeliling kampung-kampung kami.

Satu kajian yang dibuat oleh WWF Malaysia pada tahun 1987 telah menyatakan, dan saya quote:

"Wildlife hunled as food in Sarawak in Northern Borneo would cost more than US \$100 million to replace by increasing production of domesticated animals. Yet, this asset has been ignored in the Malaysian state's economy and is currently threatened by commercial logging."

Dalam paragraph di bawah lagi, laporan dari kajian ini mengatakan:

"Consumption of wild meat in forest areas has dropped from 54 kilogrammes per person before logging to an average 2 kilogrammes per person annually 30 years after being logged over. At the same time, silting and pollution of streams by logging crews seriously deplete the stock of fish in the rivers. Wild meat and fish account for 60% of the main protein supply in the rural areas, reduction in their supply are partly responsible for malnutrition and growth stunting in Sarawak's interior."

Tuan Yang di-Pertua, sayajugaada di sini beberapa keping gambar yang telah diambil dari beberapa kawasan di pedalaman negeri Sarawak seperti di kawasan Hulu Limbang, Lawas, Baram, Bintulu, Kapit, Belaga, Serian dan Lundu sebagai bukti yang jelas sekali menunjukkan pencerobohan dalam kawasan tanah adat kaum peribumi di Sarawak yang mengakibatkan kerosakan tanah-tanah tersebut dan pencemaran air sungai-sungai akibat kegiatan pembalakan. Inilah antara gambar-gambar yang saya bawa untuk makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini yang telah menunjukkan kerosakan semua tanah-tanah adat kaum peribumi dan juga pencemaran air yang sangat meluas di Sarawak.

Komuniti-komuniti tempatan yang sedang dihadapi oleh masalah-masalah kegiatan pembalakan seperti tersebut telah mengambil beberapa tindakan untuk membawa semua masalah ini ke perhatian Kerajaan seperti melalui surat-menyurat, rayuan dan memorandum. Beberapa laporan juga telah dibuat kepada pihak yang berkuasa seperti polis tentang pencerobohan dan kerosakan hartabenda seperti tanah, kebun-kebun dan kuburan kami oleh syarikat-syarikat pembalakan tertentu. Pada Jun, 1987 saya sendiri ada bersama dengan beberapa

wakil kaum peribumi di negeri Sarawak datang ke Kuala Lumpur untuk berjumpa dan membincang masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum-kaum kami itu supaya tindakan dapatlah diambil oleh Kerajaan. Tetapi walaupun semua Yang Berhormat Menteri-menteri yang kami jumpa seperti Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Ketua Polis Negara telah berjanji untuk menyasial dan mengambil tindakan atas masalah-masalah yang dihadapi oleh kami itu, sampai hari ini tidak ada tindakan yang telah diambil oleh mereka. Pencerobohan dan kerosakan tanah kebun-kebun dan pencemaran air sungai-sungai kami masih berterusan sampai hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa tidak ada tindakan dari Kerajaan dan oleh kerana kami tidak ingin melihat dan menghadapi pencerobohan dan kerosakan berterusan atas tanah dan tanam-tanaman kami, maka itulah banyak di antara kaum-kaum peribumi yang terlibat dan yang menjadi mangsa pencerobohan dan kerosakan ini terpaksa mengambil tindakan sendiri seperti membuat benteng untuk menutup jalan syarikat-syarikat pembalakan yang menceroboh dalam kawasan sempadan tanah adat rumah-rumah panjang kami. Dari perhatian saya sebab-sebab mereka membuat benteng itu adalah semata-mata untuk melindungi tanah adat, kebun, tanaman dan kuburan kepunyaan mereka dari kerosakan dan juga untuk melindungi kawasan tadahan air mereka dari pencemaran akibat hakisan tanah oleh kegiatan pembalakan.

Tuan Yang di-Pertua, dari siasatan dan kajian yang saya buat juga benteng-benteng yang didirikan oleh kaum-kaum peribumi yang terlibat adalah di dalam kawasan sempadan tanah adat atau kebun-kebun mereka yang terlibat sendiri tetapi apabila kaum-kaum peribumi bertindak sedemikian, pihak

yang berkuasa terus menangkap dan menahan mereka, tidak kira mereka yang terlibat hanya bertindak untuk mempertahankan hak mereka atas hartabenda mereka sendiri.

Dari pengetahuan saya, sejak tahun 1987 hingga tahun 1990 sahaja seramai 303 peribumi di Sarawak telah ditangkap dan didakwa kerana membuat benteng-benteng menghentikan pencerobohan dan kegiatan pembalakan dalam kawasan sempadan tanah adat mereka. Kes-kes penangkapan yang saya sebutkan itu bukan ertinya mereka yang terlibat adalah criminals, dengan izin, seperti yang selalu dianggap oleh pihak-pihak terlentu. Sebenarnya antara semua kes penangkapan ini yang telah dibawa dan diputuskan oleh mahkamah, tidak seorang pun dari mereka yang didapati bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kami datang berjumpa dengan Ketua Polis Negara dan Ketua Polis Sarawak di Kuala Lumpur pada bulan Jun 1987, Ketua Polis Negara sudahpun memberi jaminan kepada kami seperti yang dinyatakan dalam suratkhbar *The Star* pada 12hb Jun, 1987 dan saya quote:

"It is not up to the police to say who had the rights to the land or whether to the roads leading to the timber camps were public or private roads. That is up to the court."

Tetapi yang masih membimbangkan kami sampai sekarang ialah pencerobohan dan kerosakan tanah dan lain-lain hartabenda kami seperti tanaman kami dan pencemaran air yang dihadapi oleh kami di Sarawak masih lagi berterusan. Walaupun banyak laporan dan rayuan dibuat kepada Kerajaan termasuk pihak Polis tentang masalah-masalah yang kami hadapi, Kerajaan masih juga tidak mengambil tindakan. Mereka yang terpaksa terlibat menghentikan pencerobohan dan kerosakan atas tanah tanaman dan kuburan, mereka masih ditangkap.

Tuan Yang di-Pertua, mereka yang terlibat dalam protes, seperti mendirikan benteng-benteng menutup jalan syarikat-syarikat pembalakan bukanlah anti-establishment atau anti-development atau diperalatkan oleh orang asing dari luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, adapun kami protes dan terpaksa membuat benteng kerana tidak patutlah sesudah kita menjadi sebuah negara yang merdeka, kami rakyat Malaysia dari kaum peribumi Sarawak terus hilang kuasa dan hak atas tanah adat dalam sempadan rumah-rumah panjang kami begitu sahaja dan terpaksa meminum air sungai yang kotor. Tidak sesiapa pun yang senang hati dan lari dari rumahnya apabila pencuri masuk dan mencuri barang-barang dalam rumahnya. Bagaimanakah kami anti-establishment, anti-development diperalatkan oleh orang asing atau menjual maruah negara jikalau kami hanya menghalaukan pencuri-pencuri yang masuk dan merosakkan barang-barang dalam bilik kami sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tentang kenyataan pembalakan di Sarawak adalah mengikut sustainable yield management atau selective logging, dengan izin. Izinkanlah saya untuk merujuk kepada satu kenyataan dari seorang Timbalan Pengarah Jabatan Hutan Negeri Sarawak sendiri dalam *The Los Angeles Times* pada 18hb Mac, 1990 yang mengatakan begini:

"Of course, of the state's approximately 32 million acres of land, 22 million are forested and 90% of that has been licensed out already. People say we are following sustainable yield. Yes, of course, we are on the book but corruption is one of the businesses around. Moreover, it is not in the loggers interest to care about long term effects of their actions."

Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya kami kaum peribumi dan Timbalan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak itu sahaja yang tidak senang hati dengan keadaan kami, sedangkan pemimpin-pemimpin parti-parti politik di negeri Sarawak mereka sendiri juga tidak senang hati dengan keadaan sekarang. Dalam pada itu, izinkan saya membaca sedikit kandungan sepucuk surat yang ditulis oleh Timbalan Pengerusi Parti Pesaka Bumiputera Bersatu, Bahagian N. 54 Telang Usan dalam kawasan saya di Baram kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak pada 27hb Januari, 1989:

"Yang Amat Berhormat Tan Sri Datuk Patinggi,

Bagi pihak penduduk-penduduk masyarakat Ulu Baram antara Long San ke Lio Matoh buat sama ada dari Sungai Akah, Long Lellang ke Long Banga, saya ditugaskan untuk menyampaikan pesanan dari mereka semua supaya Yang Amat Berhormat Tan Sri Datuk Patinggi sudi meluangkan masa serta izinkan dengan datang berjumpa Yang Amat Berhormat di Kuching kurang lebih dalam bulan Februari ini. Perjumpaan ini diminta oleh kerana mereka tidak senang hati dan merasa ragu-ragu dengan kedatangan timber operations di Ulu Baram. Sebelum berjumpa dengan Yang Amat Berhormat, kami akan mengadakan dialogue session dengan Wakil Rakyat Baram/Telang Usan dan yang tertentu bagi mengelakkan sebarang salah fahaman."

Pada tahun 1987, satu kajian telahpun juga dibuat oleh Unit Perancang Negeri Sarawak untuk mengkaji sebab-sebab kaum peribumi mendirikan benteng-benteng di seluruh Sarawak. Hasil kajian ini pun telah dikeluarkan dalam satu laporan dan saya juga ingin membaca sedikit dari laporan tersebut.

"The State Forestry Policy covers all the major issues that are of great

concern to the Penans and other rural native communities. These issues include utilisation of forest resources on sustained yield, conservation and quality of the environment. However, in practice, many of these issues have not been given serious attention. For instance, there has been no environmental impact assessment done in log areas to assess the quality of the environment. Supervision of logging activities leave much to be desired. The areas under active logging scattered over the length and breadth of Sarawak. There is no indication that the situation will improve in the immediate future but on the other hand logging will proceed further into more sensitive areas in the hilly interior. In this scenario the damage can only increase."

Pada muka yang kedua juga:

"But why had the Penans and Orang Ulus resorted to blockades? According to the Penans and Orang Ulus the reason is simply this: lack of response from Government agencies to acknowledge the above mentioned problems. The Penans and Orang Ulus have gone to see various Government officials at district, divisional and state levels to tell them about these problems. They have all written numerous letters to these officials including those at the highest level of Government explaining the same problems but these same problems have not been accorded proper acknowledgment. For this simple reason they have to resort to blockades to draw the attention of not only the State Government but also the national and world communities."

Dalam fikiran kami di Sarawak tidak susahlah Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama pergi ke Oxford atau Brussels. Datanglah ke Negeri Sarawak ke kawasan saya di Baram untuk melihat sendiri keadaan di kawasan kami di sana.

Jangan datang satu dua jam pakai helikopter, itu tidak cukup untuk mengenalkan

Tuan Michael Lisa Kaya: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Michael Lisa Kaya: Minta penjelasan.

Tuan Harrison Ngau Laing: Minta maaf, saudara saya Yang Berhormat dari Bukit Mas pun dia dari Sarawak. Jadi, kami boleh bincang nanti (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Boleh bincang, ya.

Tuan Harrison Ngau Laing: Itu tidak cukup untuk mengenalkan masalah katni. Diamlah tiga, empat hari dalam rumah panjang kami dan minumlah juga air sungai kami di sana supaya dapat tahu keadaan kami sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri saya ingin membuat beberapa cadangan untuk tindakan Kerajaan dalam melaksanakan strategi-strategi Belanjawan tahun 1991 ini khususnya untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang benar-benar penyayang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Harrison Ngau Laing: Ya. (1) Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak haruslah menubuhkan satu Special Commission yang bertujuan untuk:

- (a) mengkaji semula Perlembagaan dan undang-undang yang ada sekarang supaya kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan dalam Perlembagaan dan undang-undang sekarang serta kelemahan dan kekurangan

dalam penguatkuasaan perlindungan istimewa atau special protection or guarantees, dengan izin, terhadap adat law dan hak kaum peribumi di Sarawak atas tanah adat kami dapatlah dikaji semula dan dikuatkan lagi.

- (b) menjalankan siasatan atas aduan dan rayuan daripada kaum peribumi di Sarawak tentang masalah pencerobohan dan kerosakan tanah, hutan, kebun ataupun tanaman, kuburan dan pencemaran air mereka serta membuat rekomendasi-rekomendasi kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak tentang tindakan yang patut diambil oleh kedua-dua pihak untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh kaum-kaum tersebut. Oleh kerana keadaan dan masalah yang dihadapi ialah kompleks dan berleluasan ahli-ahli Special Commission ini perlu terdiri dari orang-orang yang pakar dalam bidang anthropology, sociology, undang-undang, forestry dan lain-lain.

(2) Kerajaan Persekutuan harus memberi satu special allocation yang berjumlah \$10 juta kepada Kerajaan Negeri Sarawak setahun untuk Kerajaan Negeri Sarawak mengukur dan rekod sempadan tanah adat semua kaum-kaum peribumi di Sarawak yang belum lagi ada rekod sempadan tanah adat mereka. Special allocation ini, dengan izin, bolehlah dihentikan apabila survey berkenaan siap dilaksanakan. Dengan rekod-rekod yang lengkap, perselisihan bukan hanya antara orang-orang rumah panjang dapatlah diatur dengan sempurna, begitulah juga perselisihan antara kaum peribumi dengan syarikat pembalok, syarikat pelombong dan syarikat-syarikat swasta yang ingin melaksanakan

skim-skim tanah di Sarawak dapatlah diatur.

(3) Sewaktu menunggu siasatan dan rekomendasi oleh Special Commission yang tersebut tadi dan persiapan pengukuran sempadan kawasan tanah kaum peribumi yang dicadangkan, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak patutlah menghentikan semua kegiatan syarikat-syarikat pembalok, perlombongan dan pelaksanaan skim-skim tanah yang meliputi kawasan sempadan tanah yang di claim, dengan izin, oleh kaum pribumi.

Tuan Yang di-Pertua: Panjangkah lagi Yang Berhormat? Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Harrison Ngau Laing: Dua point lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dua lagi.

Tuan Harrison Ngau Laing:

(4) Kerajaan Persekutuan mestilah mempertimbangkan berapa jumlah pampasan yang patut diberi kepada Kerajaan Negeri Sarawak supaya Kerajaan Negeri Sarawak dapatlah mengurangkan pembalakan hutan tropikanya yang mengakibatkan banyak kesan-kesan yang buruk seperti yang saya sebutkan pada awal lagi. Pampasan tersebut bolehlah juga dipertimbangkan dari segi menaikkan royalti dari minyak dan gas yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri Sarawak dan dengan izin, allocation for the improvement and development of basic social services such as health, education and basic infrastructure like road. Dengan pampasan tersebut negeri Sarawak tidak akan bimbang reventuannya dari pembalakan jika dikurangkan tidak membawa kesan-kesan yang adverse, dengan izin, terhadap ekonomi dan keperluan kemajuan negeri Sarawak.

Saya ingat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri mengikut kenyataannya dalam *The Star* pada 15.11.1989 telah mengatakan, dengan izin, saya quote, "The Government wants the total ban on export of logs and is willing to compensate Sabah and Sarawak, two major exporters, for the loss in revenue. The Treasury had already been directed to study how to work out the compensation for the two States which accounted for most of the \$4 billion of logs exported last year. Sabah and Sarawak had no objection to the ban, but wanted compensation and Federal assistance to develop the States."

Jadi cadangan saya ini adalah hanya menyokong kenyataan dan hasrat Kerajaan seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri.

(5) Undang-undang....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kata dua, itu nampaknya ada tiga lagi.

Tuan Harrison Ngau Laing: Satu sahaja lagi.

(5) Undang-undang iailu Environmental Quality Act 1974 khususnya seksyen 34A patutlah diubah dengan segera. Pada masa sekarang aktiviti-aktiviti seperti pembalakan dan lain-lain di mana Environmental Impact Assessment Study adalah masih mempunyai kekurangan dan kelemahan yang besar. Misalnya, The Environmental Quality Order yang membuat EIA Study ini mandatori untuk kegiatan-kegiatan tertentu hanya dikuatkuasakan pada April 1988 sahaja. Ertinya, aktiviti atau kegiatan yang telah dilesenkan oleh Kerajaan sebelum tarikh ini tidak memerlukan EIA study dibuat atas aktiviti atau

kegiatan tersebut walaupun aktiviti atau kegiatan tertentu itu mengakibatkan kesan-kesan yang buruk juga seperti hakisan tanah yang meluas dan pencemaran air sungai-sungai di Sarawak.

Dengan itu sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Belanjawan 1991 ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong.

4.33 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, perkembangan beberapa hari kebelakangan ini telah menjelaskan bahawa Barisan Nasional sedang menjalankan satu penindasan, satu crack down yang besar-besaran terhadap pemimpin-pemimpin PBS dengan menggunakan serangkaian undang-undang dan kuasa seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri yang baru-baru ini digunakan terhadap Timbalan Pengarah Institut Penyelidikan Pembangunan dan Penasihat Akhbar kepada Ketua Menteri Sabah, Dr. Maximus Ongkili. Akta Pencegah Rasuah terhadap Ketua Menteri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berkenaan, Ketua Menteri Sabah, saya minta jangan sentuh, kerana perkara itu adalah *sub judice*.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak masuk dalam perkara itu tetapi kenyataan itu kita tidak boleh lari daripada itu. Saya tidak akan bincang mengenai tuduhan-tuduhan yang ada.

Dan saya faham bahawa Akta ini pun akan digunakan terhadap Menteri-Menteri Negeri Sabah yang lain dan Akta Polis akan digunakan terhadap pemimpin-pemimpin PBS. Dan saya tidak akan komen terhadap ketiga-tiga tuduhan tersebut yang berkisar kepada tema

bahawa syarikat-syarikat anak saudara beliau telah memperolehi manfaat daripada kontrak dan keputusan Kerajaan Negeri Sabah.

Bagi pihak DAP kita tidak akan, dengan izin, condone perbuatan rasuah dan perbuatan curang. Walau bagaimanapun seluruh rakyat Malaysia sedia maklum bahawa sekiranya Badan Pencegah Rasuah hendak memberkas pemimpin-pemimpin Kerajaan kerana syarikat-syarikat sanak-saudara atau crony mereka telah memperolehi manfaat daripada kontrak atau keputusan Kerajaan, maka penjara-penjara kita akan penuh dengan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, (*Tepuk*) termasuk Menteri-Menteri, Timbalan Menteri, Menteri-Menteri Besar, Ketua Menteri, Ahli EXCO Negeri dan malangnya tidak ketinggalan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. (*Tepuk*)

Saya cabar Badan Pencegah Rasuah membentuk satu jabatan yang khusus untuk menyiasat syarikat-syarikat sanak-saudara Menteri Kabinet, Timbalan Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri, Ahli EXCO Negeri dan juga jangan ketinggalan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang telah memperolehi manfaat daripada kontrak dan keputusan Kerajaan dan mendakwa ke semua mereka ke mahkamah atas tuduhan rasuah sebagaimana Ketua Menteri Sabah diberkas dan didakwa di mahkamah.

Saya yakin bahawa sekiranya Badan Pencegah Rasuah menumpukan perhatian ke dalam lingkungan ini, badan tersebut akan terpaksa menambahkan kakitangan dan pegawai mereka sebanyak dua, tiga atau empat kali ganda untuk menjalankan tugas.

Sebenarnya Badan Pencegah Rasuah harus menubuhkan sebuah unit khas khusus untuk menyiasat setiap kontrak

yang diluluskan oleh Kerajaan kepada United Engineers Malaysia (UEM) (*Tepuk*) kerana setiap Kontrak Kerajaan ataupun penswastan membabitkan percanggahan kepentingan (*conflict of interest*) atas sebab UEM adalah sebuah syarikat UMNO. Dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah antara dua orang pemegang amanah Hatibudi yang sebenarnya memilik UEM.

Kes yang paling memalukan ialah skandal Lebuhraya Utara-Selatan di mana *conflict of interest* yang begitu terdedah dan tidak berselindung-selindung. Saya telah membuat satu laporan Polis berkenaan *conflict of interest* Menteri-Menteri UMNO dalam pemberian penswastan Lebuhraya Utara-Selatan kepada UEM pada September 1987. Tetapi saya tidak mengetahui sama ada Polis atau Badan Pencegah Rasuah telah memulakan penyiasatan atas laporan tersebut. Bolehkah Perdana Menteri atau Timbalan Menteri Dalam Negeri boleh memberi satu keterangan dalam Dewan ini mengenai apa tindakan sudah diambil dalam perkara ini? Bukan sahaja pihak berkuasa tidak mengambil apa-apa tindakan sebaliknya Ahli Parlimen dari Jelutong dan saya telah ditahan di bawah ISA atas sebab, amara lain, pendedahan skandal Lebuhraya Utara-Selatan, UEM dan Menteri-Menteri UMNO.

Sekarang ini kita memerhatikan UEM sedang menjalankan tentacles, dengan izin, ke dalam hampir setiap projek penswastan yang utama, yang besar. Selepas Lebuhraya Utara-Selatan, UEM mengambilalih sekarang Syarikat Teratai K.G dan franchise toll Kuala Lumpur dan kita telah dengar pada minggu lalu bahawa UEM mahu menswastakan Jambatan Pulau Pinang. Kenapakah Badan Pencegah Rasuah begitu takut mengambil tindakan terhadap kontrak-kontrak penswastan UEM apabila ia boleh memberkas Ketua Menteri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sebabnya adalah nyata sekali kepada semua pihak bahawa Badan Pencegah Rasuah bukanlah bebas dalam memerangi rasuah. Ia hanya merupakan alat politik untuk melindungi perbuatan rasuah pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dan sanak-saudara serta *crony* mereka. Sementara ianya digunakan untuk menakut-nakutkan dan membinasakan lawan politiknya.

Lima bulan yang lalu saya telah mengadakan satu persidangan akhbar mendedahkan perbuatan curang Menteri Besar Selangor yang telah menolak keputusan Lembaga Tender PKNS dalam memberikan sebuah tender kepada seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor. Pada 17hb November, 1986 PKNS telah menyiarkan iklan berkenaan penjualan secara tender sekeping tapak stesen petrol di Seksyen 17 Shah Alam. Apabila tender ditutup pada 1hb Disember, 1986, 11 tender telah diterima. Tender yang paling tinggi pun telah dibentangkan oleh seorang yang bernama Ishak bin Hahsim dengan quotation \$69.50 satu kaki persegi. Lembaga Tender PKNS telah bersidang pada bulan Disember, 1986 dan membuat keputusan yang rasmi untuk meluluskan tapak stesen petrol kepada Ishak bin Hashim kerana beliau telah menawarkan harga yang paling tinggi.

Tetapi walaupun Lembaga Tender telah secara rasmi membuat keputusan meluluskan tender tersebut kepada penawar yang tertinggi, Menteri Besar Selangor pada masa itu Yang Berhormat Datuk Mohamed bin Haji Taib telah campurtangan dan menolak keputusan Lembaga Tender PKNS dan meluluskan tender tersebut kepada penawar yang berada di tempat ketujuh dengan harga tawaran \$55.00 satu kaki persegi sahaja.

Penawar nombor ketujuh yang memperolehi campurtangan Menteri Besar yang sememangnya telah melakukan perbuatan curang yang ketara dengan menolakan keputusan Lembaga

Tender PKNS adalah Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Morib pada ketika itu, Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar bin Haji Abdul Hamid yang pada masa sekarang ialah seorang Ahli EXCO yang baharu.

Beberapa Ahli: Malu.

Tuan Lim Kit Siang: Walaupun Menteri Besar telah memutuskan bahawa Datuk Haji Abu Bakar harus menambah harga tawarannya supaya setanding dengan harga tawaran yang tertinggi iaitu \$69.50 sekaki persegi. Kes ini jelas adalah perbuatan curang dan penyalahgunaan kuasa akibat daripada pilihkasih politik dan cronism.

Satu laporan ACA telah pun dibuat terhadap Menteri Besar Selangor pada September lalu dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah memulakan penyiasatan tetapi penyiasatan pegawai BPR telah menghadapi halangan sepanjang penyiasatan kes ini. Pengurus Besar PKNS telah enggan untuk membekalkan dokumen-dokumen yang di kehendaki dengan menggunakan nama Menteri Besar Selangor.

Walaupun menghadapi halangan, pegawai BPR yang berkesedaran itu telah meneruskan penyiasatan begitu sehingga beliau diperintahkan untuk menghentikan penyiasatan melalui arahan daripada atas, pucuk pimpinan politik dan pegawai tersebut yang saya difahamkan sudah ditukarkan ke negeri lain, yang saya tahu ditukarkan ke negeri Perlis.

Jika kes seperti ini yang sebegitu kecil, yang senang dan terus terang pun BPR tidak ada kuasa untuk menyasiat dan terpaksa tunduk kepada tekanan politik Menteri Besar Selangor, bagaimanakah BPR dan Barisan Nasional memperoleh keyakinan rakyat bahawa mereka benar-benar berpegang kepada prinsip-prinsip Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah dan mahu memerangi penyalahgunaan kuasa, pecah amanah dan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sebabnya mengapa pemberkasan Ketua Menteri Sabah telah dianggap oleh rakyat Sabah dan rakyat Malaysia keseluruhannya sebagai berasaskan motif dendam politik.

Sesungguhnya Kerajaan Barisan Nasional tidak berminat untuk memerangi rasuah tetapi berminat dalam politik permusuhan dan diskriminasi terhadap pemimpin-pemimpin PBS di Sabah.

Walau bagaimanapun, politik permusuhan dan diskriminasi seperti ini mesti dikutuk dengan sekeras-kerasnya kerana ia akan membawa akibat kerosakan yang besar dan yang tidak dapat dibayangkan dalam proses pembinaan negara, terutama sekali dalam usaha integrasi nasional, khususnya di antara rakyat Sabah dan Kerajaan Persekutuan.

Saya menggesa pemimpin-pemimpin Barisan Nasional menghentikan crack down ini terhadap pemimpin-pemimpin PBS dan berhentikan politik permusuhan dan diskriminasi yang memecahbelah terhadap pemimpin Sabah.

Perselisihan politik yang betapa besar pun, malah penarikan diri PBS daripada Barisan Nasional pada saat-saat terakhir Pilihanraya Umum baru-baru ini tidak dapat menyokong alasan untuk menggunakan undang-undang penindasan seperti ISA yang akan terus mencemarkan imej Malaysia di lapangan antarabangsa.

Hari minggu lalu Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menafikan bahawa Kerajaan telah memulakan Operasi Lalang Kedua iaitu penahanan besar-besaran ISA dan beliau telah menuduh saya bahawa saya telah cuba untuk mencetuskan ketakutan dengan mengeluarkan kenyataan tersebut.

Saya telah meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam Dewan ini

pada Jumaat yang lalu supaya mengeluarkan kenyataan Menteri ke atas penahanan Maximus Ongkili di bawah ISA dan memberi penjelasan sama ada negara ini sedang menyaksikan permulaan Operasi Lalang Yang Kedua. Pada masa itu beliau enggan berbuat begitu tetapi pendapat beliau, komen beliau di luar Dewan ini amat menarik kerana beliau telah mengakui bahawa Operasi Lalang pada 1987 sebenarnya telah diadakan untuk mencetuskan penakutan secara meluas dalam negara ini dan untuk menakut-nakutkan Pembangkang dissent yang sah.

Penahanan di bawah ISA, Tuan Yang di-Pertua, mestilah dianggap sebagai pencabulan yang besar terhadap hak asasi manusia rakyat Malaysia dan harus menarik perhatian dan perbincangan serta merta di Parlimen. Kita tidak dapat menerima alasan bahawa Polis menahan seseorang itu untuk soalsiasat selama 60 hari dan kemudian memutuskan selepas soalsiasat sama ada akan menahan beliau secara rasmi.

Sebagai tahanan dua kali di bawah ISA, saya sendiri tahu bahawa apabila Polis dan Kerajaan memutuskan untuk menahan pemimpin politik, khasnya petnimpin parti Pembangkang, mereka sudah membuat keputusan dan merangkakan tuduhan dan alasan penahanan sebelum penahanan tersebut. 60 hari soalsiasat seperti yang didakwa itu adalah suatu pembohongan sahaja.

Atas sebab ini saya meminta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri atau Timbalan Menteri memaklumkan kepada Dewan ini serta-merta alasan-alasan penahanan Dr Maximus Ongkili dan sama ada khabar bahawa seorang pegawai tertinggi di Yayasan Sabah juga telah ditahan di bawah ISA pada hari semalam adalah benar.

Saya telah bangkitkan pertanyaan sama ada Kerajaan Barisan Nasional sedang memulakan Operasi Lalang

Kedua kerana Polis yang menahan Dr Maximus Ongkili di Kuala Lumpur pada malam Khamis di Kuala Lumpur telah memegang satu senarai atau, dengan izin, shopping list yang panjang untuk memeriksa identiti kawan-kawan Dr Ongkili dan -untuk menentukan sama nama-nama mereka dalam shopping list ini.

Parlimen ingin mengetahui sama ada Polis telah menyediakan senarai "shopping" list ini dan sekiranya benar, ini bererti bahawa Operasi Lalang Yang Kedua sudah bermula.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan lalu Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Antarabangsa (Majlis Peguam New York) telah mengeluarkan satu laporan ke atas pencabulan hak asasi manusia di Malaysia dan laporan tersebut adalah bertajuk, dengan izin, *The Decline in the Rule of Law in Singapore and Malaysia*. Laporan tersebut mengatakan bahawa pada ketika merayakan kejayaan pergerakan demokrasi di Eropah Timur adalah mudah dilupakan penghormatan hak asasi manusia yang semakin menurun atau decline di setengah-setengah bahagian di dunia dan Malaysia adalah di antara negara yang disebut di mana kecenderungan authoritarian Kerajaan atau authoritarian tendencies, dengan izin, telah mengakibatkan kemerosotan tersebut. Laporan tersebut mengutuk penindasan pengkritik di Malaysia dan menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang konkrit untuk memulihkan semula, reestablish Rule of Law, dengan izin, dan memelihara kesabaran politik atau political tolerance. Laporan tersebut telah ditulis sebelum penindasan ke atas pemimpin-pemimpin Sabah yang menunjukkan bahawa sekarang Kerajaan Barisan Nasional tidak teragak-agak untuk mengakibatkan krisis demokrasi, membawa satu nightmare democracy dengan tujuan mengekalkan kepentingan politik dan ekonominya.

Saya berasa amat dukacita dalam perkara ini, khasnya Parti Gerakan yang pada satu ketika mendakwa mempunyai perhubungan yang istimewa dengan PBS telah begitu membela politik permusuhan dan diskriminasi termasuk penggunaan ISA terhadap pemimpin-pemimpin PBS.

Walau bagaimanapun, semua rakyat Malaysia yang berfikiran waras berasa kesal terhadap politik yang primitif ini (*Tepuk*) dan saya menggesa Kerajaan Barisan Nasional menghentikan pemijakan hak asasi manusia dan kebebasan demokrasi di Malaysia. Terima kasih (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: KualaKedah.

4.48 ptg.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi saya peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan usul Belanjawan 1991 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 14hb Disember yang lalu.

Belanjawan 1991 adalah satu Belanjawan yang benar-benar membela rakyat, khasnya bagi rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Belanjawan 1991 bolehlah dianggap sebagai Belanjawan bonus atau hadiah kepada rakyat.

Segala pemansuhan duti eksport, pengurangan kadar cukai pendapatan dan pembangunan serta penambahan infrastruktur di luar bandar itu menunjukkan. Kerajaan yakin terhadap keteguhan ekonomi negara sekarang mahupun masa hadapan. Saya turut mengalu-alukan langkah Kerajaan menyediakan lebih insentif terutamanya dari segi latihan serta penyelidikan pembangunan. Dalam memastikan

kemakmuran negara, Kerajaan sentiasa tidak melupakan sumbangan rakyat bahkan memberi tempat kepada masyarakat untuk menikmati kemakmuran negara.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya ingin membuat beberapa cadangan-cadangan untuk memperbaiki lagi taraf hidup rakyat dan juga meningkatkan lagi pendapatan kepada rakyat khasnya rakyat yang miskin yang masih lagi ketinggalan di dalam negara kita ini.

Yang pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan kenaikan harga minyak khasnya minyak diesel sejak tahun 1987 hinggalah sekarang, iaitu sejak 1987 dan sejak berlakunya krisis Teluk, harga minyak petrol dan minyak diesel telah dinaikkan tiga kali dan bagi setengah-setengah pihak dan perusahaan, kenaikan ini dapat diserapkan oleh perusahaan-perusahaan tersebut oleh sebab kos bahan minyak adalah menjadi sebahagian kecil sahaja berbanding dengan kos pengeluaran keseluruhannya. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bagi nelayan-nelayan, khasnya nelayan-nelayan di kawasan Parlimen di Kuala Kedah, kos operasi penangkapan ikan melibatkan penggunaan minyak diesel yang banyak antara 100 sehingga 150 gelen sehari dan menjadikan sebahagian besar daripada kos operasi.

Oleh sebab yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga minyak diesel sebanyak 11.3 sen dalam masa tiga tahun ini kepada satu gelen akan menjejaskan pendapatan pihak nelayan daripada di antara \$300 sehingga \$400 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, \$300 hingga \$400 sebulan adalah satu kerugian yang besar kepada nelayan-nelayan yang mengamalkan sistem punggu dengan taukeh-taukeh bot masing-masing. Pendapatan tiap-tiap nelayan yang menjadi awak akan berkurangan sebanyak lebih kurang \$70 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu kaum nelayan yang miskin dan serba kekurangan ini, saya merayu kepada pihak Kerajaan untuk memberi pertimbangan supaya harga diesel untuk bot-bot nelayan dapat dikurangkan ataupun memberi harga khas diesel kepada nelayan-nelayan yang layak menerima bantuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin menyentuh berkenaan dengan cukai atau pun pelepasan cukai yang diadakan dalam Belanjawan 1991 ini, iaitu berkenaan dengan pelepasan cukai bagi atlet-atlit ataupun olahragawan-olahragawan ke atas wang-wang hadiah mereka yang telah pun diberi kemudahan ini oleh pihak Kerajaan. Berkenaan dengan pelepasan cukai ini, saya ucapkan syabas kepada Kerajaan yang bersungguh-sungguh ingin memberi insentif-insentif kepada atlet-atlit negara untuk meningkatkan lagi mutu dan prestasi mereka di dalam berbagai-bagai bidang sukan.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pelepasan cukai ini hanya diberi kepada atlet-atlit yang sudah mencapai kejayaan, yang paling penting lagi untuk mencapai kejayaan ialah persiapan- persiapan yang cukup seperti kemudahan-kemudahan gimnasium-gimnasium, padang-padang permainan, gelanggang-gelanggang sukan dan sebagainya. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan juga kepada pihak Kerajaan supaya memberi pertimbangan bahawa pelepasan cukai ini juga diberi kepada ahli-ahli kelab-kelab sukan bagi bayaran masuk menjadi ahli dan yuran tahunan khususnya untuk ahli-ahli sukan negara dan orang ramai, iaitu ini bertujuan supaya mereka yang berminat dapat menggunakan kemudahan-kemudahan bagi peningkatan prestasi kesukanan negara.

Cadangan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mencadangkan supaya pelepasan cukai ini untuk

syarikat-syarikat yang memberi sumbangan besar atau pun derma-derma yang besar kepada perkembangan sukan di negara ini. Pelepasan ini sepatutnya diberi secara automatik dan tidak perlu dipohon oleh syarikat-syarikat tersebut.

Cadangan yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya sektor swasta yang menyediakan kemudahan-kemudahan sukan bagi kakitangan-kakitangan dan pekerja-pekerja mereka juga diberi pelepasan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan dengan pembangunan industri di negara kita ini iaitu sektor perkilangan, saya ingin menyatakan di sini bahawa sektor perkilangan dijangka akan mencatatkan pertumbuhan yang dinamik iaitu 15.8% sementara sumbangannya kepada ekonomi terus meningkat kepada 26.6%. Pertumbuhan ini juga meningkatkan guna tenaga dalam sektor perkilangan kepada 7.4% melebihi kadar pertumbuhan dalam sektor ekonomi lain. Pertumbuhan yang positif ini adalah hasil daripada pelaksanaan yang rapi Pelan Induk Perindustrian yang bermatlamat untuk menjadikan negara ini sebuah negara perindustrian. Dalam masa yang singkat sejak pelancaran Pelan Induk Perindustrian dalam tahun 1986, kesemua bidang industri kecuali industri-industri keluaran kimia, petroleum dan plastik dijangka mengalami aliran yang meningkat dalam pengeluaran.

Berasaskan permintaan di dalam dan luar negeri yang meningkat, adalah dijangka sektor perkilangan akan terus merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK di tahun-tahun akan datang. Syabas diberikan kepada Kerajaan kerana berkeupayaan mengekalkan ekonomi negara kepada tahap yang dinamik dalam usaha mencapai matlamat menjadikan negara ini sebuah negara perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyarankan di sini bahawa dalam keghairahan negara untuk terus berkembang dalam bidang perindustrian, kita juga perlu memberi penekanan kepada beberapa perkara yang saya anggap tidak kurang pentingnya dalam menentukan perkembangan sektor perindustrian di negara kita. Pertamanya kita perlu menggembeling dan meningkatkan tenaga mahir ke tahap yang tinggi untuk membolehkan pengeluaran yang bermutu. Bagi maksud ini perlu diadakan satu dasar yang lebih dinamik dari segi latihan sumber tenaga manusia bagi memenuhi keperluan sektor perindustrian. Melalui latihan kita dapat melahirkan tenaga pekerja yang berkemahiran serta mengutamakan mutu pengeluaran.

Di sini saya ingin mencadangkan penubuhan satu tabung kebangsaan khusus untuk memberi latihan kemahiran kepada tenaga pekerja sektor perindustrian. Kerajaan perlu menimbangkan untuk menggalakkan sektor swasta menyumbang kepada tabung ini melalui bayaran yang boleh ditetapkan bersama. Beberapa negara perindustrian telah pun menubuhkan tabung sedemikian dengan cara mengenakan bayaran kepada sektor perkilangan dengan kadar 1% daripada gaji yang dibayar kepada pekerja. Tabung ini diuruskan bersama-sama oleh Kerajaan dan sektor swasta untuk memberi latihan bagi memenuhi keperluan pekerja mahir. Ini adalah suatu skim yang baik kerana latihan bukan sahajamerupakan tanggungjawab Kerajaan, tetapi juga tanggungjawab sektor swasta. Keduanya, tidak boleh kita menafikan bahawa pertambahan pelaburan asing ke negara ini telah meningkatkan perkembangan sektor perindustrian.

Ini adalah daripada dasar Kerajaan menggalakkan pelabur-pelabur asing untuk memilih negara kita bagi maksud pelaburan. Pernah berlaku di negara kita

di mana pelabur-pelabur setelah beroperasi beberapa tahun dan setelah mengaut keuntungan terus menutup operasi mereka dan ternyata pekerja-pekerja menjadi mangsa dan hilang pekerjaan. Bagi mengelakkan perkara ini diulangi, satu dasar perlu diadakan bagi melindungi hak pekerja dan pemindahan milik kepada pelabur tempatan.

Saya mencadangkan setiap pelabur asing yang hendak beroperasi di negara kita perlu berusaha sama dengan pelabur tempatan yang memegang ekuiti secara majoriti. Di samping itu pengambilan pekerja bukan sahaja untuk buruh di kilang-kilang tetapi juga di peringkat teknikal dan separa profesional malahan di peringkat pengurusan perlu ditingkatkan. Ini adalah bertujuan supaya pelabur tempatan dapat mengambil-alih perjalanan syarikat jika pengusaha asing tidak sanggup meneruskan perusahaannya. Pekerja yang terlatih akan berterusan di kilang berkenaan kerana telah wujud pemindahan teknologi. Kita tidak mahu kejadian penutupan kilang-kilang seperti di Mak Mandin dan di Hulu Kelang berulang lagi.

Ketiganya, didapati tidak ada kescimbangan pertumbuhan di antara industri berat dengan industri kecil terutama industri kecil berasaskan pertanian. Saya kira pencapaian semasa lebih banyak menyebelahi projek industri berat. Di samping penekanan kepada industri berat, galakan perlu diberi kepada industri kecil dan industri berasaskan pertanian perlu untuk berkembang selaras dengan kemajuan industri lain. Ini adalah penting kerana industri kecil yang berasaskan sumber dapat memenuhi keperluan barang mentah industri berat di samping memenuhi keperluan pasaran tempatan. Di samping itu ia dapat memberi peluang pekerjaan kepada pasaran buruh khususnya di luar bandar memandangkan sebahagian besar kilang-kilang didirikan di persekitaran bandar utama.

Saya syorkan satu dasar di mana industri berasaskan sumber didirikan di luar bandar. Keadaan sedemikian dapat mewujudkan permintaan hasil pengeluaran petani serta memberi pekerjaan kepada tenaga buruh luar bandar dan secara tidak langsung menghadkan penghijrahan ke bandar-bandar.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan penswastaaan iaitu penswastaaan melibatkan pemindahan beberapa kepentingan dan pelaburan Kerajaan yang tertentu kepada sektor swasta. Dasar ini telah mula dilaksanakan sejak tahun 1983 yang lalu. Melalui dasar penswastaaan ini pengguna-pengguna akan dijanjikan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih cekap, cepat dan murah. Jika ini benar-benar berlaku, pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara kita akan dapat dipercepatkan. Dengan cara ini juga perbelanjaan Kerajaan untuk sektor awam telah dapat dikurangkan.

Saya percaya banyak lagi projek-projek yang telahpun diluluskan dan ada juga yang masih dalam peringkat kajian terperinci untuk diswastakan. Namun begitu, saya ingin menyatakan kebimbangan terhadap dasar penswastaaan ini supaya janganlah pula berlaku pemindahan hakmilik secara natural monopoly, dengan izin, yang sepatutnya dikendalikan oleh sektor awam kepada sektor swasta. Pemindahan ini dikhuatiri boleh menyebabkan kenaikan kos harga dan agihan pendapatan yang tidak selaras atau sama rata. Bagaimanapun, jika dasar ini dirancang dan dikaji secara mendalam dan seterusnya dipraktikkan secara sempurna selepas mengambil kira perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, maka ianya akan dapat menyediakan satu perkhidmatan yang amat cekap, cepat dan murah yang tentunya akan menguntungkan seluruh para pengguna.

Satu perkara yang tidak dapat kita naTikan melalui penswastaaan ini ialah berlakunya peningkatan penyertaan bumiputera dalam pemilikan saham-saham syarikat yang diswastakan itu. Di samping itu para pekerja juga berpeluang mendapat manfaat melalui pengagihan saham syarikat kepada pekerja-pekerja. Namun begitu, hasrat Kerajaan untuk memberikan peluang kepada para pekerja memiliki saham syarikat tidak akan tercapai sepenuhnya seandainya para pekerja itu sendiri memiliki sikap tamak yang mahu mendapatkan keuntungan dengan cepat. Ini berlaku apabila saham syarikat-syarikat mereka disenaraikan dalam BSKL. Para pekerja berkenaan akan cepat melepaskan pemilikan mereka apabila harga yang ditawarkan di pasaran berkenaan boleh menguntungkan mereka. Mereka sanggup menggadaikan kemurnian usaha syarikat semata-mata untuk mengaut keuntungan jangka pendek.

Suka saya mencadangkan di sini agar pihak Kementerian membuat ketetapan atau mensyaratkan syarikat-syarikat berkenaan mewujudkan satu tabung amanah bagi mengendalikan pemilikan saham para pekerjanya. Dengan cara ini para pekerja yang membeli saham-saham amanah tersebut akan diuruskan oleh pihak pengurusan syarikat tentang bidang pelaburannya.

Pihak Kerajaan juga perlu mengadakan kawalan yang ketat terhadap segala urusan pindah milik sahatsaham syarikat yang di-swastakan itu terutamanya kepada pelabur-pelabur luar negeri. Melalui pasaran saham terbuka di BSKL para pelabur luar adalah bebas memasuki pasaran tempatan dan kawalan adalah perlu terutamanya bagi syarikat-syarikat yang menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sosio-ekonomi, Kerajaan memang bersungguh-sungguh untuk

membela rakyat miskin agar mereka dapat menikmati taraf hidup yang lebih tinggi. Dasar Ekonomi Baru dan juga berbagai-bagai program pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan kita pada hari ini adalah kesemuanya bermatlamat ke arah itu. Berkat usaha yang tidak mengenal penat dan jemu Kerajaan itu berjaya menurunkan kadar kemiskinan sebanyak 35% bagi jangka masa 20 tahun iaitu di antara 1970-1990. Apakah penurunan kadar kemiskinan sebanyak 30% bagi tempoh 20 tahun itu memadai dengan perbelanjaan dan pelaburan oleh Kerajaan yang diumumkan setiap tahun oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita? Ataupun mungkinkah ada yang tidak kena dengan program-program yang diadakan selama ini?

Golongan-golongan miskin memerlukan insentif yang berkesan bagi menggerakkan minat dan usaha mereka. Pemberian subsidi yang banyak setiap tahun kepada petani-petani belum dapat menyelesaikan masalah kemiskinan. Pemberian tanah pertanian dan juga tempat kediaman belum tentu dapat mengeluarkan golongan-golongan miskin daripada sindromnya. Bahkan di negara jiran kita masih ramai yang tidak mempunyai tanah tetapi kadar kemiskinannya adalah lebih rendah daripada kita.

Saya ingin mencadangkan agar Kerajaan menyediakan program-program dan rancangan-rancangan kepada penduduk-penduduk luar bandar yang boleh menerbitkan kegiatan-kegiatan off-farm, dengan izin, kepada golongan-golongan ini. Dengan cara ini mereka tidak hanya tertakluk semata-mata kepada bidang pengeluaran sahaja. Dalam hal ini tumpuan pelaburan sektor swasta juga boleh ditarik ke kawasan luar bandar untuk membuka perusahaan yang melibatkan bahan-bahan pertanian sebagai sumber asas. Dengan pembukaan kilang-kilang di kawasan luar bandar ini bukan sahaja para petani dapat mengeluarkan bahan-bahan mentah untuk kegunaan kilang berkenaan malah

penduduk-penduduk yang lain seperti anak-anak mereka berpeluang mendapatkan pekerjaan untuk menambahkan pendapatan keluarga. Dengan itu Kerajaan juga patut memikirkan untuk menyemarakkan pertumbuhan industri-industri kecil dan sederhana ke kawasan-kawasan pendalaman.

Kerajaan juga harus memastikan bahawa setiap dasar dan penekanan yang dibuat bagi meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar supaya berjalan secara berterusan dan tidak hanya secara sekerat jalan. Sepatutnya berlaku pemindahan teknologi daripada pelabur-pelabur luar negeri kepada pengusaha-pengusaha tempatan kita. Usaha-usaha ini juga sepatutnya dijalankan secara icigraled dan berkordinasi antara satu jabatan dengan jabatan yang lain. Dengan cara ini maka terdapat kesinambungan terhadap projek-projek yang dijalankan oleh Kerajaan.

Kerajaan juga seharusnya memberi penumpuan terhadap pembukaan tanah-tanah baru kerana pemilikan tanah pertanian di kalangan penduduk adalah masih kecil. Pembukaan tanah-tanah baru mestilah diusahakan secara berteknologi tinggi bagi mendatangkan pulangan yang tinggi. Di samping itu juga usaha-usaha untuk mendidik golongan-golongan miskin ini hendaklah diteruskan dengan menekankan konsep berdikari dan tidak hanya mengharapkan bantuan daripada Kerajaan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulungan.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Baiklah, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah perlu walaupun negara kita sedang menggerakkan usaha kearah perindustrian tetapi sektor pertanian masih lagi memainkan peranan penting kepada penumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhinya saya ingin menyentuh berkenaan dengan-guna tenaga dan pertumbuhan penduduk. Kerajaan perlu melibatkandakan lagi usaha-usahanya bagi mengurangkan kadar pengangguran di negara ini. Pada masa ini rancangan-rancangan Kerajaan seperti menyediakan program-program latihan dan kemahiran serta menyekat kemasukan pekerja-pekerja asing secara bebas, ini perlulah diteruskan. Di samping itu program-program latihan dan kemahiran tersebut perlulah bersesuaian dengan rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan yang lainnya. Dalam masa yang sama juga Kerajaan harus menggalakkan para belia kita menceburkan diri dalam bidang perniagaan ataupun menjalankan perusahaan-perusahaan secara sendiri dan tidak hanya bergantung kepada makan gaji semata-mata.

Bagi meningkatkan kadar peluang pekerjaan ini juga, pihak Kerajaan patut memberikan insentif kepada para majikan, terutamanya kepada pemilik-pemilik kilang supaya mereka sama-sama berganding bahu dengan membantu Kerajaan memberikan kemahiran kepada belia-belia. Dengan cara ini para majikan itu sendiri dapat melahirkan para pekerja yang telah dilatih dalam bidang yang bersesuaian dengan perusahaan mereka. Malah ini akan dapat meningkatkan pengeluaran mereka dan seterusnya dapat menikmati keuntungan yang lebih. Kerajaan juga dalam masa yang sama dapat mengurangkan perbelanjaan ke arah pencapaian matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Kerajaan juga harus mengukuhkan lagi usahanya bagi menggunakan sepenuhnya guna tenaga negara bagi menghapuskan pengangguran di kalangan rakyatnya. Ini perlu bagi melengkapkan bidang pembuatan yang berteknologi tinggi seperti yang diidamkan oleh Kerajaan. Oleh itu penekanan kepada penyelidikan dan pembangunan hendaklah dipergiatkan. Di samping itu

Kerajaan sudah semestinya mempunyai rancangan tersendiri bagi memberikan panduan serta didikan pada peringkat persekolahan atau pengajian tinggi supaya apabila rancangan ini terlaksana sepenuhnya, kita tidak akan merasa cemas atau tidak dapat menyesuaikan pengetahuan dengan keadaan yang wujud.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Sabak Bernam.

5.13 ptg.

Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim (Sabak Bernam); Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk turut serta di dalam perbahasan bagi menyokong Usul Belanjawan 1991 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 14hb Disember, 1990 yang lalu di Dewan yang mulia ini.

Belanjawan 1991 adalah merupakan Belanjawan yang terbaik dengan memberikan penekanan kepada pembangunan rakyat hasil pertumbuhan ekonomi negarayang menggalakkan dan kestabilan negara. Ianya juga tidak memberikan dan menumpukan perhatian kepada memberi keuntungan kepada satu pihak sahaja, sebaliknya ia adalah Belanjawan untuk semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun ini mendapat sambutan yang amat baik daripada setiap golongan rakyat. Beberapa Ahli Yang Berhormat dari kalangan Pembangkang juga turut memuji Belanjawan kali ini sehingga ada yang berani mengatakan Belanjawan ini adalah idea daripada Gagasan Rakyat kononnya. Ada dari kalangan Pembangkang berasa ragu-ragu sama ada Kerajaan boleh melaksanakan hasrat untuk mewujudkan masyarakat

penyayang. Kita penuh yakin bahawa berdasarkan rekod kecemerlangan kita sebelum ini, Kerajaan akan berjaya melaksanakan hasrat ini. Kita telah mencapai banyak kejayaan yang cemerlang di dalam bidang ekonomi dan sudah tiba masanya kita memberi pcnumpuan dan perhatian terhadap aspek-aspek rohani bagi mewujudkan masyarakat yang penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan pucuk pimpinan Kerajaan Barisan Nasional memulihkan ekonomi negara adalah hasil daripada pengurusan yang cekap, perancangan yang teliti dan pelaksanaan dasar-dasar dengan tegas dan berani. Pada hari ini hasilnya telah dapat dilihat dengan jelas. Ekonomi Malaysia bukan sahaja telah pulih, tetapi mengalami pertumbuhan yang amat menggalakkan. Daripada kadar pertumbuhan yang kurang dari 1% pada tahun 1985, Kerajaan telah berjaya memulih dan meningkatkan kepada sebanyak 8.7% pada tahun 1988, iaitu satu pencapaian yang paling tinggi dalam satu dekad. Pertumbuhan pada tahun lalu sebanyak 8.5% juga membanggakan. Pada tahun ini kadar pertumbuhan dijangka melebihi 8%, malah ada yang lebih. Ada pihak-pihak yang meramalkan ianya boleh melebihi 9%. Penumbuhan ini telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan. Tidak ada siapa yang dapat menafikan pertumbuhan pesat ekonomi Malaysia dan kejayaan kita memulihkan ekonomi dikagumi oleh dunia luar sehingga badan-badan antarabangsa seperti Bank Dunia dan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) telah memuji Malaysia di atas kecekapannya menguruskan ekonomi dan kewangan negara.

Malaysia juga telah disifatkan oleh beberapa pemimpin dunia sebagai negara contoh yang paling baik untuk diteladani oleh negara-negara membangun yang lain. Kejayaan Malaysia juga dikagumi oleh beberapa media antarabangsa yang pada suatu ketika dahulu tidak pernah menaruh harapan

langsung dengan masa depan ekonomi kita. Pada hari ini ekonomi negara bukan sahaja berkembang pesat, tetapi pelabur asing lelah mengalir masuk dengan banyaknya. Ia telah membuktikan keyakinan pelabur-pelabur asing terhadap kesetabilan politik Malaysia di bawah kepimpinan Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad. Kemasukan pelabur asing bukan sahaja membantu pertumbuhan ekonomi negara, tetapi juga berjaya mewujudkan banyak peluang pekerjaan sehingga ada pihak yang merasakan Malaysia kini hampir mencapai full employment, dengan izin, atau guna-tenaga penuh.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan pucuk pimpinan negara menguruskan ekonomi negara juga dapat dilihat daripada kejayaan kita mengurangkan hutang luar negara. Di samping itu simpanan luar negara juga telah bertambah kukuh. Pada hari ini jumlah simpanan luar negara adalah kira-kira \$22 ribu juta berbanding dengan \$9 ribu juta dalam tahun 1984. Ini adalah satu rekod yang harus kita banggakan.

Penswastaaan juga merupakan satu lagi kejayaan negara. Pelaksanaan dasar ini telah memberi faedah kepada para pekerja, rakyat Malaysia dan Kerajaan. Syarikat-syarikat Kerajaan yang untung akan dijual kepada pihak swasta dan ini akan mengurangkan beban kewangan Kerajaan dan mempertingkatkan hasil. Dengan peningkatan hasil, lebih banyak wang akan dapat dibelanjakan untuk pembangunan termasuk membangunkan negeri Kelantan dan juga Sabah.

Kerajaan juga berjaya mengurangkan pergantungan ekonomi negara kepada eksport komoditi utama dengan mempelbagaikan kegiatan ekonomi. Sektor pembuatan kini telah mengambilalih daripada sektor pertanian sebagai sektor utama dalam ekonomi negara dengan menyumbang kira-kira 27% kepada jumlah keluaran negara. Kerajaan Barisan Nasional berhasrat untuk menjadikan

Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian, di mana Malaysia boleh memberi sumbangan bukan sahaja kepada kesejahteraan rakyatnya sendiri tetapi juga kepada dunia. Untuk memenuhi matlamat ini, kita perlu menarik pelabur melangkah ke dalam industri berat dan membuat perubahan struktur kepada ekonomi negara supaya ekonotni negara lebih kuat dan mantap.

Jelaslah bahawa negara telah mencapai banyak kejayaan sejak tahun 1987. Banyak daripada tohmahan yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu adalah tidak berasas. Dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah tepat dan berkesan dan hasilnya sedang dinikmati oleh rakyat Malaysia di seluruh negara. Walau bagaimanapun, saya dukacita ada di kalangan Pembangkang yang terus membangkitkan isu-isu yang boleh memecah-belahkan rakyat Malaysia.

Perlu saya ingatkan di sini bahawa pertumbuhan ekonomi yang pesat di negara kita adalah juga berpunca daripada kestabilan politik negara. Negara kita telah ditadbirkan dengan aman oleh sebuah Kerajaan yang kuat, yang memerintah negara secara terus-menerus sejak mencapai kemerdekaan. Faktor kestabilan ini seringkali kita lupa. Pihak pembangkang pandai memutar belantikan pelbagai isu, sama ada di dalam Dewan yang mulia ini ataupun di luar Dewan tanpa memikirkan implikasinya.

Pada pandangan saya, kita semua perlu sedar bahawa apa juga yang dicapai dari segi pembangunan oleh kita sehingga ini adalah disebabkan oleh kestabilan politik. Kita patut bersyukur kerana mempunyai sebuah Kerajaan yang kuat dan pemimpin-peimppin yang mampu memimpin rakyat bagi membawa kejayaan di pelbagai bidang. Lihat sahajalah di negara-negara jiran kita dan juga di negara-negara Afrika, Asia-Barat dan Amerika Selatan, di mana pergolakan politik sering

mengancam kestabilan negara. Apabila politik tidak stabil, maka pertumbuhan ekonomi akan terjejas. Di ketika itu tidak guna kita meratap lagi, tidak guna kita menyesal kemudian. Oleh itu kita hendaklah menghargai kestabilan ini dan saya menyeru kepada pihak Pembangkang supaya jangan menaikkan api perkauman atau menghasut rakyat membenci Kerajaan sehingga sanggup mencetuskan huru-hara.

Di dalam hubungan ini saya ingin menyentuh tentang upacara mengingati Syuhada anjuran PAS yang diadakan di negeri Kedah baru-baru ini. Peristiwa ini jelas menunjukkan bahawa ahli-ahli PAS telah mempersendakan pasukan keselamatan kita. Lupakah PAS akan sumbangan besar pihak Polis menjamin keselamatan negara, lupakah PAS bahawa tanpa Polis mereka tidak akan dapat hidup senang-lenang di dalam keadaan aman damai, lupakah PAS negara Malaysia hampir jatuh ke tangan komunis jika tidak kerana peranan anggota keselamatan kita? Jika PAS terus bermain api dan mempermainkan anggota keselamatan, maka negara akan porak-poranda.

Di dalam isu mempersendakan anggota keselamatan ini juga, saya menarik satu kejadian di mana dalam Kongres DAP di Kuala Lumpur pada hari Sabtu yang lalu, Ahli dari Tanjong, merangkap Setiausaha Agung DAP telah dilaporkan oleh *Mingguan Malaysia* pada 6hb Januari, 1991 sebagai telah menghalau dua orang Pegawai Polis yang berada di Dewan Kongres di Dewan Perhimpunan Cina di sini.

Menurut laporan itu, Ahli dari Tanjong itu bukan sahaja telah menghalau kedua-uda pegawai polis tersebut, beliau juga telah meminta mereka meletakkan jawatan. Apakah erti perbuatan seperti ini? Tidakkah ini mencerminkan kesombongan dan perkebongkakan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu sendiri? (*Tepuk*) Tidakkah ini bererti....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar. Kepong ada apa?

Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim: Oleh kerana masa tidak ada, saya pun tidak pernah mengganggu barang siapa untuk bercakap, maka saya tidak benarkan. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Jubar bin Haji Mahiruddin): Teruskan.

Tuan Haji Mahbud bin Haji Hasbim: Tindakan ini bererti kesombongan parti yang diwakili iaitu DAP. Tindakan bermakna bahawa Ahli dari Tanjong itu tidak menghormati pegawai Kerajaan dan tindakan ini bermakna bahawa DAP itu tidak hormat kepada pegawai polis sebagai pelaksana ketenteraman dan keselamatan negara. (*Tepuk*) Belum berkuasa dan belum memerintah sudah sombong dan bongkak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kepong lagi sekali.

Dr. Tan Seng Giaw: Tertib Mesyuarat 36 (6). Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa Ahli lain. Saya ada di situ sepanjang masa. Saya tidak menyaksikan perkara yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat itu benar. Saya ada di situ sepanjang masa. Apakah laporan itu, saya pun tidak tahu (*Disampuk*) Dia Ahli yang baru. Perlulah menyiasat dengan teliti lain kali.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan.

Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, belum berkuasa dan belum memerintah sudah sombong dari bongkak. Cuba bayangkan bagaimana kalau DAP itu berkuasa dan memerintah negara ini. (*Tepuk*) Jangan-jangan habis seluruh pegawai polis dikerjakan olehnya. (*Tepuk*) Oleh itu saya ingin menyeru kepada Ahli-ahli PAS dan DAP supaya menghargai sumbangan anggota keselamatan dan tidak lagi menganjurkan majlis seperti di Baling dan kejadian seperti di Perhimpunan Dewan Cina di sini baru-baru ini. Kita harus sedar tanpa sumbangan mereka itu semua kita tidak boleh hidup aman damai seperti pada hari ini. Kita perlu pertahankan keadaan aman ini dengan sebaik-baiknya kerana apabila negara sudah menjadi kucar-kacir dan huru-hara, tidak ada lagi ubat yang dapat memperbaiki keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, saya menyeru Kerajaan supaya memberi perhatian yang lebih kepada kebajikan anggota-anggota keselamatan kita. Pada masa ini, gaji dalam perkhidmatan polis dan tentera adalah berasaskan kepada kelayakan akademik. Jika syarat kemasukan memerlukan kelayakan Darjah 6 dan SRP, maka gajinya juga adalah bersamaan dengan kelayakan tersebut. Bagi pandangan saya, walaupun secara umumnya kita boleh menggunakan kelayakan bagi membayar gaji pegawai Kerajaan adalah penting kita membezakan peranan anggota tentera dan polis daripada perkhidmatan-perkhidmatan lain. Mereka ini terutama sekali di peringkat bawahan perlu diberi perhatian khususnya dari segi gaji sebagai pengiktirafan sumbangan besar mereka terhadap negara. Oleh itu mereka patutdibezakan sedikit. Sayapercaya ini akan membuatkan mereka lebih komited terhadap tugas masing-masing.

Selain daripada itu, saya difahamkan bahawa sebahagian kecil sahaja anggota tentera dan polis yang dibekalkan dengan rumah oleh pihak Kerajaan.

Ramai daripada mereka yang tinggal di bandar-bandar besar yang terpaksa menyewa rumah dengan kadar yang tinggi dan ini telah membebankan mereka. Saya cadangkan supaya Kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Keenam membebaskan perhatian lebih berat dan bersungguh-sungguh terhadap perkara ini. Jika boleh hendaklah melaksanakan satu rancangan khas bagi membina sebanyak mana rumah mungkin minima bagi anggota-anggota keselamatan untuk mengurangkan beban kewangan mereka. Saya percaya Kerajaan mampu berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan masalah ekonomi negara, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan mengawal dengan lebih ketat lagi perbelanjaan supaya hutang dapat dikurangkan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan kerana kejayaan cemerlangnya mengurangkan hutang luar negara. Jumlah hutang dalam negara juga dikawal. Ini sudah pasti akan mengukuhkan lagi kedudukan kewangan Kerajaan. Jika boleh kita mahu jumlah hutang termasuk hutang dalam negeri ini berada di tahap yang paling minima.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada lima minit lagi.

Tuan Haji Mabbud bin Haji Hashim: Untuk mencapai matlamat ini Kerajaan hendaklah mengurangkan perbelanjaan bagi projek-projek yang kurang mendesak. Bagi pandangan saya, hutang-hutang ini adalah perkara mustahak yang perlu diatasi. Kerajaan seharusnya memberikan perhatian kepada penyediaan infrastruktur bagi pembangunan ekonomi serta menyediakan kemudahan-kemudahan asas di kawasan luarbandar. Perbelanjaan yang lain hendaklah dikurangkan dan di mana perlu sektor swasta hendaklah diberi tugas yang lebih besar. Projek-projek yang boleh dilaksanakan oleh swasta umpamanya di bidang pengangkutan

hendaklah dilaksanakan oleh pihak sektor swasta. Begitu juga di dalam pembekalan elektrik dan air. Ini akan membolehkan Kerajaan mengurangkan perbelanjaan dan seterusnya mengurangkan hutang.

Bagi pandangan saya, Kerajaan patut mengkaji cadangan ini dengan serius bagi memperkukuhkan kedudukan ekonomi negara. Apabila hutang kurang, kedudukan kewangan kita akan semakin kukuh. Dalam hubungan ini, saya mencadangkan supaya penswastaan hendaklah dipercepatkan. Saya difahamkan ada pegawai-pegawai Kerajaan yang melengah-lengahkan cadangan penswastaan demi kepentingan tertentu. Sikap ini hendaklah dikikis sebaliknya pegawai-pegawai hendaklah lebih bersikap positif dan peka di dalam hal ini.

Bagi mengurangkan tekanan inflasi ingin meminta para pengguna supaya memboikot barang-barang yang harganya dinaikkan sewenang-wenangnya. Memang diakui bahawa harga dalam sebulan, dua ini telah meningkat sedikit selepas Krisis Teluk. Tetapi ada di antara penjual yang mengambil kesempatan sewenang-wenangnya dari krisis ini. Kerajaan telah berusaha bagi mengurangkan kenaikan harga tetapi Kerajaan semata-mata tidak boleh mengurangkan kenaikan harga tanpa sokongan rakyat. Oleh itu bagi mengurangkan kenaikan harga tidak ada jalan melainkan rakyat sendiri berjimat di dalam perbelanjaan dan tidak membeli barang-barang yang mahal harganya. Dalam hubungan ini, saya berharap rakyat yang akan mendapat durian runtuh bonus ASN hendaklah berhati-hati di dalam perbelanjaan. Untuk menjadikan sebuah negara yang maju kita perlu menyimpan sebanyak yang boleh pendapatan kita. Simpanan adalah penting untuk membiayai pembangunan negara di samping itu ia juga boleh mengurangkan inflasi.

Tuan Yang di-Perua, ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap tentang royalti petroleum. Pada pandangan saya, kadar royalti petroleum 5% yang diberikan kepada Kerajaan Negeri adalah munasabah. Kita hidup dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem Pederal di mana kekayaan negara hendaklah diagih-agihkan sama rata. Adalah wajar bagi negeri-negeri yang mengeluarkan minyak menyerahkan sebahagian besar pendapatan negeri untuk kegunaan pembangunan di seluruh negara. Jika sekiranya Kerajaan Negeri pengeluar minyak diberi royalti yang lebih, ianya akan membesarkan jurang perbezaan di antara negeri yang kaya dan miskin. Oleh itu, saya mencadangkan supaya royalti 5% dikekalkan demi kepenlngan rakyat miskin di seluruh negara yang memerlukan bantuan Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembentangan Belanjawan 1991 telah diperuntukan sebanyak \$6,000 juta bagi penduduk luar bandar yang masih memerlukan pembelaan dari segi pengagihan kemakmuran. Dari jumlah tersebut sebanyak \$3,721 juta adalah khusus untuk membangunkan projek-projek dalam bidang infrastruktur dan pertanian dan lain-lain program yang dapat menaikkan pendapatan rakyat di luar bandar. Kita sedia maklum walaupun kadar kemiskinan keseluruhan telah berkurangan tetapi kadar kemiskinan di luar bandar masih berada di tahap yang tinggi iaitu 22.4% pada tahun 1987 berbanding 58.7% pada 1970. Kemiskinan di dalam bandar menurun daripada 21.3% pada tahun 1970 kepada 8.1% pada tahun 1987. Sementara itu, kemiskinan mengikut kumpulan etnik menunjukkan bahawa pada tahun 1987, kadar kemiskinan relatif tertinggi bagi kaum Melayu - 24% berbanding dengan kaum Cina - 7% dan India - 10%. Oleh kerana matlamat membasmi kemiskinan mutlak telah hampir mencapai strategi pembasmian kemiskinan perlu diteruskan dengan memberi penumpuan pembasmian

kemiskinan relatif bertujuan memperbaiki mutu hidup golongan pendapatan terendah dan merapatkan jurang pendapatan antara sektor dan antara kaum terutama di luar bandar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Haji Mahbud bin Haji Hasbim: Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang berada di tahun 1990an dan melangkah ke abad 21. Untuk memimpin negara ke arah kecemerlangan, kita perlukan pemimpin yang memandang jauh ke hadapan, pemimpin yang mempunyai visi untuk masa depan rakyat. Kita tidak mahu pemimpin yang mengamalkan pengurusan cara lama yang sesuai untuk zaman silam. Kita juga perlukan pemimpin yang sederhana yang mampu mengambilkira kepentingan setiap warganegara Malaysia. Kita tidak boleh memilih pemimpin yang ekstrimis atau cauvinis yang memperjuangkan kepentingan yang sempit. Kita perlukan pemimpin yang moderate dan sederhana untuk menjamin kestabilan negara. Kita mahu menjadi satu bangsa yang boleh duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain di dunia, malah lebih daripada itu. Kita mahu menjadi negara yang paling maju di rantau ini. Kita perlu berjiwa besar dan bersemangat tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa yang diperuntukkan sudah cukup. Sandakan.

531 *ptg.*

Tuan Lai Lun Tzee (Sandakan): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan saya peluang berucap dan membuat sedikit bentangan berkenaan dengan Belanjawan Negara 1991.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan Belanjawan negara tahun depan juga secara langsung mencerminkan bahawa ekonomi negara telah beransur pulih, malah boleh dikatakan sebagai sudah baik. Belanja Pembangunan juga telah bertambah sebanyak 15% berbanding dengan belanja tahun lalu. Oleh yang demikian saya berharap agar peruntukan pembangunan untuk Sabah akan dapat dipertingkatkan. Ini adalah memandangkan oleh keadaan pembangunan negeri yang masih agak ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain yang terdapat di Malaysia. Jika kita pandang dari segi keadaan topographi Sabah ternyata terbukti pukal dan berserak, ini telah melambatkan perkembangan perindustrian di Sabah. Selain daripada kedudukan geographi Sabah, beberapa faktor juga turut memainkan peranan penting memperlambatkan proses perkembangan perindustrian di wilayah ini. Walau bagaimanapun, faktor-faktor tersebut boleh diselesaikan seandainya Kerajaan Pusat dapat memberikan sokongan dan bantuan sementara dari segi moral dan material.

Saya juga ingin menerangkan kepada para Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa taraf kehidupan rakyat Sabah adalah tinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Ini bermakna harga barangan juga turut naik. Kenaikan harga barangan adalah secara langsung disebabkan oleh mahalnya harga bahan-bahan mentah di pasaran tempatan. Contoh yang paling dekat adalah harga barangan terkawal seperti simen dan besi waja, dengan izin, steel bars. Selama ini pengilang-pengilang tempatan Sabah tidak dibenarkan untuk mengimport atau membeli bahan-bahan mentah seperti yang disebutkan di atas dari luar negeri kerana bahan-bahan tersebut boleh didapati di Malaysia. Walau bagaimanapun, pada masa ini harga bahan-bahan mentah tersebut

mempunyai harga yang tinggi di Sabah berbanding dengan harga yang dikenakan di Semenanjung Malaysia. Pada hakikatnya pengilang tempatan Sabah boleh memperolehi bahan-bahan tersebut dengan harga yang murah dari luar negeri daripada dalam negeri sendiri. Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar pihak Kerajaan Persekutuan melalui Kementeriannya boleh melakukan sesuatu untuk menyelaraskan harga bahan-bahan mentah terkawal di seluruh negara memandangkan Sabah juga berada di dalam Persekutuan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada faktor bahan mentah yang saya sebutkan di atas, satu lagi faktor yang penting yang perlu diambil perhatian oleh pihak pengilang-pengilang semasa menjalankan operasinya ialah tenaga elektrik dan air. Masalah ini merupakan masalah yang telah dihadapi oleh bidang perindustrian sejak 15 tahun yang lalu terutama sekali dalam perkembangan pemerosesan minyak sawit dan yang berasaskan downstream processing. Apa yang wujud di Sabah sekarang ini adalah kadar bayaran tenaga elektrik yang tinggi terutama sekali kepada para pengilang tempatan berbanding dengan kadar bayaran yang dikenakan kepada pihak pengilang di negeri-negeri lain di Malaysia.

Kadar bayaran elektrik bagi penggunaan pengilang di Sabah adalah lebih tinggi berbanding dengan kadar-kadar bayaran elektrik bagi penggunaan pengilang di Semenanjung Malaysia. Mengikut sumber daripada Lembaga Letrik Sabah pihak pengilang industri kelas satu di Sabah terpaksa membayar sebanyak 32 sen bagi setiap 0 hingga 2,000 kilowatt satu bulan. Biasanya bayaran minimum sebulan adalah sebanyak \$15. Industri kelas kedua pula bayarannya berjumlah lebih kurang \$1,000. Jumlah ini adalah lebih kurang dua kali lebih besar berbanding dengan jumlah yang harus dibayar oleh pengilang-pengilang di Semenanjung

Malaysia pada tahap industri yang sama. Kalau kita bandingkan kadar pembayaran di dua-dua tempat ini jelaslah bahawa Sabah menghadapi kos pengeluaran yang tinggi berbanding dengan kos pengeluaran di Semenanjung Malaysia. Atas sebab yang demikianlah, maka harga keluaran tempatan juga turut meningkat.

Faktor lain yang turut menyebabkan kos pengeluaran pengilang tempatan Sabah meningkat adalah kadar bayaran air yang tinggi. Buat masa ini Sabah merupakan salah sebuah negeri yang terpaksa membayar kadar bayaran air yang tinggi di seluruh Malaysia. Dalam bidang komersial termasuk bidang pengilangan, pihak berkenaan terpaksa membayar minimum bilangan bil air berjumlah lebih kurang \$4 sedangkan pengilang-pengilang di Semenanjung Malaysia hanya membayar dalam lingkungan kadar \$2 hingga \$3 sahaja setiap bulan. Memandangkan air merupakan bahan yang amat diperlukan dalam apa juga cara kehidupan termasuklah dalam bidang perindustrian maka kesulitan untuk mendapatkan air secara langsung mengakibatkan kesukaran dalam proses pemasaran sesuatu berkaitan perindustrian.

Perbezaan yang besar berhubung dengan kadar pembayaran air di antara Sabah dan Semenanjung Malaysia telah mengakibatkan kos pengeluaran para pengilang di Sabah lebih tinggi jika dibandingkan dengan kos pengeluaran di Semenanjung Malaysia. Melalui kedudukan kadar pembayaran tenaga elektrik dan airbagi negeri Sabah seperti yang telah saya kemukakan di atas maka saya melalui Dewan yang mulia ini ingin mengambil peluang ini untuk meminta budi baik Kerajaan Pusat melalui Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menyelesaikan tarif pembayaran kedua-dua item tersebut di seluruh negara. Dengan terlaksananya cadangan tersebut diharapkan agar para pengilang di

seluruh negara akan dapat menikmati tarif bayaran yang sama taraf dan moga-moga tiada pengilang yang merasa tertindas dengan keadaan yang wujud seperti sekarang ini yang akhirnya membawa hubungan yang tidak baik di antara dua belah pihak.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang perlu saya kemukakan di Dewan yang mulia ini adalah mengenai rancangan mewujudkan satu kawasan atau zon perdagangan bebas di Sabah. Perkara ini telah beberapa kali disuarakan oleh pemimpin-pemimpin tertinggi Kerajaan Negeri beberapa tahun yang lalu, walau bagaimanapun ia masih belum mendapat satu maklum balas yang positif daripada Kerajaan Pusat. Pada dasarnya kawasan yang telah dicadangkan adalah di kawasan Kudat dan Teluk Sepanga, Sabah. Memandangkan di Semenanjung Malaysia sahaja terdapat banyak kawasan atau zon perdagangan bebas telah diwujudkan, jadi saya rasa tidak menjadi masalah untuk mewujudkan satu zon di Sabah memandangkan Sabah juga merupakan sebuah negeri di Malaysia yang amat memerlukan insentif ke arah memperkembangkan bidang perindustriannya. Jadi, di sini saya ingin meminta agar Kerajaan Pusat dapat mempertimbangkan permintaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mencadangkan juga kawasan Sandakan diberikan sebagai zon perdagangan bebas di Sabah. Ekonomi Sandakan merosot kerana penyekatan mengeksport kayu balak telah menjejaskan ekonomi Sandakan kerana ekonomi Sandakan adalah bergantung kepada kayu balak dan pembangunan dalam bidang penanaman setakat ini masih tidak boleh mengambil tempat kayu balak. Dengan itu ekonomi Sandakan sekarang menjadi satu masalah yang tidak dapat dielakkan dan kemerosotan ekonomi seterusnya

bermakna pendapatan rakyat di Sandakan berkurangan dan kehidupan turut terjejas.

Saya menyeru Kerajaan Persekutuan akan mengambil tindakan supaya menyelesaikan masalah Sandakan terutama sekali menambahkan peruntukan-peruntukan kepada Sandakan untuk projek-projek pembangunan. Peruntukan dari Kerajaan Persekutuan kepada Negeri-negeri seharusnya sama. Sebagai seorang penduduk Sabah, kita juga rakyat Malaysia dan membayar cukai. Kita mempunyai hak menikmati projek-projek pembangunan dari peringkat Persekutuan menikmati peruntukan yang adil dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pelrua, tidak berapa lama dahulu Perdana Menteri telah mengumumkan penyekalan pengeksportan kayu balak ke luar negeri, sebaliknya menggalakkan kegiatan downstream processing bertujuan untuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan. Tujuan ini memang baik, tetapi saya rasa ianya hanya sesuai untuk dilaksanakan di Semenanjung Malaysia kerana di sini terdapat banyak kilang papan yang telah lama beroperasi, berbeza dengan keadaan di Sabah yang masih kekurangan kilang papan sendiri. Dengan penyekatan pengeksportan kayu balak ini, pendapatan Sabah telah berkurangan tahun ini. Saya berpendapat agar pengeksportan kayu balak tersebut diteruskan sekiranya kegiatan ini mendatangkan lebih banyak keuntungan berbanding dengan kegiatan yang telah dicadangkan oleh Kerajaan sekarang. Tambahan pula kita belum tahu sama ada kita berkemampuan untuk menghasilkan produk yang berkualiti dan dapat bertanding dengan produk luar yang telah lama wujud.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sepuluh minit sahaja. (*Ketawa*)

Tuan Lai Lung Tzee: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin meminta pihak Kerajaan Pusat mengambil perhatian dan seterusnya mengambil tindakan berkenaan dengan hal-hal penting yang ada berkaitan dengan kawasan Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Hospital Sandakan, oleh kerana penduduk semakin hari bertambah, pesakit-pesakit turut bertambah juga. Tetapi semenjak bertahun-tahun keadaan kemudahan-kemudahan di Hospital Sandakan tidak ada sebarang tambahan seperti pesakit yang berjangkit penyakit serius ataupun menghadapi penyakit merbahayakan merasa gelisah kerana kebanyakan mereka adalah dari keluarga pendapatan rendah dan tidak mampu keluar negeri mahupun keluar negara. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab memperbaiki kemudahan-kemudahan asas ini. Pada masa ini, Hospital Sandakan patut mempunyai sebuah mesin mencuci buah pinggang. Dengan mempunyai mesin ini pesakit-pesakit tidak perlu lagi pergi ke luar negeri.

Selain daripada itu menambahkan mesin sakit jantung juga diperlukan kerana mesin sakit jantung yang kita ada di Hospital Sandakan adalah sangat lama, tetapi pesakit-pesakit jantung semakin bertambah menurut laporan kesihatan. Penyakit jantung adalah pembunuh pertama di negara kita. Ini adalah satu tanda yang merbahaya kepada pesakit-pesakit dan Kerajaan seharusnya mengambil tindakan demi membaiki kemudahan-kemudahan ini. Di samping itu, terutamanya specialist hendaklah ditambahkan. Ini termasuklah specialist dalam sakit jantung berkhidmat di Hospital Sandakan untuk menjaga kesihatan rakyat jelata kerana ini adalah tanggungjawab pihak Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai jalan raya di Sandakan, saya merasa amat

kesal kerana jalan raya di Sandakan adalah paling teruk di seluruh Malaysia. Sabah telah memasuki Malaysia dan telah merdeka selama lebih 27 tahun, tetapi dalam masa 27 tahun ini tidak terdapat apa-apa perubahan atau penambahan pada jalan-jalan raya di Sandakan. Di sebaliknya kita boleh ketahui jalan raya di Semenanjung Malaysia adalah lebih banyak, lebih maju dan ada juga mencapai taraf antarabangsa. Kemajuan sedemikian adalah sungguh membanggakan kita, tetapi sebagai penduduk Sandakan yang juga rakyat Malaysia, kita ada membayar cukai, malangnya kita semua sudah dikecualikan terutamanya dalam pembangunan jalan raya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, lagi lima minit.

Tuan Lai Lung Tzee: Terima kasih. Jikalau dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia, jalan raya Sandakan adalah jauh lebih mundur. Jalan Timur-Barat di Sabah iaitu jalan raya antara Sandakan ke Kota Kinabalu, Sandakan ke Tawau walaupun telah dibina beberapa tahun yang lalu tetapi masih tidak dapat disiapkan. Kita hendak mengetahui betapa pentingnya mempunyai sistem jalan yang maju dapat mendorong kemajuan ekonomi di sesuatu tempat ini. Di sini saya hendak menyeru lagi Kerajaan Persekutuan supaya Jalan Timur-Barat Sabah disiapkan lebih awal dan lebih memajukan sistem jalan raya di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan agar Kerajaan Pusat akan terus memberi perhatian terhadap usul-usul dan cadangan-cadangan yang telah saya kemukakan di atas. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Alor Setar.

5.47ptg.

Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 1991 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 14hb Disember yang lalu.

Mewakili rakyat yang berbilang bangsa di kawasan saya di Alor Setar, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pembentangan Belanjawan tahun 1991 yang saya anggap amat menyenangkan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tabniah kepada Kerajaan atas kejayaannya mengawal kedudukan dan kemantapan ekonomi dalam beberapa tahun yang lepas ini. Saya juga amat bersetuju dengan ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang menyifatkan Belanjawan ini ber-konsepan masyarakat penyayang ataupun caring society, dengan izin.

Pembenangan ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan tidak pernah berhasrat untuk menjadikan pembentangan Belanjawan tahun 1991 sebagai cara untuk memancing undi kerana kita yakin rakyat telah lama faham dan cukup matang di dalam membuat tafsiran yang mana janji dan yang mana pula tanggungjawab. Saya amat berkeyakinan yang Belanjawan tahun ini adalah berinspirasi hasrat rakyat dan ianya sudah pasti akan mengembangkan proses kemantapan ekonomi negara secara menyeluruh. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Kerajaan atas Belanjawan yang kita anggap terbaik dalam dekad ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Belanjawan yang dibentangkan adalah begitu baik dan memuaskan, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini serta memberi sedikit pandangan berkenaan dengan beberapa aspeknya.

Yang pertama ialah berhubung dengan peruntukan-peruntukan Kementerian Pendidikan. Saya difahamkan dalam Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, sektor pendidikan telah diberikan peruntukan hampir \$700,000,000 terhadap pembangunan pendidikan. Di sini saya kira masih terdapat beberapa perkara yang boleh diambil perhatian secara lebih serius. Peruntukan-peruntukan untuk sekolah rendah terutama Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan yang mana saya berpendapat masih ada status dan perlu dipertingkatkan dari segi jumlah peruntukan terutamanya modal bagi sekolah-sekolah tersebut. Saya berkata demikian kerana masih terdapat banyak Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang hanya mengharapkan bantuan dan derma dari orang perseorangan dari segi bantuan asas sekolah-sekolah tersebut.

Dalam penelitian saya masih terdapat sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil yang bergantung kepada derma-derma dari ibu bapa dan orang-orang perseorangan sebab peruntukan dari Kerajaan sangatlah berkurangan dan tidak mencukupi bagi menampung keperluan sekolah-sekolah tersebut.

Amalan ini amatlah membimbangkan terutama apabila kita melihat akan pertambahan jumlah murid-murid sekolah berkenaan dan jumlah pendapatan para ibu bapa sekolah-sekolah berkenaan terutama yang di luar bandar.

Saya difahamkan walaupun Kerajaan mengagihkan peruntukan beberapa ratus juta untuk sekolah-sekolah tetapi pada perkiraan saya hanya 0.5% sahaja jumlah asas peruntukan diterima oleh sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Di dalam memilih dan mengkaji kepentingan semua pihak dalam usaha membangunkan ilmu pendidikan, saya berpendapat beban ini juga tidak seharusnya diletakkan di bahu sesuatu

kumpulan dan golongan semata-mata kerana ianya secara langsung dan tidak langsung menambahkan bebanan rakyat terutama yang berpendapatan rendah. Saya tekankan di sini akan betapa perlunya peruntukan-peruntukan sekolah rendah Melayu juga perlu diambil kira agar peningkatan bagi sekolah rendah ini dapat diselaraskan dan disamakan terutama bagi sekolah kebangsaan di luar bandar.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini akan kedudukan kebanyakan sekolah-sekolah kebangsaan sama ada jenis kebangsaan ataupun tidak yang kita dapati masih terdapat kekurangan dari aspek keperluan asas seperti kerusi, meja sekolah terlalu uzur dan sepatutnya tidak lagi boleh digunakan. Sekolah-sekolah ini kadangkala amat jauh bezanya dengan sekolah-sekolah di bandar yang mempunyai kelengkapan dengan komputer dan alat-alat moden. Ini adalah amat penting untuk mempertingkatkan prestasi ilmu pendidikan di sekolah-sekolah tersebut.

Di Negeri Kedah Darulaman misalnya masih terdapat sekolah-sekolah tersebut yang mana menggunakan bangunan lama dan tanpa keperluan asas seperti jalan raya. Adalah amat diharap agar perhatian yang lebih dapat ditumpukan terhadap kebajikan dan situasi-situasi sekolah tersebut dan agar pembangunan pendidikan sekolah-sekolah ini dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa. Oleh hal yang demikian, saya harap pihak Kerajaan dapat memberi pertimbangan sewajarnya dalam pengeluaran peruntukan yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keenam juga,

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik dengan penekanan soal-soal pelepasan cukai sama ada pelepasan ke atas individu ataupun kadar cukai terendah pendapatan yang dikurangkan daripada 5% ke 4% pada tahun 1991 ini.

Namun demikian merasakan bahawa pelepasan ini secara puratanya masih boleh dikurangkan terutama ke atas golongan berpendapatan rendah agar ianya tidak membebankan golongan berpendapatan dalam lingkungan \$500 sebulan yang mana menikmati pelepasan hanya 1% sahaja jika dibandingkan dengan pembayar pelepasan dan juga pendapatan purata pembayar cukai-cukai tersebut.

Saya juga berpendapat pelepasan kadar baru bagi semua anak-anak sekali sepatutnya diberi perhatian. Kalau kita kaji golongan yang mempunyai anak ramai kerap kali terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah dan juga dari golongan yang mempunyai anak ramai kerap kali terdiri dari golongan yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak cuba mahu membeza atau menggambarkan bahawa golongan yang berpendapatan rendah mempunyai ramai anak tetapi hakikat ini adalah amat ketara sekali terutama di kalangan keluarga dari luar bandar. Memandangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menyarankan agar rakyat kita ber-keluarga ramai dan mempunyai ramai anak maka adalah amat wajar dan bertepatan agar sasaran pelepasan cukai suami isteri ini dinikmati oleh golongan-golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menarik perhatian Dewan ini atas galakan-galakan cukai kepada pelabur-pelabur kita di luar negeri. Galakan ini amat penting dan saya amat yakin dengan galakan-galakan ini pelabur-pelabur kita yang melabur di luar negeri dapat juga meningkatkan bilangan usahawan-usahawan kita yang berminat untuk melabur di luar negeri berasaskan sumber-sumber keluaran negara kita sendiri. Ini juga secara langsung akan menaikkan imej perdagangan dan korporat negara kita di luar negeri.

Saya amat bersetuju dengan galakan yang melibatkan pendapatan dan hasil yang dibawa balik ke dalam negeri diberi potongan sebanyak 50% dan segala kos penyelidikan pasaran yang dibenarkan sebagai potongan cukai pendapatan. Langkah ini adalah amat wajar terutama kepada pengusaha-pengusaha ataupun pelabur kita yang pada ketika ini mempunyai cawangan atau pejabat di luar negeri.

Walaupun demikian saya berpendapat galakan-galakan seperti ini tidaklah seharusnya dihadkan kepada pelaburan yang diluluskan oleh pihak Kerajaan semata-mata. Adalah lebih wajar galakan-galakan ini dapat disenaraikan untuk kepentingan para pelabur. Ianya sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kos persediaan dan kos penyelidikan pasaran dan juga yang pentingnya ia akan mengelakkan perbuatan pilih kasih dan juga rasuah di kalangan pihak yang bertanggungjawab mengenakan had bagi sesuatu pelaburan. Ianya juga saya kira, dengan izin, akan mengelakkan kelakuan arbitrary ataupun discretionary powers, dengan izin, dan tidak diamalkan di negara-negara yang lain yang membangun seperti Malaysia. Tindakan ini juga saya kira akan memberi ruang untuk pelabur-pelabur prejudiced terhadap sesuatu keputusan oleh Kerajaan berhubung dengan hal ini.

Selepas meneliti cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Rang Undang-undang Perbekalan 1991, saya mendapati bahawa segala perbelanjaan oleh syarikat-syarikat atau corporate dari segi entertainment, dengan izin, tidak diberi potongan atau keistimewaan dari cukai. Saya percaya aspek ini harus diberi pertimbangan sebab untuk memperolehi lebih banyak keuntungan atau untuk mempertingkatkan kemajuan perniagaan sesebuah syarikat ataupun pengusaha terpaksa entertain, atau

dengan izin, to entertain for purpose to generate greater gain or profit. Jika segala perbelanjaan dari aspek ini tidak diberi potongan ianya akan hampa kemajuan perniagaan dan keuntungan di dalam ini tidak menjadi begitu memuaskan. Berekoran pada ini, cukai yang akan dikutip adalah juga tidak begitu memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih dan tahniah di atas perhatian Kerajaan berhubung dengan infrastruktur penduduk luar bandar yang terdiri dari golongan petani, nelayan dan penoreh getah. Saya difahamkan sebanyak \$365 juta telahpun dipemntukkan untuk projek-projek luar bandar dalam tahun 1991 ini. Namun demikian perhatian juga haruslah diberikan kepada keadaan dan juga pembangunan di kampung-kampung baru di negara ini. Seperti yang pernah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini kampung-kampung baru hendaklah disamakan kedudukan dan statusnya dengan kampung-kampung tradisi ataupun kampung-kampung lain. Saranan ini adalah amat bertepatan dan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara kaum di negara ini dan selaras dengan itu adalah penting dengan keperluan pembangunan asas bagi kampung-kampung ini dapat diberi perhatian dengan lebih wajar.

Walaupun kampung-kampung baru ini seperti misalnya di kawasan saya Alor Setar terletak berhampiran dengan bandar-bandar tetapi keperluan infrastruktur adalah amat ketara dan masih di bawah paras pesat. Saya amat yakin Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan dapat memberi perhatian yang wajar terhadap masalah ini sebab majoriti-majoriti penduduk kampung baru ini terdiri dari golongan berpendapatan rendah dan juga seperti petani, nelayan dan buruh.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sungguh tertarik dengan hasrat Kerajaan untuk memupuk masyarakat penyayang, terutama dengan penekanan pihak Kerajaan tentang masalah orang tua dan cacat di dalam negara ini. Peruntukan yang agak kecil ini untuk Yayasan Kebajikan Negara.khususuntuktujuan-tujuan yang saya sebutkan sebentar lagi adalah amat dialu-alukan oleh semua pihak.

Dalam hubungan ini, saya ingin menekankan agar peruntukan sejumlah itu dapat betul-betul disalurkan kepada pihak-pihak yang wajar menerimanya dan mempunyai kelayakan. Di samping itu saya juga ingin mencadangkan agar sebahagian dari peruntukan Yayasan tersebut diperuntukkan untuk mangsa-mangsa terdiri dari kanak-kanak yang didera dan dikejami. Masalah sosial ini sudah agak berleluasa berlakunya di dalam masyarakat dewasa ini dan paling terbaru terjadi di Terengganu baru-baru ini adalah dua orang kanak-kanak telah didera dengan kejam oleh penjaga mereka. Gejala ini adalah amat malang dan sesuatu tindakan perlu diambil untuk pihak Kerajaan khasnya Kementerian Pembangunan Masyarakat. Punca-punca dari kejadian-kejadian ini mestilah dikaji dan diselidiki agar anak-anak yang malang itu tidak akan berulang lagi.

Hukuman-hukuman yang lebih ketat haruslah dikenakan kepada mereka yang melakukan deraan terhadap kanak-kanak tersebut. Penyakit masyarakat yang bertentangan dengan nilai-nilai hidup kita mestilah dibendung agar keharmonian dan kesejahteraan negara ini dapat dikecapi dan dinikmati oleh semua rakyat dalam negara kita.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin sentuh atas satu lagi perkara iaitu berkenaan dengan had umur yang kita dapat mengeluarkan wang daripada Kumpulan Simpanan WangPekerja(KWSP). Memandangkan pihak Kerajaan telah menurunkan umur

pesara optional dengan izin, kepada 45 bagi perempuan dan 50 bagi lelaki, maka juga pengeluaran wang daripada KWSP tersebut juga sepatutnya diselaraskan dan supaya semua pekerja yang telah menyimpan duit dalam KWSP dapat mengeluarkan duit-wang mereka sebanyak satu pertiga yang telah disimpan apabila mereka sampai umur 45. Dengan itu saya harap pihak Kerajaan dapat memberikan perhatian atas perkara-perkara yang saya telah sentuh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Jambongan.

6.03 ptg

Tuan Michael Asang (Jambongan):
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi sayapeluang untuk turut membahaskan Usul Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 14hb Disember, 1990 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan perbahasan saya di Dewan yang mulia ini, inginlah saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas perlantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai satu daripada Timbalan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini. Sesungguhnya perlantikan Tuan Yang di-Pertua ini amatlah dialu-alukan dan menjadi kebanggaan serta penghormatan kepada rakyat Sabah. Walaupun Tuan Yang di-Pertua ini daripada parti USNO dan menjadi parti Pembangkang di negeri Sabah, namun saya secara pribadi merasa bangga oleh kerana para pemimpin Kerajaan Pusat kini telah mulai menyedari bahawa negeri Sabah juga mempunyai orang yang layak untuk menjawat jawatan tinggi di peringkat Persekutuan sekiranya cara atau pertimbangan pada setiap negeri dari segi pengambilan calon untuk menjawat sesuatu jawatan di Persekutuan ini dijalankan dengan adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, demam pilihanraya nampaknya sudahpun selesai dan segala perkara yang berkaitan sama ada sebelum atau selepas pilihanraya hendaklah dilupakan. Apa yang lebih penting dan perlu dilakukan oleh Kerajaan sekarang adalah menumpukan sepenuh perhatian terhadap pembangunan negara dalam pelbagai aspek. Memandangkan kedudukan dunia sekarang yang tidak begitu tenteram yakni dengan berlakunya krisis Teluk ada kemungkinan keadaan dunia akan datang akan bertambah truk. Ini sekali gus akan mempengaruhi ekonomi dunia termasuklah Malaysia.

Jadi, apa yang penting ditumpukan oleh Kerajaan sekarang adalah cuba meramal serta mengambil langkah-langkah yang wajar untuk menghadapi segala kemungkinan yang akan berlaku terutama sekali apabila menghadapi kemungkinan krisis ekonomi negara kelak.

Isu-isu yang lebih menonjol dalam negara kita juga adalah amat perlu diperhatikan. Beberapa isu yang sering dikemukakan, malah ada kalanya dipertikaikan oleh segolongan masyarakat seperti Akta Pendidikan baru, Dasar Ekonomi Baru, kemiskinan dan sebagainya seharusnya diberikan keutamaan oleh Kerajaan sekarang. Segala masalah mahupun kemusykilan yang ditimbulkan berhubung dengan isu-isu tersebut hendaklah diselesaikan oleh Kerajaan secepat yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini berhubung dengan isu yang bukan sahaja membabitkan kedudukan negeri Sabah sendiri tetapi melibatkan dasar luar dan keselamatan negara kita secara keseluruhannya. Isu yang saya maksudkan ialah masalah tuntutan Filipina ke atas Sabah yang

sudah berakar umbi sejak gagasan penubuhan Malaysia lagi tetapi sehingga sekarang masih tidak ada penyelesaian muktamad dicapai.

Jika tahun 1990 merupakan kemuncak kejayaan dasar luar Malaysia yang memperlihaikan penonjolan peranan negara di peringkat ASEAN dan rantau Asia, mahupun di peringkat antarabangsa menerusi peranan aktif Malaysia dalam Persidangan Negara-negara Komanwel, G-15 dan Bangsa-bangsa Bersatu, tetapi malangnya tuntutan Filipina ke atas Sabah yang sudah menjangkau usia 27 tahun seolah-olah diketepikan begitu sahaja. Mungkin kerana Kerajaan Malaysia merasakan ancaman tuntutan ini tidak membahayakan kedudukan keselamatan dan negara pada masa ini. Walaupun sehingga kini kerajaan Filipina masih berdegil dengan tuntutan asalnya dan tidak menunjukkan tanda-tanda untuk menggugurkannya. Kenapakah Kerajaan Malaysia dan Filipina tidak menunjukkan sikap yang serius terhadap penyelesaian masalah tersebut?

Kedua-dua pihak mempunyai kepentingan politik di sebalik isu ini dan masalah ini dirumitkan lagi dengan kehadiran beratus ribu pendatang haram Filipina di Sabah, tetapi kepentingan politik terhadap isu ini tidak seharusnya menghambat penyelesaian isu ini secara berkekalan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah tuntutan ini adalah duri dalam daging bagi negeri Sabah dan Malaysia amnya. Dari segi jangka panjang, masalah ini bukan sahaja membawa implikasi yang negatif dari segi politik dan ekonomi, tetapi boleh mengancam keselamatan negara dan hubungan harmoni di kalangan negara-negara ASEAN. Tidak syak lagi kehadiran beratus ribu pendatang haram Filipina di Sabah merupakan tanda-tanda awal bahawa

mungkin pada satu masa nanti kuasa politik negeri ini akan diambilalih oleh kuasa pendatang luar. Perkara ini tidak mustahil untuk berlaku kerana pada masa ini pun jumlah mereka sudah hampir separuh daripada keseluruhan penduduk negeri Sabah. Secara tidak langsung ini sudah menunjukkan bahawa seolah-olah Sabah sekarang sudah ditawan oleh pendatang haram Filipina dan kedudukan kita semakin terancam apabila adanya pihak yang tidak bertanggungjawab mengeluarkan kad pengenalan biru untuk membolehkan mereka ini mengundi dalam pilihanraya. Kemanakah rakyat Sabah bila suatu masa nanti

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, diminta duduk sebentar! Ada Menteri yang hendak mencadangkan usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 9.30 malam atau sehingga tamat perbahasan atas usul untuk Bacaan Kali Yang Kedua Rang Undang Perbekalan 1991 dan usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1991 oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kecuali Yang Berhormat Menteri-menteri yang akan menjawab pada 8hb dan 9hb Januari, 1991 ikut yang mana terdahulu.

Meoteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kehakiman itu disetujui,

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 9.30 malam atau sehingga tamat perbahasan atas usul untuk Bacaan Kali Yang Kedua Rang Undang Perbekalan 1991 dan usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1991 oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kecuali Yang Berhormat Menteri-menteri yang akan menjawab pada 8hb dan 9hb Januari, 1991 ikut yang mana terdahulu.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1991

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1991

Tuan Michael Asang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kemanakah rakyat Sabah akan pergi bila satu masa nanti kuasa pendatang haram akan menguasai politik negeri Sabah dan dengan senang Kerajaan Filipina akan menunaikan tuntutannya. Sedarkah pihak Kerajaan Pusat bahawa sehingga hari ini pun Kerajaan Filipina masih menganggap Sabah sebahagian daripada wilayah mereka? Sanggupkah kita menjadi pelarian di tanahair sendiri?

Tuan Yang di-Pertua, tuntutan yang berpanjangan ini bukan sahaja menyebabkan ketidakstabilan politik negeri Sabah tetapi ia juga menjadi punca kepada keengganan para pelabur asing untuk datang melabur ke Sabah. Para pelabur memerlukan suasana pelaburan yang selamat dan terjamin. Bagaimanakah Sabah hendak menjadi pusat pelaburan dan perdagangan di rantau ini sedangkan nasib masa depan politiknya masih kurang jelas dan tidak pasti kedudukannya. Oleh yang demikian, untuk mengekalkan kestabilan politik dan suasana ekonomi yang selamat dan terjamin bagi negeri Sabah dan negara amnya, saya mencadangkan satu Jawatankuasa Perunding dibentuk untuk mengawasi dan meneliti isu ini dan seterusnya mencapai penyelesaian yang muktamad. Seperkara lagi yang harus diambil perhatian oleh Kerajaan Pusat dalam menyelesaikan, masalah tersebut ialah penglibatan pemimpin-pemimpin tempatan Sabah dalam apa jua perundingan di antara Kerajaan Filipina dan Malaysia berhubung dengan isu yang saya sebutkan tadi. Penglibatan secara langsung pemimpin Sabah amat penting sekali kerana masalah ini membabitkan kepentingan rakyat Sabah secara "dutau".

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pilihanraya sudah berakhir namun suasana berpolitik masih lagi berlarutan sehingga ini. Malah keadaan tersebut bolehlah saya katakan bertambah serius dan kadangkalanya tidak masuk akal. Perasaan dendam dan hasat dengki semasa pilihanraya nampak masih lagi dibawa-bawa hingga ke hari ini. Yang akhirnya boleh mengakibatkan perpecahan dan kegagalan usaha Kerajaan untuk mewujudkan integrasi nasional di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya membangkit satu pengalaman saya berhubung dengan penangkapan Timbalan Ketua Eksekutif ISD. Pada malam, 3hb Januari, 1991, kira-kira jam

10.15 malam, satu lagi mangsa Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) telah ditangkap semasa beliau sedang makan malam. Mangsa tersebut ialah seperti apa yang saya sebutkan tadi—adik kepada bekas Menteri Kehakiman Negara, Dr James Ongkili. Pada masa penangkapan tersebut, saya ada bersama-sama beliau makan pada malam tersebut. Drama penangkapan tersebut yang telah saya saksikan sendiri adalah sungguh tidak profesional. Seolah-olahnya penangkapan tersebut merupakan satu tindakan menculik. Saya katakan culik kerana pegawai-pegawai yang bertanggungjawab menculik beliau itu tidak memberikan sebarang peringatan atau memberi pengetahuan tentang penangkapan beliau. Yang lebih teruk, saya rasa ialah beliau telah diculik semasa kami masih makan. Penangkapan beliau bukan sahaja tidak wajar tetapi merupakan tindakan orang-orang yang tidak bertamaddun. Pihak yang bertanggungjawab tidak mempunyai sifat-sifat kemanusiaan kerana mereka tidak pun memberitahu isteri mahupun keluarga tertangkap mengenai kejadian tersebut. Sepatutnya pihak berkenaan memberitahu keluarga tertangkap sejurus selepas beliau ditahan seperti yang dijanjikan kepada katni pada malam kejadian itu tetapi tidak ditunaikan. Kita boleh membayangkan betapa pedih dan hancurnya perasaan seorang isteri yang mendapat tahu bahawa suaminya telah diculik atau ditangkap daripada sumber yang tidak begitu pasti sedangkan pihak yang bertanggungjawab menangkap beliau itu tidak pula memberitahu keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Dr Maximus Ongkili merupakan seorang warganegara Malaysia yang bertanggungjawab, yang juga merupakan seorang yang begitu gigih untuk mencapai usaha ke arah pencapaian integrasi nasional, terutama sekali masa beliau bertugas di Institute for Strategic and International Studies (ISIS), dengan izin. Usaha-usaha beliau itu terus dilanjutkan sungguhpun beliau telah

kembali ke Sabah dan berkhidmat di Institut Kajian Pembangunan Sabah iaitu ISD. Beliau merupakan orang yang lebih mementingkan kepentingan rakyat dan negara daripada dirinya sendiri. Oleh yang demikian, penangkapan beliau merupakan satu kejadian yang amat mengejutkan bagi segolongan masyarakat di negara ini.

Seolah-olah penangkapan ini ada hubung-kait dengan soal ideologi di antara Kerajaan Negeri Sabah dengan Kerajaan Persekutuan. Scenario ini juga dapat digambarkan apabila melihat kepada timing atau masa penangkapan Dr Maximus Ongkili dengan kenyataan-kenyataan akhbar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai ISD. Nampaknya penangkapan ini bermotifkan politik.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kejadian yang amat mengejutkan rakyat Malaysia di negara ini amnya dan di Sabah khususnya, adalah apabila beberapa pihak Polis telah menangkap Ketua Menteri Sabah semasa beliau sedang menuju ke pejabatnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, perkara ini tidak boleh disentuh—sub-judice.

Tuan Michael Asang: Terima kasih. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh, saya ingin menyentuh perkara yang ada kaitan di mana tuduhan ini sebenarnya berlaku sejak pada tahun 1985, tetapi kenapa hingga hari ini baru penangkapan itu dilakukan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Perkara ini ada berkaitan dengan tajuk. Yang Berhormat, sila temskan ucapan.

Tuan Michael Asang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya beralih kepada satu lagi isu iaitu mengenai isu Labuan. Selama enam

tahun, Labuan di bawah pentadbiran Kerajaan Pusat tidak ada program pembangunan yang berfaedah atau teratur dilaksanakan. Kerajaan Pusat terjaga apabila Kerajaan PBS bertindak untuk menuntut kembali Pulau Labuan. Akibatnya, Kerajaan Pusat secara tergesa-gesa tanpa penyelidikan dan perancangan yang teliti telah mengumumkan berbagai projek di Labuan untuk memikat parti rakyat dan cuba melindungi kelalaian mereka sendiri.

Scbenarnya kalau Kerajaan Pusat benar-benar bersikap jujur untuk membangunkan Labuan ia tidak semestinya dengan mewilayahkan dahulu. Lihat sahaja apa yang terjadi kepada Pulau Langkawi. Pulau Langkawi bukan Wilayah Persekutuan tetapi ia lebih maju daripada Wilayah Persekutuan Labuan sendiri. Masalah yang boleh kita lihat dengan kedudukan Pulau Labuan sekarang ini ialah pulau itu telah menjadi pintu masuk orang dari luar untuk masuk ke Sabah. Ketiadaan kuasa Imigresen kepada Kerajaan Sabah membolehkan orang luar masuk secara bebas ke Sabah tanpa menggunakan pasport ataupun pas kerja dan menjalankan kegiatan mereka secara bebas di Sabah. Ini merupakan satu ancaman bagi masyarakat tempatan negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Sabah menuntut kembali Pulau Labuan bukan bermakna rakyat Sabah anti-Malaysia atau anti-Federal. Tetapi kita harus menerima hakikat bahawa penyerahan Pulau Labuan telah dibuat tanpa sebarang referendum dan perundingan dengan rakyat Labuan dan Sabah secara keseluruhannya. Ini bukan sahaja bertentangan dengan kehendak rakyat Sabah bahkan rakyat Sabah yang cuba menyuarakan penentangan terlebih dahulu iaitu bila pulau itu diserahkan semasa Kerajaan Berjaya dahulu, saya ingat Tuan Yang di-Pertua pun masih ingat, USNO bila membuat penentangan telah pun ditendang keluar daripada

komponen Barisan Nasional. Rakyat Sabah yang cuba menentang juga ditangkap di bawah Akta ISA.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Timbalan Perdana Menteri berhubung dengan penyerahan balik Pulau Labuan beberapa bulan yang lalu tidak begitu lojik. Behau membuat kenyataan yang tidak waras dengan menyatakan bahawa hanya Parlimen sahaja yang berhak untuk menentukan sama ada Labuan dikekalkan di bawah pentadbiran Kerajaan Pusat ataupun dikembalikan kepada Sabah. Kenyataan ini tidak rasional dan tidak adil kerana adalah diketahui umum bahawa majoriti Ahli Parlimen di Dewan Rakyat ini adalah penyokong Kerajaan. Ahli-ahli dari Sabah atau dikumpulkan sekali dengan Pembangkang pun kalau diadakan pengundian kita tetap masih belum mendapat mengembalikan pulau itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta gulung perbincangan.

Tuan Michael Asang: Tetapi apa boleh buat. Kepada Kerajaan Pusat ataupun komponen Barisan Nasional barangkali inilah yang dikatakan demokrasi iaitu suara minoriti tetapi bagi kami Parlimen tidak harus diperalatkan untuk membuat keputusan yang berat sebelah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Kerajaan inginkan kestabilan negara tetapi saya tidak faham atau yakin bagaimana hasrat ini dapat dicapai kalau pemimpin-pemimpin Kerajaan tidak menghentikan dendam politik dan penindasan mereka seperti yang dilakukan kepada pemimpin PBS sekarang ini. Begitu juga sejajar dengan sikap Kerajaan penyayang atau caring society, dengan izin, saya merayu agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri dapat membebaskan Dr Maximus Ongkili dan Encik Benedict

Topin serta rakan-rakannya yang telah terdahulu ditangkap di bawah Akta yang sama dan dapat diperiimbangkan pengeluaran mereka dan sekiranya mereka ini didapati bersalah dari segi undang-undang, bolehlah dihadapkan ke mahkamah untuk dibicarakan.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Ya, Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

6.26 ptg.

Tuan Saidin @ Yusof bin Adam (Tanjong Karang); Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk berucap di Dewan yang mulia ini. Mendengar dan menganalisa Rang Undang-undang Perbekalan 1991 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 14hb Disember yang lalu adalah satu Rang Undang-undang Perbekalan yang amat disanjung tinggi oleh rakyat khususnya rakyat di luar bandar. Rakyat di luar bandar khususnya menyanjung Rang Undang-undang Perbekalan 1991 ini kerana ianya jelas menjurus ke satu arah yang memberikan satu harapan hidup yang lebih selesa dengan langkah Kerajaan yang bersungguh-sungguh untuk meningkatkan taraf hidup yang lebih baik kepada penduduk luar bandar dalam aspek pendidikan, kesihatan, pertanian dan pembangunan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, berpandukan kepada ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan, izinkan saya di Dewan yang mulia ini menyentuh beberapa perkara penting yang saya harap ianya boleh diambil kira oleh pihak Kerajaan untuk dikenalpasti, dianalisa dan diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akan saya sentuh ialah berkaitan dengan pembangunan belia. Sesebuah negara akan maju andainya golongan belia di

negara tersebut mempunyai daya juang dan daya tahan diri yang unggul dan sesebuah negara akan menghadapi banyak masalah dan seterusnya kehancuran andainya golongan belianya tidak dibina dengan ciri-ciri ketahanan diri dan nilai-nilai murni dari peringkat awal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini walaupun Kerajaan telah mengadakan berbagai program pembangunan belia sejak beberapa tahun dahulu seperti Program Latihan Belia Niaga, Belia dan Sukan, Belia Tani dan berbagai-bagai lagi yang berhubung dengan belia dan telah menampakkan hasil yang positif tetapi saya berpendapat ianya belum mencapai matlamat pembangunan belia yang sebenarnya. Oleh yang demikian, di Dewan yang mulia ini saya mohon mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan Malaysia supaya mengkaji dan membuat analisa jangka panjang pembangunan belia di negara ini dengan mengambil kira serta memberi tumpuan khas:

- (i) pembangunan belia ke arah kecintaan kepada negara;
- (ii) pembangunan belia dari aspek keagamaan, mental dan secara terancang dan tersusun; dan
- (iii) pembangunan belia dalam mengecapi peluang sara diri dalam kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung ucapan ini dalam perkara yang berkaitan dengan belia. Dalam usaha melahirkan jenerasi masyarakat belia yang berkualiti dan mempunyai nilai hidup yang tinggi di negara ini, saya mohon izin mencadangkan di Dewan yang mulia ini kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar supaya membuat satu kajian dan analisa ke atas pembukaan tanah khusus kepada belia-belia Malaysia yang masih bujang serta dalam lingkungan umur 25 tahun ke bawah.

Tuan Yang di-Pertua, pembukaan tanah belia yang saya cadangkan di Dewan yang mulia ini amat penting dewasa ini dalam konteks dan usaha Kerajaan mengurangkan kadar pengangguran di kalangan belia-belia di negara ini. Saya penuh yakin andainya usaha ini dapat dilaksanakan, Kerajaan Barisan Nasional yang menerajui Kerajaan sekarang ini akan disanjung dan dihargai oleh kami seluruhnya termasuk sanjungan dan penghargaan yang baik dari parti Pembangkang sekali pun secara nyata ataupun tidak nyata.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua telah maklum bahawa Kementerian Kesihatan telah berusaha memperbaiki mutu perkhidmatan kesihatan kepada rakyat di luar bandar dan di dalam bandar dengan melengkapkan setiap Pusat Kesihatan Kecil, Pusat Kesihatan Besar serta Hospital-hospital di dalam bandar dan luar bandar di daerah-daerah dengan mengatasi beberapa keperluan seperti kekurangan doktor yang dapat diatasi dari masa ke semasa. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya pihak Kementerian Kesihatan masih kurang peka terhadap nasib yang dihadapi oleh kakitangan di bawah Kementerian Kesihatan yang tinggal di rumah-rumah Kerajaan kelas 'D' yang dibina 30 atau 40 tahun yang lalu dengan keadaan yang tidak selesa di mana ianya hanya terdapat sebuah bilik sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kebijakan kakitangan di bawah Kementerian Kesihatan ini, saya mohon mencadangkan Kementerian Kesihatan bendaklah mengatasi masalah rumah kakitangan Kementerian Kesihatan di Pusat-pusat Kesihatan Kecil, di Pusat Kesihatan Besar dan di Hospital Desa yang bertaraf sekurang-kurangnya kelas 'F' ataupun membaik pulih bangunan-bangunan yang lama untuk dijadikan kepada dua bilik yang lebih selesa kepada kakitangan yang tersebut

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyambung ucapan di Dewan yang mulia ini di dalam bidangkuasa Kementerian Kesihatan berhubung dengan pakaian jururawat dan pembantu jururawat, bidan Kerajaan serta doktor-doktor wanita yang beragama Islam. Dalam usaha Kerajaan meningkatkan usaha penerapan nilai-nilai Islam di kalangan rakyat dan kakitangan Islam di negara ini, kita sangat menyedari bahawa usaha ini mendapat sambutan dan diterima baik oleh rakyat dan masyarakat seluruhnya

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks penerapan nilai-nilai Islam di kalangan kakitangan Islam Kementerian Kesihatan, saya mohon mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan memberikan kebenaran kepada doktor-doktor wanita Islam, jururawat-jururawat dan penolong jururawat-penolong jururawat Islam serta bidan-bidan Kerajaan yang beragama Islam memakai pakaian yang menutup aurat khususnya dibolehkan mereka memakai tudung dan menutup aurat sesuai dengan keadaan yang selesa unluk mereka. Dengan cara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berfikir kita dapat mengurangkan keresahan yang dihadapi oleh mereka selama hari ini dan mengurangkan daripada mereka meninggalkan jawatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, usaha Kementerian Pendidikan melaksanakan projek asrama desa dalam sebahagian sekolah-sekolah di luar bandar adalah satu usaha yang amat baik serta mendapat penghargaan dan sanjungan dari masyarakat khususnya masyarakat luar bandar sendiri. Kita percaya satu matlamat rancangan mewujudkan asrama desa ini adalah bertujuan yang baik dan di antaranya membantu anak-anak masyarakat luar bandar yang miskin supaya dapat menerima dan mencapai kecemerlangan pencapaian pendidikan mereka dapat menyelesaikan masalah pelajar yang berpotensi tetapi menghadapi kesulitan yang ketara

berpunca daripada jarak jauh tempat tinggal mereka dengan mereka dengan institusi pendidikan iaitu sekolah tempat mereka belajar.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan rancangan asrama desa yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, izinkan saya mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan supaya melengkapkan kemudahan asrama desa yang ada sekarang dengan kemudahan-kemudahan asas dan keperluan-keperluan seperti tandas, api, air, warden, asrama serta tukang masak asrama.

Tuan Yang di-Pertua, adalah mendukacitakan sekali apabila dilihat dan dikenalpasti masih terdapat asrama-asrama desa di sekolah-sekolah luar bandar yang didirikan oleh Kementerian Pendidikan dalam keadaan yang tidak lengkap serba-serbinya dengan kemudahan-kemudahan yang tersebut. Terdapat asrama desa yang dibangunkan ada katil tetapi tiada tandas, tiada bekalan api dan tiada bekalan air. Tentulah ianya tidak dapat dimanfaatkan sebagai asrama dan sampai sekarang masih tidak dapat digunakan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah asrama desa ini kita memang berterima kasih kepada Kementerian Pendidikan yang telah berusaha mendirikan asrama desa di luar-luar bandar dan kita memahami asrama desa ini menampung murid-murid di luar bandar dengan harapan murid ini menggunakan tandas di sekolah, menggunakan kantin di sekolah akan tetapi, dalam tinjauan yang telah kita hadapi, kadang-kadang asrama yang didirikan jauh daripada tandas sekolah, jauh dari kantin sekolah. Masalah yang timbul ialah pada waktu malam hari, kadang-kadang kanak-kanak pelajar-pelajar menjadi kesukaran menggunakan asrama ini kerana asrama ini hanya ada tempat tinggal sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua memanjangkan dan menyambung ucapan di Dewan yang mulia ini dengan menyentuh bidanguasa Kementerian Pendidikan dalam hal-hal kebajikan guru-guru di sekolah pada masa kini. Tidak dapat dinafikan bahawa satu faktor kejayaan pelajar-pelajar dalam pendidikan di negara ini adalah berpunca daripada faktor guru itu sendiri. Guru akan dapat menunjukkan konsentrasi kerja dengan baik apabila individu guru itu sendiri tiada menghadapi masalah seperti masalah tempat tinggal.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sekolah-sekolah di luar bandar, rumah guru yang selesa dan lengkap dengan kemudahan asas sangat diperlukan. Oleh yang demikian saya mohon mencadangkan tiap-tiap sekolah khususnya sekolah-sekolah yang dibina oleh Kementerian Pendidikan hendaklah dibina rumah guru yang lengkap dengan kemudahan asasnya sekali. Adalah dicadangkan juga setiap sekolah meslilah ada sekurang-kurangnya sebuah rumah guru yang bersesuaian dengan keadaan sekolah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah rumah guru ini saya mohon mencadangkan lagi Kementerian Pendidikan hendaklah membina rumah guru secara berkelompok atau zon di kawasan-kawasan mengikut daerah-daerah di seluruh negara dengan mengambil kira jarak jauh yang seimbang di antara sekolah-sekolah dengan rumah guru kelompok yang dicadangkan itu. Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan kepada Kementerian Pendidikan agar dapat membentuk satu jawatankuasa khas bagi rancangan mengkaji, menilai dan melaksanakan rancangan tersebut.

Di Dewan yang mulia ini saya ingin menyentuh perkara yang sangat dirasai oleh sekolah-sekolah di luar bandar mengenai kekurangan guru-guru Bahasa Inggeris terutama guru-guru di sekolah-

sekolah menengah. Adalah amat malang sekali nasib sekolah menengah di luar bandar.

Di mana pihak sekolah menengah ada menerima penempatan guru-guru bahasa Inggeris di setiap akhir tahun tetapi apabila sekolah dibuka seminggu, sehingga dua minggu dan sehingga berbulan-bulan nama mereka tetap ada, tetapi gurunya masih tidak datang melaporkan diri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya sangat berterima kasih sekiranya Yang Berhormat Menteri Pendidikan dapat memberikan penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, di Kementerian Pendidikan juga, menyentuh mengenai peluang-peluang kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai di Kementerian Pendidikan di Malaysia, inginlah saya menyarankan supaya Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengambil satu langkah yang wajar dalam perkara ini. Sekiranya kita membuat perbandingan di antara pegawai-pegawai di Kementerian Pendidikan dengan pegawai-pegawai di Kementerian-kementerian dan di institusi-institusi yang lain, kita dapat melihat satu perbezaan yang sangat ketara. Peratus bilangan jawatan bagi gred-gred Tingkatan Tertinggi 'G' ke atas daripada jabatan-jabatan dan di kementerian-kementerian yang lain seperti yang akan saya nyatakan ini:

Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatika—jumlahnya—38.6%.

Jurutera Awam di Jabatan Kerja Raya—27.13%.

Jurutera di Jabatan Parit dan Taliair—22.92%

Polis—18.69%

Pegawai Perubatan—15.18%

Pegawai Pertanian—13.41%

Tetapi Pegawai-pegawai Pendidikan hanya 3.5% sahaja jika kita bandingkan peluang mereka mengesapai Tingkatan Tertinggi 'G'.

Ternyata sekali bahawa peratus jawatan Gred Tingkatan Tertinggi 'G' ke atas di dalam Perkhidmatan Pendidikan adalah yang paling rendah sekali sekiranya dibandingkan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Dalam Perkhidmatan Pendidikan terdapat nisbah-nisbah yang menunjukkan persaingan sengit bagi merebut sesuatu jawatan kosong. Dari perbandingan tersebut dapat dilihat bahawa dalam perkhidmatan pendidikan satu jawatan Tingkatan Tertinggi 'F' yang kosong ada seramai 10 orang menyainginya. Bagi satu jawatan Tingkatan Tertinggi 'G' pula ada seramai 3 orang merebutnya dan persaingan dari Tingkatan Biasa ke Tingkatan Kanan untuk satu jawatan kosong Tingkatan Kanan disaingi oleh 9 Tingkatan Biasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat ada 3 minit lagi untuk menggulung.

Tuan Saidin @ Yusof bin Adam: Persaingan hebat untuk memegang jawatan kenaikan pangkat dalam perkhidmatan pendidikan bermula dari peringkat awal lagi. Bagi setiap jawatan Tingkatan Kanan yang kosong - 10 orang pegawai akan menandinginya berbanding hanya 8 orang sahaja pegawai Jurutera dalam Perkhidmatan Kerja Raya, 6 orang dalam Perkhidmatan Pertanian dan hanya 2 orang dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatika. Daripada Tingkatan Tertinggi 'G' pula didapati bahawa setiap jawatan Tingkatan Tertinggi 'G' yang kosong - 3 orang pegawai pendidikan akan menandinginya berbanding dengan hanya seorang dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Padahal pada Perkhidmatan Pendidikan ialah sekiranya di peringkat bawah lagi ramai yang tidak berpeluang memegang jawatan kenaikan pangkat, bilangan

yang akan sampai ke peringkat Tingkatan Tertinggi 'G' ke atas nyata sekali tersangat kecil. Daripada 18,118 jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Tingkatan Biasa sekarang hanya 736 jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi 'G' ke atas yang menjadi saingan iaitu 3.5%. Ini memperlihatkan sebahagian besar daripada mereka akan terus menerus memegang jawatan Tingkatan Biasa sehinggalah mereka menamatkan perkhidmatannya. Kesimpulannya ialah persaingan bagi merebut tiap-tiap jawatan kosong naik pangkat dalam perkhidmatan pendidikan adalah jauh lebih sengit kalau dibandingkan dengan perkhidmatan yang lain.

Oleh yang demikian kita mengharapkan kepada Menteri yang berkenaan supaya dapat mengambil suatu langkah yang positif ke arah ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat); Alor Gajah.

6.45 *ptg.*

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol (Alor Gajah): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1991 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 14 Disember 1990 yang lalu.

Sejak perbahasan ke atas Belanjawan 1991 ini dijalankan, selama beberapa hari yang lalu, kita telah melihat dan mendengar banyak pujian dan kritikan serta terdapat juga cacian dan cemuhan yang diutarakan oleh Ahli Pembangkang kita tetapi bagi saya, saya tetap menyatakan bahawa perbelanjaan 1991 ini adalah merupakan Belanjawan terbaik yang pernah dibentangkan dan ianya selaras dengan hasrat suci dan

murni Kerajaan untuk membawa kemakmuran, kebahagiaan dan kesejahteraan kepada semua lapisan rakyat di negara kita yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sektor pertanian, langkah Kerajaan untuk tems berusaha memajukan sektor ini dengan penumpuan kepada pembukaan tanah baru, pemulihan dan penyatuan tanah, di samping memberi pembelaan kepada petani dan nelayan miskin, adalah satu langkah yang amat wajar. Cuma di sini saya ingin mengingatkan bahawa keadaan yang terlalu bergantung kepada tanaman ladang ataupun plantation crops, dengan izin, seperti kelapa sawit, getah, koko seharusnya diberikan perhatian yang serius. Permintaan dan harga komoditi ini adalah bergantung kepada pasaran dunia yang sangat jelas berada jauh di luar kawalan kita. Peningkatan kos buruh telah memburukkan lagi keadaan ini yang menyebabkan kita kurang berkemampuan untuk bersaing dengan negara-negara jiran kita seperti Indonesia yang mempunyai kawasan tanah subur, jauh lebih luas dari kita dan tawaran tenaga buruh yang lebih banyak dan lebih murah.

Kita sudah seharusnya mula meninjau kemungkinan untuk menerokai dengan lebih agresif dalam bidang tanaman kontan ataupun consumable agricultural crops, dengan izin, seperti buah-buahan, sayur-sayuran, jagung, kacang soya dan lain-lain tanaman jangka pendek yang berpotensi untuk berkembang. Langkah ini akan dapat mengurangkan dengan banyaknya jumlah import untuk bahan-bahan tersebut dan jelas langkah ini akan dapat membantu negara menjimatkan tukaran wang asing. Sepertimana yang kita sedia maklum, jumlah nilai import sayur-sayuran pada tahun 1988 ialah \$233,710,022 dan angka ini meningkat kepada \$261,867,674 pada tahun 1989. Manakala bagi buah-buahan pula pada tahun 1989 negarakitah telah mengimport sejumlah \$190,795,840. Angka-angka yang telah saya sebutkan tadi bukanlah

boleh dipandang ringan. Dengan perencanaan dan pelaksanaan program pembangunan yang lebih teratur kita bukan sahaja akan dapat menjimatkan beratus juta ringgit, malah mungkin kita akan dapat memperoleh pendapatan dari hasil eksport. Organisasi atau agensi Kerajaan yang berkaitan dengan pertanian seperti Jabatan Pertanian, LPP, RISDA, MARDI, PELCRA, Bank Pertanian dan FAMA seharusnya disealirkan dan diselaraskan dengan lebih berkesan di semua peringkat untuk membantu petani dan juga untuk membantu sektor swasta melaksanakan program. gantian import pertanian ataupun agri import substitution programme, dengan izin, dengan lebih rapi dan menjadikan pertanian sebagai sektor terpenting.

Pakar-pakar pertanian tropika negara kita adalah di antara yang terbaik di dunia dan ianya harus digunakan sepenuhnya. Satu skim menggunakan tanah terbiar dan pajakan jangka pendek hendaklah diwujudkan supaya pengusaha persendirian dapat menjayakan rancangan ini dengan bantuan institusi kewangan. Penggunaan teknologi terbaharu bagi perlindungan tanaman haruslah digalakkan. Lembaga Makhluk Perosak Tanaman atau Pesticide Board, dengan izin, dan MARDI hendaklah memajukan bidang ini dengan tujuan untuk menjamin keselamatan penggunaan racun makhluk perosak tanpa mclupakan keselamatan penggunayang memakan hasil pertanian dan keselamatan alam sekitar. Saya juga ingin menyarankan supaya Kerajaan menyegerakan penubuhan Lembaga Sayur-sayuran dan juga Lembaga Buah-buahan supaya usaha yang lebih bersepadu dapat dilaksanakan untuk memajukan tanaman-tanaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Kerajaan menarik pelaburan asing adalah sangat dibanggakan. Namun demikian, ianya boleh dipertingkatkan lagi dengan pendekatan yang lebih rapi

dan tersusun. Kita harus memberikan penekanan yang lebih untuk menarik lebih banyak lagi syarikat-syarikat gergasi dunia ataupun multi-national companies, dengan izin, untuk melabur di negara kita. Sebagai contoh, sebuah syarikat gergasi dunia iaitu DUPONT yang merupakan salah sebuah syarikat multi nasional terbesar di Amerika Syarikat, di mana operasi perniagaannya bernilai lebih US\$35 ribu juta ataupun lebih kurang hampir \$M100 ribu juta setahun. Saya difahamkan bahawa syarikat ini telah merancang untuk melabur secara besar-besaran di kawasan Asia Pasifik dengan nilai pelaburan berpuluh ribu juta ringgit US dalam masa dua tiga tahun ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, DUPONT telah menyatakan kesediaan untuk melabur di Singapura dan buat permulaan syarikat ini telahpun mengikat perjanjian untuk melabur sejumlah S\$1.6 ribu juta di negara tersebut. Bagaimana Kerajaan Singapura bertindak dengan menggunakan pegawai-pegawai eksekutif di DUPONT, Cawangan Singapura dapat menarik syarikat induknya di Amerika Syarikat untuk melabur di Singapura haruslah dicontohi. Menggunakan cawangan syarikat-syarikat multi-national yang ada di Malaysia untuk menambah pelaburan adalah sangat practicable, dengan izin. Ketua-ketua eksekutif tempatan syarikat-syarikat ini yang mempunyai cawangan di Malaysia haruslah diberikan galakan dan sokongan untuk menarik syarikat induk mereka untuk melabur atau menambahkan pelaburan di negara ini. Ini adalah kerana mereka sudah tentu mempunyai hubungan langsung dengan syarikat induk dan menjadikan usaha lebih mudah dan menguntungkan.

Usahawan-usahawan tempatan yang terkenal di peringkat antarabangsa dan mempunyai kenalan peribadi di luar negeri yang berpotensi untuk menambah dan menarik pelabur ke negara kita hendaklah digembelingkan tenaga

mereka. Pelaburan syarikat-syarikat gergasi atau multi-national ini adalah sangat menguntungkan rakyat dan dapat membantu negara di dalam berbagai bidang. DUPONT umpamanya, difahamkan telah memperuntukkan sejumlah besar perbelanjaan kepada Universiti Singapura untuk kerja-kerja kajian dan latihan dalam penggunaan teknologi baru.

Demi negara yang tercinta ini, saya menyeru kepada pihak Pembangkang, Kesatuan-kesatuan Sekerja dan pertubuhan-pertubuhan sosial anti-Kerajaan dan juga mereka yang tidak bertanggungjawab supaya menghentikan perbuatan memburuk-burukan negara di luar negeri, kerana di sini pertaruhannya bukanlah kuasa politik, tetapi adalah nasib dan masa depan anak-cucu dan generasi kita yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, strategi Belanjawan untuk memupuk sebuah masyarakat atau dengan izin, the caring society, adalah satu langkah yang sangat dialu-alukan. Ini jelas membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional memang sentiasa memberi penekanan kepada golongan masyarakat yang kurang bernasib baik, dalam memberikan pembelaan yang sewajarnya kepada rakyat termiskin, mengenang jasa orang-orang tua, membela mereka yang cacat dan mereka yang malang. Pelepasan cukai daripada \$1,000 diberikan kepada pembayar cukai untuk belanja rawatan perubatan bagi ibu bapa adalah satu langkah permulaan Kerajaan yang sangat bersesuaian. Saya berharap pihak Kerajaan akan dapat memberikan kemudahan yang lebih dari itu bagi mengenang jasa yang tidak ternilai yang telah diberikan oleh ibu bapa kita.

Semua kakitangan Kerajaan dan begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini menikmati berbagai kemudahan dengan jawatan yang disandang oleh mereka.

Kemudahan-kemudahan ini turut dinikmati oleh isteri mereka. Saya rasa adalah sangat molek sekiranya ibu bapa juga turut diberikan hak keistimewaan yang sama kerana merekalah yang bertanggungjawab melahirkan masyarakat yang berguna. Kalau si isteri mendapat rawatan hospital di kelas tertentu mengikut skel perkhidmatan suami, ibu bapa juga patut mendapat hak yang serupa. Kalau si isteri mendapat tambang istimewa atau percuma kerana jawatan yang disandang oleh suami, ibu bapa juga mesti diberi layanan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, skim pinjaman perumahan untuk golongan yang berpendapatan rendah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang dijalankan sekarang adalah satu usaha suci Kerajaan untuk membantu rakyat yang kurang bernasib baik. Langkah Kerajaan untuk mengecualikan bayaran faedah kepada pemohon dan menaikkan jumlah pinjaman daripada \$10,000 di Semenanjung Malaysia dan \$13,000 di Sabah dan Sarawak sangatlah dialu-alukan. Untuk program ini saya ingin menyarankan supaya skim yang telah dijalankan selama ini juga dikecualikan dari pembayaran faedah. Juga saya berharap supaya dalam skim ini juga pemohon tidak disyaratkan untuk mengadakan cagaran sama ada tanah ataupun rumah mereka untuk mendapatkan pinjaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat penyayang, membela mereka yang dirundung malang, saya ingin mengingatkan kembali peristiwa pembunuhan kejam ke atas Allahyarham Abdul Jalil Ibrahim di Hong Kong pada beberapa tahun yang lepas. Kita sama-sama maklum bahawa Allahyarham merupakan seorang pegawai yang jujur, dedikasi dan ikhlas, tetapi telah terkorban, sedangkan mereka yang bertanggungjawab dalam skandal BMF masih hidup dengan senang-lenang.

Hukuman ke atas Mak Hon Kam adalah tidak memadai kerana dalam kenyataan Mak Hon Kam ada mengakui bahawa beliau didalangi oleh orang lain.

Saya ingin mendesak pihak polis supaya terus bertindak dan menyiasat siapakah petualang-petualang ini dan membawa mereka seberapa segera yang boleh ke muka pengadilan. Pemberian sebanyak \$100 sebulan kepada ibu Allahyarham yang kini berusia 64 tahun adalah tidak setimpal dengan kehilangan anak yang disayangnya. Nasib anak-anak Allahyarham seramai 4 orang, haruslah diberikan jaminan dalam segala bentuk.

Tuan Yang di-Pertua, menyayangi masyarakat bukanlah hanya dengan berkata-kata atau mengeji dan mengutuk langkah yang telah diambil oleh orang lain seperti yang dilakukan oleh pihak Pembangkang, umpamanya, dalam usaha gigih Kerajaan untuk memerangi wabak najis dadah. Walaupun ada ahli-ahli Pembangkang yang menjadi Ahli Peadam, ini adalah kerana mereka menjadi Ahli sebelum menjadi Pembangkang. Saudara Lee Lam Thye kini menjadi ahli yang sangat aktif dan mewakili negara dalam beberapa persidangan antarabangsa setelah tidak lagi bergiat dalam politik parti DAP.

Begitu juga Pertubuhan bukan siasah yang kononnya hebat seperti ALIRAN dan Majlis Peguam yang mempunyai Perlembagaan Pertubuhan yang indah tetapi lebih menghabiskan tenaga mengutuk dan mencerca Kerajaan dari menyayangi masyarakat. Mereka ini tidak langsung membuat program yang tertentu dalam usaha membasmi kegiatan dadah, walhal mereka juga tahu bahawa gejala ini adalah musuh utama negara dan adalah menjadi tanggungjawab setiap individu rakyat di negara ini untuk memerangi pengedar-pengedar dan merawati penagih-penagih dadah dan membawa balik mereka ke pangkal jalan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Pasir Pinji.

7.00 mlm.

Tuan Kerk Kim Hock (Pasir Pinji): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang ini untuk menjelaskan satu kesilapan fakta yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Sabak Bernam tadi di mana beliau telah merujuk kepada satu laporan akhbar yang mengatakan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah menghalau dua orang anggota polis dari Kongres DAP.

Saya ingin menjelaskan bahawa itu tidaklah benar. Apa yang sebenarnya berlaku pada hari Sabtu adalah dua orang anggota polis yang merupakan polis Cawangan Khas telah datang ke lingkar aias Dewan Perhimpunan Cina Selangor untuk menyaksi Kongres DAP dan setelah beberapa percubaan untuk menasihatkan supaya mereka meninggalkan tempat itu gagal, maka Setiausaha Agung DAP iaitu Yang Berhormat dari Tanjong telah dalam ucapannya menasihatkan mereka supaya meninggalkan Kongres DAP apabila Kongres DAP dijalankan secara tertutup.

Soal menyeru mereka meletakkan jawatan itu tidak timbul kerana perkara itu tidak dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong dan saya jugalah ingin menasihatkan Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Barisan Nasional supaya jangan baca suratkhbar yang dikuasai oleh Barisan Nasional sahaja.

Setiausaha Parlimen Kementerian' Penerangan (Dato* Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti sekejap, ada orang yang bangun.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti sekejap, hendak beri atau tidak?

Tuan Kerk Kim Hock: Berilah.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Boleh? Fasal tadi Yang Berhormat dari Kampar mengatakan tidak ada halau menghalau, perkataan yang digunakan dan Yang Berhormat dari Tanjong hanya menasihati kedua polis itu suruh keluar. Adakah itu benar? Begitu ya, hendak menasihati?

Tuan Kerk Kim Hock: Sudah habis.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Lebih kurang begitu, kalau nasihat pada saya serupa juga dengan menghalau. Cara dia menghalau dan menasihati serupa sahaja.

Tuan Kerk Kim Hock: Kalau Yang Berhormat itu tidak faham keindahan Bahasa Malaysia, that is your problem. Halau dan menasihati tidak sama. Kalau tidak faham, dia punya fasal.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Ucapan Belanjawan tahun 1991, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata bahawa majoriti rakyat kita memang bijak menilai yang mana intan yang mana kaca. Ini memang benar sekiranya rakyat diberikan maklumat yang lengkap dan benar sebagaimana mereka berhak mendapat di dalam sistem demokrasi yang tulen. Maka tidak haruslah Kerajaan telah mengadakan berbagai sekatan untuk menghalang rakyat daripada mendapat maklumat yang lengkap dan benar dengan melaksanakan Akta Rahsia Rasmi dan memastikan pihak pembangkang tidak mendapat layanan yang adil dalam media-massa, ceik dan

elektronik yang dikuasai atau dikawal oleh Kerajaan atau parti-parti Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, sebuah Kerajaan yang mengutamakan kepentingan politik dan kuasa memerintah akan mengorbankan prinsip-prinsip asas keharmonian di antara kaum dan perpaduan negara. Ini telah dilakukan oleh Barisan Nasional. Kerajaan yang mengutamakan kepentingan rakyat akan menganggap kuasa memerintah sebagai alat untuk melaksanakan polisi-polisi adil yang boleh membawa kejayaan dan kemakmuran kepada negara dan rakyat. Apabila kuasa memerintah menjadi matlamat utama atau muktamad yang dikejar oleh Kerajaan maka tentulah pelaksanaan polisi pula dijadikan alat yang boleh dipermainkan dengan selera untuk memperkukuhkan kuasa memerintah.

Tuan Yang di-Pertua, perbuatan demikian Kerajaan boleh memperkukuhkan kuasa memehntahnya tetapi perpaduan tulen yang diharapkan oleh rakyat jelata tidak akan wujud. Tanpa perpaduan tulen di kalangan rakyat Kerajaan tidak boleh mengheboh-hebohkan bahawa ia telah membawa perpaduan yang tulen kepada negara kita. Apabila pihak Pembangkang menimbulkan soal prinsip demokrasi Kerajaan akan sentiasa menjawab bahawa nilai demokrasi Barat tidak sesuai untuk negara kita dan kebebasan mutlak atau absolute freedom yang dituntut itu amat berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya kebebasan yang dituntut hanya adalah democratic freedom dan bukan absolute freedom yang dikatakan oleh Kerajaan, Sistem demokrasi berparlimen mempunyai prinsip dan semangat asas yang merupakan nilai-nilai sejagat yang harus dipatuhi oleh semua negara yang mengamalkan sistem itu. Prinsip asas seperti, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "no person shall be detained without trial" adalah prinsip

sejagat yang tidak kena mengena dengan di mana letaknya negara itu sama ada ia di negara Barat atau Timur. Dalam satu sistem demokrasi sama ada rakyatnya berkulit warna putih, hitam atau sawo matang prinsip, dengan izin, "no person shall be detained without trial" hendaklah dipatuhi. Hanya Kerajaan yang bersifat inferiority complex menganggap prinsip seperti ini tidak sesuai untuk rakyat negara kita. Cuma Kerajaan yang mengutamakan kepentingan politiknya akan sedaya upaya menafikan prinsip-prinsip demokrasi dengan alasan bahawa ia sesuai untuk negara kita yang majmuk.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini setelah Barisan Nasional gagal mendapatkan sokongan yang memuaskan daripada pengundi-pengundi bandar, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mendakwa bahawa akhbar-akhbar Cina telah terlalu ghairah mendukung konsep sistem dua parti dan telah bermain api apabila berkempen untuk parti lawan. Kritikan yang tidak berasas yang menunjukkan bahawa adalah tujuan Kerajaan supaya dengan amaran ini akhbar-akhbar Cina akan dengan sendirinya mengamalkan, dengan izin, self-censorship. Kita boleh lihat dengan jelasnya bahawa kebebasan sekatan yang selama ini dinikmati oleh akhbar-akhbar Cina hendaklah disekat lagi oleh Kerajaan apabila peranan adil yang dimainkan oleh akhbar-akhbar Cina boleh mengancam kedudukan politik Kerajaan atau demokrasi palsu yang wujud di negara kita. (*Tepuk*) Kritikan-kritikan dan kebebasan di negara ini cuma dibenarkan setakat mana ia tidak mengancam kedudukan politik Barisan Nasional terutama sekali majoriti 2/3 kerusinya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak adil bagi Kerajaan membidas akhbar-akhbar Cina cuma kerana mereka tidak memainkan peranan seperti yang dimainkan oleh suratkhbar bahasa lain yang dikuasai atau dikawal oleh parti Pemerintah. Pada hakikatnya, Tuan

Yang di-Pertua, dalam satu sistem demokrasi suratkhbar-suratkhbar hendaklah bebas walaupun tidak semestinya berkecuali. Menjadi bebas tidak bermakna suratkhbar hendaklah berkecuali apabila perlunya untuk mereka membuat anggapan atau komen atau, dengan izin, to make comments or judgments. Suratkhbar mempunyai hak dan tanggungjawab mengeluarkan pendapat mereka terhadap kejadian, peristiwa dan isu yang mereka laporkan demi kepentingan orang ramai. Apa yang penting ialah suratkhbar-suratkhbar haruslah mengasingkan pendapat editorial dengan liputan akhbar mereka. Liputan akhbar haruslah dijalankan secara adil, tepat dan keseimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita mempunyai begitu banyak suratkhbar, berapakah buah suratkhbar harian boleh memainkan peranan yang sepatutnya dengan bebas? Cuma satu Kerajaan yang takut rakyat bijak menilai yang mana intan yang mana kaca sanggup mewujudkan satu situasi di mana akhbar-akhbar akan bertindak seperti unta menyerah diri, tunduk kepada nafsu dan selera Kerajaan dengan membuat liputan atau laporan yang mendewakan pemimpin-pemimpin Kerajaan. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi sia-sia sahaja untuk pihak Pembangkang berbahas dengan Kerajaan terhadap kebaikan sistem dua barisan untuk rakyat jelata. Orang yang sengaja tidak mengerti bahawa salib yang kononnya terdapat di dalam tengkolok Kadazan itu adalah pucuk ubi akan juga tidak faham kebaikan sistem dua parti.

Tuan Yang di-Pertua, sayacumaingin menegaskan di sini bahawa demokrasi negara kita cuma akan jadi bermakna dengan wujudnya satu sistem dua barisan. Sistem dua parti sebenarnya adalah, dengan izin, the product of natural political development in democracy. Dalam demokrasi yang

tulen, tiada siapa akan ditahan tanpa bicara mahkamah. Suratkhbar boleh membayangkan hasrat rakyat dengan jujur dan bebas tanpa mengkhawatiri penerbitan akan ditarik balik. Tiada siapa Menteri atau Timbalan Menteri yang mengeluarkan ucapan ekstrimis dan chauvinist boleh kekal menjawat jawatannya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam satu demokrasi tulen, kejadian di mana satu syarikat dengan modal dibayar cuma sebanyak \$2/ boleh mendapat tanah Kerajaan tidak akan diterima. Bagaimanakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh membisu apabila Kerajaan Negeri Melaka melaksanakan Skim Cepat Kaya untuk membawa kekayaan yang cepat kepada pemimpin-pemimpin UMNO dengan meluluskan permohonan tanah daripada PUME Holdings Sdn. Bhd. pada tahun 1989. PUME Holdings Sendirian Berhad adalah sebuah syarikat di mana Lembaga Pengarah adalah pemimpin-pemimpin UMNO. Bagaimanakah PUME Holdings boleh membayar premium tanah yang berjumlah dekat \$400,000 apabila modal dibayar cuma \$2. Memandangkan harga pasaran tanah berkenaan mungkin dekat \$3 juta, berapakah keuntungan yang dibuat oleh syarikat ini apabila tanah berkenaan dipindah milik kepada Seng Hock Realty Development Sendirian Berhad pada tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sumber dan kekayaan negara haruslah diagihkan kepada rakyat dengan adil. Kerajaan telah selalu mengheboh-hebohkan hasratnya untuk memerintah dengan adil. Soal yang pokok adalah sama ada ia ada bikin serupa cakap atau komitmennya cuma setakat di bibir mulut sahaja.

Itu sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bandau.

7.77 *mlm.*

Tuan George Sangkin (Bandau); Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih ke atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1991 ini. Pelaksanaan perancangan-perancangan yang sedia ada haruslah dipastikan oleh kesemua Kementerian-kementerian yang telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakannya dan haruslah memastikan bahawa kumpulan-kumpulan sasaran perbekalan ini akan menikmati matlamat-matlamat strategi Belanjawan 1991 ini dalam tertikatayang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kepada satu pendapat yang menyatakan bahawa suasana ekonomi sesebuah negara itu adalah berlandaskan kepada suasana politik, sosial dan juga keselamatan. Sekiranya suasana politik, sosial dan keselamatan yang saya anggap sebagai independent variables, dengan izin, dalam konteks ini akan terjejas maka suasana ekonomi yang saya anggap sebagai dependent variable akan juga turut terjejas. Oleh itu, sebagai pemimpin-pemimpin negara yang tercinta ini Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili semua lapisan masyarakat Malaysia mempunyai peranan yang penting di dalam pembentukan suasana politik, sosial dan keselamatan yang stabil dan selamat, juga untuk melahirkan Malaysia yang makmur dan maju jaya.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan matlamat Belanjawan 1991 ini iaitu satu daripadanya untuk mewujudkan suatu masyarakat yang penyayang (the caring society), saya memohon kepada semua lapisan pemimpin Barisan Nasional supaya benar-benar mempraktikkan the caring society ini dengan sepenuhnya iaitu dengan menseimbangkan pemberian peruntukan pembangunan untuk manfaat semua lapisan masyarakat seluruh negara ini dan juga

kepada semua negeri-negeri di dalamnya. Adalah diharap agar Kerajaan Persekutuan akan terus memelihara kepentingan-kepentingan rakyat Malaysia amnya dan di negeri Sabah khususnya berdasarkan kepada keperluan-keperluan yang telah diutarakan oleh Kerajaan tersebut. Saya menyeru kepada pemimpin Barisan Nasional supaya jangan terus bertindak menurut perasaan geram terhadap Parti Bersatu Sabah kerana saya ingin menegaskan di sini bahawa tindakan Parli Bersatu Sabah untuk keluar daripada Barisan Nasional adalah berlandaskan kepada prinsip demokrasi yang sebenarnya, yakni kemahuan majoriti rakyat Malaysia di Sabah dan bukannya semata-mata untuk menjaga kepentingan pemimpin-pemimpin utama PBS seperti yang diperkatakan oleh beberapa pihak pemimpin Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, kita bukannya menentang secara membabi-butu. Kita menyokong kepada dasar yang baik seperti masyarakat penyayang ini. Kita tidak dapat menafikan ianya berguna, tetapi kita akan terus berjuang untuk menegakkan kebenaran kepada dasar-dasar perhitungan-perhitungan serta tindakan-tindakan yang tidak adil sehingga dasar-dasar perhitungan-perhitungan serta tindakan-tindakan tersebut menjadi adil dan saksama kepada semua. Saya berharaplah supaya Kerajaan Pusat akan memelihara kepentingan rakyat Malaysia di Sabah seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai pengalaman yang amat sedih sekali yang telah dirasai dan diharungi oleh kesemua pemimpin Kerajaan Negeri Sabah dan juga rakyatnyapadapenghujungminggualalu. Manakala seorang daripada Pegawai Kanan Kerajaan Negeri Sabah, Dr Maximus Ongkili, seperti yang telah disebutkan oleh beberapa wakil daripada Parti Bersatu Sabah menyatakan Dr Maximus Ongkili seorang Timbalan

Pengarah Eksekutif Institute for Development Studies, dengan izin, telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri minggu lalu. Saya yakin bahawa tindakan penangkapan ini adalah bertentangan dengan konsep masyarakat penyayang kerana saya percaya bahawa Dr Maximus adalah seorang yang bertanggungjawab, seorang yang telah menyumbangkan khidmatnya untuk kemajuan masyarakat dan negara dari segi kajian beliau, dari segi pekerjaan beliau sebagai seorang penyelidik di negara ini. Oleh itu saya memohon kepada Kementerian Dalam Negeri supaya melepaskan Dr Maximus dan sekiranya didapati bersalah, menghadapkannya ke mahkamah supaya ianya dibicara dan akan dapat dikenalpasti kesalahan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman itu bertambah lebih sedih, saya mohon maaf Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh mengenai dengan penangkapan dan penahanan pemimpin utama Sabah yang melibatkan Ketua Eksekutif Negeri iaitu Ketua Menteri Sabah. Amat sedih sekali memerhatikan cara-cara Pasukan Keselamatan yang telah menahan Ketua Menteri tersebut iaitu dengan menahan beliau dengan mengadakan road-block menuju ke pejabat beliau seolah-olah beliau ini merupakan seorang penjenayah yang sangat merbahaya. Saya yakin Pasukan Keselamatan boleh datang ke rumah kediaman Yang Amat Berhormat tersebut ataupun ke pejabatnya dengan secara aman untuk tujuan penahanan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan ini bertentangan sekali dengan konsep masyarakat penyayang kerana saya yakin dan percaya bahawa Ketua Menteri Sabah adalah pemimpin yang memperjuangkan hak-hak asasi dan kepentingan rakyat Malaysia di Sabah untuk faedah bersama. Beliau juga komited kepada pembentukan sebuah negara Malaysia yang maju dan makmur dan tindakan-tindakan pemberkasan ini

adalah lebih merupakan suatu balas dendam terhadap pemimpin-pemimpin Kerajaan Sabah. Oleh itu saya sekali lagi merayu kepada pemimpin Kerajaan Pusat, terutama sekali pemimpin utama Barisan Nasional supaya mempraktikkan dengan sepenuhnya matlamat masyarakat penyayang itu dengan sepenuhnya dengan mem-berhentikan kegiatan penekanan dan juga penangkapan ke atas pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri Sabah serta memberikan seterusnya peruntukan-peruntukan pembangunan kepada negeri itu bagt memenuhi keperluan-keperluan rakyat Malaysia di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh perkara mengenai pendatang-pendatang haram dan pelarian-pelarian di negeri Sabah yang selepas ini akan saya rujuk sebagai pendatang tanpa izin yang saya anggap amat penting dari segi keselamatan negara. Perkara ini saya anggap penting bagi keselamatan semua rakyat Malaysia amnya dan khususnya rakyat Malaysia di Sabah. Masalah ini akan membawa kesan-kesan buruk sekiranya tiada langkah-langkah yang tegas untuk mengatasinya terhadap kestabilan politik, sosial dan ekonomi Sabah khususnya dan Malaysia amnya.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua kumpulan pendatang tanpa izin ini di Sabah iaitu orang-orang daripada Pilipina dan juga Indonesia yang datang membanjiri negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada kajian berikut saya huraikan perangkaan bilangan pendatang-pendatang tanpa izin ini walaupun saya kurang pasti sama ada Kementerian Dalam Negeri bersetuju dengan perangkaan ini:

- (a) Filipina merupakan 335,500 orang iaitu 78,000 adalah pelarian dan 257,500 adalah bukan pelarian. 50,000 mempunyai pas kerja dan 117,936 bekerja secara haram.

- (b) Indonesia pula seramai 145,000 orang kesemuanya bukan pelarian, mereka ini mencari peluang ekonomi.

Jumlah keseluruhan, Tuan Yang di-Pertua, pendatang tanpa izin ini ialah, Filipina 335,500, Indonesia 145,000 dan kesemuanya 480,500. Kesan-kesan politik kita boleh lihat, Tuan Yang di-Pertua, dan saya ingin menghuraikan kesan-kesannya terhadap kehadiran pendatang-pendatang tanpa izin ini terhadap negeri Sabah khususnya. Adalah menjadi kenyataan bahawa kebanyakan pendatang-pendatang tanpa izin daripada Pilipina telah terlibat dalam rusuhan 1986 yang telah mengakibatkan ketidakstabilan politik dan perkembangan sosial. Ramai daripada bilangan pendatang-pendatang ini lelah memperolehi kad pengenalan biru dan kemudian mendaftar sebagai pengundi di Sabah, Kehadiran beramai-ramai pendatang yang tidak terkawal boleh menjejaskan keunggulan negara dan mereka akan merampas kuasa politik di suatu ketika kelak sekiranya kegiatan pemberian kad pengenalan biru dan pendaftaran sebagai pemilih tidak diberhentikan.

Dari segi sosial pula, menurut kajian pendatang-pendatang ini telah merampas kemudahan-kemudahan kesihatan dan perubatan daripada rakyat Malaysia di Sabah. Dahpada rawatan yang dijalankan keseluruhannya pendatang merupakan 32.1% dirawat sebagai pesakit luar dan 37.1% dalam kes bersalin dan 25.2% rawatan pesakit dalaman. Pada kemudahan pendidikan pula, pendatang-pendatang ini telah merampas peluang anak-anak tempatan dan berikut adalah peratusan kemasukan kanak-kanak pendatang-pendatang ini iaitu 13% atau 28,527 (setakat Januari 1988) bagi sekolah rendah dan 6% (sehingga Januari 1988) di peringkat sekolah menengah pula. Kadar peratusan kemasukan ke sekolah rendah dan sekolah menengah oleh anak-anak pendatang ini bagi tempoh tahun 1980

dan 1988 ialah 9.8% dan 12.9% masing-masingnya. Kadar ini merupakan dua kaliganda kadar peratusan kemasukan kanak-kanak tempatan. Ini sangat-sangatlah membimbangkan, Tuan Yang di-Pertua.

Dari segi demography pula, kehadiran pendatang-pendatang tanpa izin ini telah juga membawa kesan yang membimbangkan ke atas laburan demography seperti tempat-tempat berikut di Sandakan dan Lahat Datu, nisbah pendatang dan orang tempatan ialah 1:1. Di Kota Kinabalu pula nisbah pendatang dan orang tempatan ialah 2:1. Di Semporna dan Kunak nisbah pendatang dan orang tempatan ialah 3:1.

Adalah diramalkan dan dijangka bahawa bilangan pendatang-pendatang ini akan menenggelami bumiputera Malaysia di Sabah dalam satu dekad lagi dan seluruh populasi di dalam dua dekad lagi. Ini adalah berdasarkan kepada trend demography berikut:

Pertama, penduduk tempatan mempunyai keluarga kecil, purata lebih kurang 5 orang anak berbanding dengan keluarga pendatang purata 8 orang. Keluarga pendatang lebih muda daripada keluarga tempatan iaitu 80% daripada ketua keluarga pendatang ini berumur dalam lingkungan 40 tahun atau lebih muda. Pendatang berumah tangga terlalu awal, purata berumur sewaktu 13 tahun. Kadar kelahiran orang pendatang ialah dua kali lebih tinggi berbanding dengan orang tempatan. Dan yang merisaukan ialah pendatang ini masuk ke Sabah, purata 500 tiap-tiap bulan.

Tuan Yang di-Pertua, kesan-kesan politik pula, lanya telah membebankan Kerajaan Negeri dalam penyediaan perkhidmatan seperti kesihatan, pendidikan, rekreasi, perumahan dan pengangkutan dengan perbelanjaan yang tinggi. Kejadian-kejadian jenayah atau keter jejasan peraturan-peraturan dan undang-undang di negari atau dengan izin, the deterioration of law and

order in the State boleh menakutkan pelaburan-pelaburan ke negeri Sabah khususnya dan Malaysia amnya. Dan pengaliran keluar wang dari Malaysia ke negara asal pendatang ini dijangka lebih kurang \$200 juta setahun.

Penduduk tempatan terpaksa bersaing dengan pendatang untuk mendapatkan pekerjaan dalam sektor seperti perkhidmatan domestik, berniaga secara kecil-kecilan, pemandu-pemandu bas mini, penangkap ikan dan sebagainya. Dan menurut rekod daripada Jabatan Buruh Sabah, pekerja pendatang merupakan 67.5% daripada jumlah tenaga buruh di Sabah.

Dari segi kesan keselamatan pula, Tuan Yang di-Pertua, bilangan pendatang-pendatang dari Filipina semakin banyak. Ini menambahkan lagi kebimbangan rakyat Malaysia di Sabah terhadap tuntutan Filipina ke atas Sabah seperti yang telah dikatakan oleh Ahli dari Jambongan sebentar tadi yang saya juga anggap sebagai duri dalam daging dengan hubungan diplomatik Kuala Lumpur dan Manila. Melihat dengan bilangan pendatang Filipina yang begitu ramai itu bermakna mereka sudahpun bersedia untuk menawan negeri Sabah sekiranya berlaku pergolakan di negeri itu. Tambahan lagi lokasi-lokasi penempatan mereka ini terletak di tempat-tempat yang strategik seperti hampir dengan pusat bandar, jalan besar, sungai, lapangan terbang, pelabuhan dan juga pusat-pusat militar ataupun, dengan izin, military installation di Sabah. Kedudukan ini memudahkan penyerangan mereka sekiranya berlaku peperangan ke atas penduduk-penduduk di negeri Sabah.

Kesan-kesan sosial lain pula, masalah kesihatan termasuklah pencemaran akibat daripada sampah sarap, pembuangan najis-najis yang tidak menentu, kesesakan dan keadaan yang tidak bersih di pusat penempatan pendatang ini menjadi tapak penyakit-penyakit dan kegiatan-kegiatan jenayah untuk

merebak. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan juga tidak dinafikan telahpun ada, tetapi masalah ini sukar juga diatasi. Bagaimanapun, sekiranya Kerajaan Pusat bersungguh-sungguh dalam usahanya untuk menghantar kembali pendatang-pendatang ini ke negara asal mereka seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Mac, 1990 lalu di Shah Alam, Selangor saya yakin perkara ini sekurang-kurangnya boleh dihindangkan. Bagi Kerajaan Negeri pula usaha telahpun dibuat dengan begitu intensif termasuklah menjalankan kajian dan pendaftaran terhadap pendatang-pendatang ini.

Kerajaan Negeri juga telahpun mengadakan taklimat khusus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai masalah ini pada bulan Disember 1988 lalu. Bagi Kerajaan Persekutuan pula haruslah perlu bertindak iaitu seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri ketika menjawab soalan saya dalam isu yang sama pada 12hb Disember lalu. Kerajaan Pusat telahpun memulakan langkah-langkah awal termasuklah menjalankan pendaftaran ke atas pendatang-pendatang ini.

Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru agar Kerajaan Pusat khususnya Kementerian berkenaan mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) penguatkuasaan dengan ketat undang-undang terhadap masyarakat pendatang terutamanya perkara berhubung dengan imigrasi dan buruh;
- (ii) deportasi, dengan izin, kesemua pendatang yang tiada pekerjaan;
- (iii) regularise, dengan izin, kesemua pendatang yang bekerja secara haram melalui amnesti program termasuklah juga keturunan Filipina;

- (iv) menjalankan verifikasi ke semua dokumen termasuklah dokumen perjalanan, pas kerja dan sebagainya yang dimiliki oleh pendatang ini;
- (v) pengawalan ketat ke atas, dengan izin, movement pendatang ini di Sabah; dan
- (vi) mengiktiraf dokumen-dokumen yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Penempatan Jabatan Ketua Menteri Sabah serta pendaftaran yang telah dijalankan oleh Bahagian ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundur diri, perlu juga saya di sini menyampaikan hasrat kawasan yang saya wakil iaitu P.135 Bandau khususnya dan rakyat Malaysia di Sabah amnya mengenai dengan perkara pembinaan jalanraya, kemudahan kesihatan luar bandar, perkhidmatan bomba dan juga bekalan elektrik.

Saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya supaya memberikan perhatian yang dekat serta memberikan peruntukan-peruntukan yang cukup untuk menyelenggara serta membina jalan-jalan raya di bawah bidangkuasa Kementerian ini di Sabah keseluruhannya dan khususnya bagi Daerah Kota Marudu, Pitas dan Kudat kerana keadaan-keadaan jalan raya yang saya katakan tadi amatlah buruk. Saya memohon khususnya agar jalan raya utama Kota Marudu ke Tandek dan seterusnya ke Daerah Pitas dapat diaspal dengan kadar yang segera kerana melalui jalan raya inilah penduduk-penduduk yang tidak kurang bilangannya membawa keluar hasil-hasil pertanian mereka ke pasaran daerah-daerah lain.

Saya juga memohon agar kemudahan kesihatan luar bandar harus dipertingkatkan seperti pembinaan klinik desa dan dispensari, terutamanya di

ketinggalan jauh. Walaupun sebuah Hospital Daerah di Kota Marudu sedang dibina namun dispensari yang sudah pun usang di Tandek dalam Daerah Kota Marudu perlu diganti dengan sebuah bangunan yang baru.

Saya juga memohon kepada Kementerian yang berkenaan agar perkhidmatan bomba akan dapat dibina di daerah Kota Marudu dengan kadar yang segera kerana banyak kejadian kebakaran yang tidak dapat dikawalakan di daerah tersebut.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon kepada Kementerian yang berkenaan agar memberikan peruntukan yang cukup untuk bekalan elektrik luar bandar bagi kawasan P. 135 Bandau khususnya kerana banyak lagi penduduk-penduduk luar bandar yang belum pernah melihat api elektrik yang dinikmati oleh masyarakat-masyarakat lain.

Dengan kata-kata demikian cukup sahajalah ucapan di perbahasan saya di Dewan yang mulia ini dan saya mohon menyokong Usul Belanjawan 1991 ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang tengah itu. Dari kawasan mana?

Tuan Richard Riot Anak Jaim: Serian.

Tuan Yang di-Pertua: Serian.

7.31 mlm.

Tuan Richard Riot Anak Jaim (Serian): Tuan Yang di-Pertua,

Salam hormat salam sejahtera,

Rangkap kata permulaan berbicara,

Selamat tahun baru kepada semua...

Tuan Yang di-Pertua: Lambat dah!
(Ketawa)

Tuan Richard Riot Anak Jaim: Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberi peluang kepada saya selaku Ahli Bebas yang kedua diberi peluang berucap di Dewan yang mulia ini untuk turut sama-sama mengambil bahagian di dalam perbahasan ke atas Belanjawan Negara 1991 ini yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 14 Disember yang lalu.

Sebelum saya meneruskan perbahasan saya, saya kira masih belum terlambat untuk saya bagi pihak semua rakyat di kawasan Parlimen P.160 Serian untuk merakamkan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah dan keluarga di atas kemangkatan Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Bapa Malaysia dan Bapa Kemerdekaan yang amat kita sanjungi lagi dikasihi beberapa minggu yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai permulaan saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah berjaya membentangkan satu Belanjawan yang pada hemat saya merupakan Belanjawan bonus oleh Kerajaan kepada semua rakyat, semua lapisan masyarakat lebih-lebih lagi masyarakat di luar bandar.

Saya dan rakyat di kawasan saya P.160 yang kebanyakannya masyarakat luar bandar yang mengusahakan ladang dan kebun secara kecil-kecilan senang hati dan menyambut baik Belanjawan Negara serupa ini. Kemurahan hati Kerajaan seperti yang ditunjukkan kepada rakyat sangat-sangat disanjung tinggi. Saya gembira dan bersyukur dan ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan kerana tidak ada cukai baru dinaikkan

kecuali cukai terhadap rokok dan minuman keras. Malahan banyak cukai dihapuskan sama sekali termasuk duti eksport terhadap getah dan lada hitam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan dan menyanjung tinggi tindakan Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas penghapusan duti eksport terhadap lebih lagi lada hitam. Dengan penghapusan duti eksport tersebut saya percaya pendapatan para pekebun kecil yang mengusahakan penanaman lada dan juga getah akan bertambah dan sudah tentu taraf sosio-ekonomi mereka akan juga bertambah.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, penghapusan duti eksport terhadap dua komoditi ini, getah dan lada, pada saya belum lagi mencukupi. Duti eksport terhadap koko juga patut dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya mohon mencadangkan. Saya mencadangkan agar cukai import yang dikenakan ke atas baja dan bahan-bahan kimia seperti racun serangga dikurangkan atau kalau boleh dihapuskan sama sekali. Dengan penurunan atau penghapusan cukai import terhadap baja dan bahan-bahan kimia, bebanan yang ditanggung oleh para pekebun kecil, khususnya para pekebun lada dan koko akan dapat diringankan, lebih-lebih lagi pada masa sekarang bila mana harga kedua-dua komoditi ini begitu menurun sehingga di bawah kos pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, lima tahun yang lampau harga lada hitam adalah \$9.00 lebih sekilo. Manakala harganya sekarang terjunam sehinggalahannya \$3.00 sekilo iaitu kejatuhan harga sebanyak kurang lebih 300%. Tetapi harga baja dan bahan kimia masih tidak berubah malahan masih naik. Begitu jugadengan harga koko. Inilah nasib malang yang menimpa para pekebun kecil lada hitam dan koko, Tuan Yang di-Pertua.

Saya percaya nasib para pekebun ini akan dapat dibela, bebanan mereka akan dapat dikurangkan dengan Kerajaan menurunkan atau menghapuskan sama sekali cukai import terhadap baja dan bahan-bahan kimia ini. kerana ini secara langsung atau tidak akan dapat membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik hati dan mengalu-alukan Belanjawan Negara 1991 yang mana memberi penekanan kepada pembangunan rakyat khususnya rakyat di luar bandar.

Berpandukan kepada ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam membentangkan Belanjawan 1991 izinkan saya menyentuh beberapa perkara yang penting dalam aspek pembangunan yang mana telah diperuntukkan \$9,434 juta atau 25% dari Belanjawan Negara yang berjumlah \$38,474 juta. Saya berharap dan benar-benar berharap agar cadangan saya ini akan diambil kira dan diambil berat oleh Kerajaan dalam melaksanakan program pembangunan luar bandar tahun ini.

Pertama, saya ingin menyentuh tentang pembangunan luar bandar yang mana \$3,721 juta telah diperuntukkan khususnya untuk pembangunan infrastruktur, prasarana, pertanian dan sebagainya di luar bandar yang mana bertujuan meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak amnya dan kawasan saya Serian khususnya masih jauh lagi ketinggalan dalam semua bidang dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Kita masih lagi kelaparan pembangunan. Banyak rakyat di kawasan saya P.160 Serian, Tuan Yang di-Pertua, belum lagi menikmati kemudahan asas seperti kemudahan air bertapis dan elektrik. Banyak yang masih meminum air dari sungai, telaga, gunung dan bukit dan banyak lagi masih mengguna pelita.

Oleh yang demikian dalam pengagihan peruntukan pembangunan luar bandar ini saya harap dan betul-betul berharap agar kawasan saya P. 160 Serian juga akan diberi, "a piece of the cake," dengan tizin, Tuan Yang di-Pertua, kerana masyarakat di kawasan saya Serian inilah yang betul-betul lebih lagi masih memerlukan pembelaan di segi pengagihan kemakmuran di bawah program pembangunan luar bandar.

Kedua, saya ingin menyentuh tentang masalah jalanraya di negeri Sarawak amnya dan di kawasan saya Serian khususnya. Saya percaya masalah jalanraya di negeri Sarawak sudah berkali-kali dibangkitkan oleh Wakil Rakyat-Wakil Rakyat yang lain dari Sarawak termasuk dua orang Wakil Rakyat dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parlimen Kelapan ini. Tetapi malangnya setakat ini masalah jalanraya di Sarawak belum mendapat perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh tentang jalan Serian/Tebedu. Jalan Serian/Tebedu satu-satunya jalan raya yang menghubungkan Negeri Sarawak dengan jiran tetangga kita Kalimantan Indonesia melalui darat yang dibina sebelum Sarawak merdeka dalam Malaysia merupakan antara jalan raya yang tertua di Negeri Sarawak. Tetapi malangnya keadaan jalan raya ini tidak berubah seperti 28 tahun yang lampau. Pada musim tengkujuh keadaannya becak seperti padang lumpur dan pada musim panas ianya seperti padang debu. Saya berharap agar Kerajaan mengambil berat tentang masalah jalan raya ini supaya ianya dapat diupgraded dan diturapkan.

Saya ingin beralih pula kepada keselamatan. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pasukan Keselamatan kita, Polis dan Tentera khususnya yang bertugas di negeri

Sarawak yang telah banyak memberi pengorbanan demi keamanan, keselamatan dan kesejahteraan negara kita yang tercinta ini.

Kompleks Imigresen dan Kastam di daerah kecil Tebedu di kawasan saya, P.160 Serian, telah mula digunakan pada pertengahan tahun lalu. Dengan terbukanya kompleks ini yang merupakan satu-satunya pengkalan atau pintu masuk antarabangsa Sarawak—Indonesia melalui darat, jumlah pelancong dari negara jiran kita Indonesia ke Sarawak berlipatganda. Rakyat di Serian memang sungguh-bangga kerana telah diberi penghormatan untuk menjadi pengkalan atau pintu masuk antarabangsa. Akan tetapi pihak Kerajaan hendak dan haruslah mengambil berat tentang keselamatan khususnya di sempadan Tebedu.

Pada masa ini pasukan keselamatan kita yang ditempatkan di situ iaitu hanya satu pasukan polis dengan anggota yang hanya lebih 10 orang, jauh dari mencukupi, jauh dari boleh menjamin keselamatan di situ. Saya berharap agar pihak Kerajaan mengambil berat tentang perkara ini dengan menambahkan lagi pasukan keselamatan yang sedia ada.

Saya ingin pula menyentuh tentang pendidikan. Dalam membentangkan Belanjawan negara 1991, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa \$700 juta diperuntukkari untuk pembinaan 989 buah sekolah dan maktab dan juga untuk pembelian alat-alat sekolah. Pada masa sekarang terdapat hanya 5 buah sekolah menengah di kawasan saya, P.160 Serian, untuk menampung dan untuk menerima murid-murid dari 67 buah sekolah rendah yang terdapat di situ. Bilangan sekolah menengah ini tidak mencukupi. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya sebuah sekolah menengah lagi didirikan di daerah kecil Tebedu.

Saya mengakhiri ucapan saya ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan satu rangkap pantun:

Belanjawan Negara telah
dibentangkan,

Pembangunan luar bandar diberi
penekanan,

Rakyat di Serian betul-betul
mohonkan,

Agar kemudahan asas—jalanraya,
bekalan air, elektrik diberi
perhatian.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong Belanjawan negara 1991. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Maran.

7.43 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memanglah bak kata P. Ramlee, menunggu adalah merupakan satu penyiksaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, semua menunggu dengar pun ada! (*Ketawa*)

Tuan Haji Mohamed bin Abdullah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah rezeki kita, sampai masanya dapat juga.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya masuk kepada perkara-perkara yang lain, ingin saya menyentuh perkara-perkara asas dahulu. Tadi wakil DAP ada mengatakan bahawa demokrasi negara kita adalah demokrasi palsu. Saya ingin menyatakan di sini bahawa kalaulah sekiranya DAP benar-benar mengatakan demokrasi negara kita adalah demokrasi palsu, maka saya menyatakan kepada mereka tidak usahlah masuk bertanding pilihanraya yang akan datang bagi mereka yang duduk di sini sekarang, kerana mereka menggunakan juga apa yang mereka katakan demokrasi palsu. Maka mereka

itu adalah juga wakil rakyat palsu. Apa gunanya kita dengar cakap-cakap mereka kerana mereka merupakan wakil rakyat palsu?

Tuan Yang di-Pertua, mereka juga mengatakan bahawa surat-surat khabar hari ini merupakan surat-suratkhabar Barisan Nasional. Tetapi sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bila mana surat-suratkhabar melaporkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kelakuan yang kurang baik kepada DAP, maka mereka mengatakan bahawa suratkhbar itu adalah tidak benar. Tetapi mana-mana suratkhbar yang menunjukkan tingkah-laku mereka adalah baik, mereka sudah barang tentu akan memuji suratkhbar tersebut kerana suratkhbar berkenaan adalah memihak kepada pihak mereka.

Saya bercakap pada hari ini—malangnya DAP tidak begitu minat, dan saya tidak tahu tetapi nampaknya terang, tidak diketahui sama ada mereka ini tidak berani mendengar apa yang saya cakapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita adalah Kerajaan yang adil, Kerajaan untuk menjaga keselamatan negara. Oleh sebab itulah kita telah meluluskan berbagai-bagai Akta termasuk di antaranya ISA.

Sebenarnya kalau kita tinjau daripada segi matlamat akhir bagi ISA ini ialah untuk menjaga keamanan negara. Oleh sebab itu, saya menyokong penuh kalau sekiranya kita kedatangan mana-mana rakyat kita di negara ini yang bersikap untuk menghancurkan keselamatan negara dan sebagainya maka jangan ragu-ragu, tangkaplah mereka.

Tuan Wong Wing On (Kampar): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Tak payahlah, saya tidak pernah menggangu sesiapa.

Tuan Wong Wing On: Bukan hendak ganggu, saya mahu minta penjelasan.

Tuan Haji Mobamed bin Abdullah: Saya tidak takut pada sesiapa, tetapi saya tidak pernah mengganggu sesiapa. Terima kasih, minta duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Kampar, jangan bercakap. Kalaudiatakbenarkan, tak boleh bercakap.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Dia tidak mengerti Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua. Bacalah lagi Peraturan Mesyuarat baik-baik.

Tuan Yang di-Pertua, inilah seruan saya kerana kalau kita biarkan mereka suka untuk membuat hasutan dan mengancam keselamatan, maka sudah barang tentu negara kita tidak selamat di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai Belanjawan kita. Belanjawan negara yang baik adalah disebabkan oleh negara aman dan hasil negara meningkat. Kalau ini tidak ada, kalau ini tidak wujud, jangan mimpi kita hendak jumpa Belanjawan yang sebaik ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu marilah kita semua sama-sama menjaga keamanan negara dan bekerja keras untuk meningkatkan hasil negara, meningkatkan hasil negara atau produktiviti dan bekerja keras adalah di antara punca penting untuk kesenangan kita semua. Orang Jepun ada berkata, "*Senyo korako*"—struggle first, enjoy later. Ertinya berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ketepian; bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian. Inilah pepatah kita orang Melayu. Oleh sebab itu kita tidak boleh menjadi orang senang kalau kita tidak bekerja bersungguh-sungguh atau kita hanya duduk goyang kaki sahaja. Dengan kita bekerja bersungguh-sungguh, barulah kita boleh mendapat

kesenangan hidup. Janganlah kita hanya duduk goyang kaki, kemudian kita hendak kesenangan. Sebab itu mestilah kita ingat iaitu kalau kita duduk bergoyang kaki mestilah kita sudah menjadi orang kaya, tetapi kita tidak mungkin boleh menjadi orang kaya kalau sekiranya kita hanya duduk goyang kaki, kecualilah tukang jahit.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin menyampaikan ucapan syabas kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan seluruh rakyat yang menyokong Kerajaan kerana mereka tahu membalas budi. Janganlah kita menjadi orang yang hanya pandai menyunting bunga. Bunga disunting, perdu dikencing; isteri dipeluk, mertua ditendang. Inilah dianya orang-orang yang tidak pandai membalas budi.

Marilah kita berkorban sedikit sebanyak untuk kepentingan agama, bangsa dan negara, janganlah disebabkan sedikit kekecewaan, kita sanggup meruntuhkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai masyarakat-penyayang. Islam memang menyarankan supaya kita mempunyai sifat penyayang, kasih sesama kita apatah lagi kita semuanya orang yang cinta kepada keamanan negara. Nabi Besar Muhammad s.a.w. telah bersabda ertinya;

Tidak beriman seseorang daripada kamu melainkan ianya cinta dan kasih kepada saudaranya sebagaimana cinta dan sayang kepada dirinya sendiri.

Ertinya kita mesti cinta dan kasih sesama kita, sesama Islam dan kita mestilah cinta dan kasih kepada jiran kita tanpa mengira orang itu Islam ataupun bukan Islam. Inilah saranan Islam, maka dari dasar inilah maka Kerajaan kita telah mengemukakan satu Belanjawan termasuklah masyarakat penyayang. Oleh itu, oleh kerana kita

mahukan keamanan dan menunjukkan serta menandakan sayang kepada masyarakat, maka saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan memberi pinjaman yang khusus kepada orang-orang cacat, orang-orang yang tidak berdaya untuk melabur di ASN atau mana-mana institusi-institusi kewangan yang boleh memberi faedah kepada mereka, kerana ini akan memberi faedah kepada mereka secara tidak langsung.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai dengan penyalahgunaan dadah. Sekarang Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan untuk mengatasi perkara ini. Saya merasakan tindakan-tindakan yang kita ambil masih belum lagi dapat mengatasi masalah yang kita hadapi sekarang. Maka saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan satu Kementerian yang khusus untuk menjaga kesemua penyalahgunaan dadah, kerana apa saya katakan demikian pentingnya Kementerian ini, kerana kita kedatangan sekarang orang-orang yang menagih dadah telah menggunakan sebanyak \$815 juta wang untuk membeli dadah tiap-tiap tahun, bererti mereka yang telah mengidap penyakit ini mereka menggunakan wang begitu besar sekali. Sebab itulah kita perlu membanteras ataupun mengurangkan perkara ini. Dengan kerana itu perlulah kita mengadakan satu Kementerian yang khusus. Penyalahgunaan dadah juga akan berjangkit kepada satu jenis penyakit yang amat berbahaya ketika ini iaitu penyakit AIDS. Penyakit ini sesiapa yang kena tidak ada maaf baginya. Sebab itulah oleh kerana ada kaitan di antara dadah dengan penyakit ini maka tidak ada jalan lain melainkan Kerajaan kita mestilah benar-benar berusaha untuk mengatasi perkara penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan dalam tahun 1990 ini hampir 10 juta anak-anak diseluruh dunia akan menjadi yatim piatu, kerana ibu dan ayah mereka

mati disebabkan penyakit AIDS dan kemungkinan pada tahun dua ratus ribu akan datang lebih daripada bilangan itu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dua ribu, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Dua ribu akan datang. Maaf, akan berlaku lagi perkara yang lebih menyedihkan ini kalau sekiranya dunia dan juga mana negara-negara berkenaan tidak mengambil tindakan bagi menyekat penyakit penyalahgunaan dadah, kerana kita telah akui bahawa dengan sebab penyalahgunaan dadahlah menyebabkan penyakit AIDS ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa inilah perkara yang perlu kita ambil perhatian yang berat.

Tuan Yang di-Pertua, masalah cukai pendapatan adalah merupakan satu perkara juga yang perlu saya nyatakan di sini. Apatah lagi kalau sekiranya kita telah kenakan cukai pendapatan ini kepada petani-petani dan peladang-peladang di luar bandar dan juga dengan rancangan-rancangan tanah. Mereka mendapat pendapatan yang tidak tetap, harga barangan komoditi mereka adalah sentiasa turun naik tetapi mereka juga mengenakan cukai pendapatan tiap-tiap tahun, maka ramailah di antara mereka yang mengatakan kesusahan dengan dikenakan cukai pendapatan ini, maka atas dasar masyarakat penyayang, Kerajaan kita mengamalkan dasar masyarakat penyayang, maka saya merayu kepada Kerajaan supaya memberi pengecualian cukai pendapatan kepada petani-petani dan peneroka-peneroka di rancangan. Kalau ini kita lakukan, insya Allah mereka juga akan sayang dan cinta kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung ya.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan syabas kepada DAP kerana kerusinya telah hilang 4 kerusi. Saya percaya kalau itulah dasar yang dijalankan oleh DAP, insya Allah pilihanraya akan datang kesemuanya akan hilang (*Tepuk*). Mereka mendakwa yang merelca telah menang banyak dan sebagainya, tetapi dari segi Parlimen sebenarnya mereka telah kehilangan pengundi sebanyak 21,000 pengundi. Jelas parti ini tidak akan berjaya di masa akan datang, kerana mereka adalah merupakan parti perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, PAS mengamalkan dasar' menggunakan Islam untuk kepentingan parti. Oleh sebab itulah apabila mereka kempen pilihanraya, maka pengikut-pengikut mereka tidak segan-segan dan silu lagi mengenakan hukum-hukum Islam kepada orang ramai, mengugut mereka dengan mengatakan kalau sekiranya mereka tidak mengundi PAS maka mereka tidak masuk syurga. Ini adalah satu penyelewengan yang besar. Mereka sanggup seolah-olah menambahkan lagi rukun Islam dan rukun Iman. Rukun Islam sendiri mengatakan bahawa naik haji itu adalah tidak menjadi wajib kepada siapa yang tidak mampu tetapi mereka berani mengatakan siapa yang tidak mengundi PAS bererti mereka tidak masuk syurga. Ini adalah satu penyelewengan yang besar dan dosa yang besar. Saya menyeru kepada pemimpin-pemimpin PAS supaya membuat kenyataan terbuka memohon supaya pengikut-pengikut mereka berhenti daripada kempen sedemikian rupa. Ini adalah amat berbahaya, bukan sahaja berbahaya kepada negara kita, tetapi ini merupakan satu bahaya akan menyelewengkan akidah rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu parti PAS janganlah menggunakan Islam untuk kepentingan parti. Tetapi kita orang UMNO menggunakan parti untuk kepentingan Islam, menggunakan

parti untuk kepentingan agama, menggunakan parti untuk kepentingan bangsa dan negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tasek Chenderoh.

8.02 mlm.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Tasek Chenderoh): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, jangan tunjuk kepada badan pula. (*Ketawa*)

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi kesempatan kepada saya untuk menyampaikan ucapan sulung di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak yang sulung itu. (*Ketawa*)

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihanraya yang lalu, pengundi-pengundi Tasek Chenderoh telah mengundi dengan jelas memilih dengan cara yang bijak, untuk meminjam kata-kata Yang Berhormat Menteri Kewangan, "telah bijak memilih di antara kaca dan permata" dan dengan yang demikian saya berpeluang mewakili pengundi-pengundi di Tasek Chenderoh, bercakap bagi pihak Kerajaan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, permatalah itu. (*Ketawa*)

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin sebagaimana Ahli dari Bagan Serai pada hari Jumaat yang lalu memperkenalkan kawasan saya. Tasek Chenderoh ialah sebuah tasik yang telah dibina, iaitu sebuah tasik buatan manusia, pada tahun 1926

kerana untuk pembangunan negara kita ini, ampangan hidro yang pertama telah dibina di kawasan Tasek Chenderoh. Dengan yang demikian lahirlah sebuah tasik yang hari ini menjadi nama kepada sebuah constituency di dalam Dewan ini.

Pada hah ini 64 tahun setelah Ampangan Chenderoh ini dibina, maka kawasan tersebut sudah berjaya 100% menikmati elektrik di semua kampung. 4 kampung yang terakhir sedang dilaksanakan' pada tahun ini dan insya Allah mengikut janji Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, rakyat di empat buah kampung tersebut akan menikmati elektrik sebelum Hari Raya ini.

Tuan Yang di-Pertua, Tasek Chenderoh ini walaupun buatan manusia 64 tahun yang lalu, tetapi sebenarnya mengikut kajian yang telah dibuat oleh kumpulan archaeology daripada Universiti Sains Malaysia di bawah pimpinan Dr Zuraina Majid telah wujud sebuah tasik pada 35,000 tahun dahulu. Di pantai tasik tersebut, 35,000 tahun dahulu terdapat masyarakat manusia zaman palaeolithic, manusia zaman batu dan penemuan yang paling berharga kepada negara kita ialah di sebuah tempat yang bernama Kota Tempan dan Kampung Luat. Kumpulan archaeology ini telah menemui sebuah bengkel zaman batu bengkel zaman batu yang ulung dan yang julung ditemui di kawasan Asia jauh ini dan kerana itu ia menjadi sesuatu yang amat bermakna. Sebuah bengkel yang mengeluarkan alat-alat batu, alat-alat berbentuk seperti pisau, kapak dan sebagainya digunakan untuk memburu di zaman palaeolithic tersebut. Apabila pengeluaran alat-alat ini berupa bengkel walhal sebelum ini orang mengatakan bahawa di zaman batu individu-individu sendiri mengeluarkan barangan inasing-masing dan memburu untuk mendapatkan rezeki masing-masing, tetapi apabila kita telah menemui sebuah bengkel bercrti pada waktu itu ada sebuah community, masyarakat yang

berpusat kepada suatu unit pengeluaran dan dapatlah kita tafsirkan bahawa sudah ada industri dan exchanges. Maknanya ada pertukaran di dalam ekonomi. Ini pertanda yang periam, ada sebuah masyarakat yang hidup sebagai suatu masyarakat yang mempunyai hubungan antara satu sama lain dalam sebuah keluarga besar.

Tuan Yang di-Pertua, kerana itu kita berharap semoga kawasan ini dapat diteruskan kajiannya, bukan sahaja oleh Jabatan Archaeology di Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang yang peruntukannya terhad, tetapi dikaji seterusnya oleh pihak Muzium Negara dan kemungkinan dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memajukan kawasan ini sebagai sebahagian daripada tarikan pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut pandangan Dr Zuraina Majid, Semenanjung Tanah Melayu ini adalah laluan yang penting di dalam sejarah migrasi manusia daripada Benua Asia ke pulau-pulau dan benua di selatan daripada semenanjung. Beliau menyebut bahawa semenanjung kita ini adalah 'the bridge of mankind' dan kerana itu kita hendaklah menganggap kawasan Tasek Chenderoh sebagai satu kawasan warisan yang perlu dijaga dan dimajukan. Kepada Kementerian Perdagangan dan juga Kementehaan Pembangunan Luar Bandar, saya juga berharap supaya mengambil perhatian kawasan Tasek Chenderoh ini untuk sekurang-kurangnya membawa masuk industri-industri kecil dan industri-industri kampung sebagaimana yang telah disarankan oleh Ahli dari Kuala Kedah tadi.

Tasek Chenderoh telah terbukti sebuah masyarakat yang 35,000 tahun dahulu sudah mempunyai industri dan kerana itu sudah tentu ianya satu tempat yang cukup baik kalau kita ingin memajukan industri di zaman moden ini. Saya merayu supaya Tasek Chenderoh

dipertimbangkan di dalam apa-apa rancangan untuk memajukan industri di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pilihanraya yang lalu, calon Pembangkang daripada Semangat 46 di Tasek Chenderoh telah berkempen berasaskan bahawa Semangat 46 adalah parti yang mewarisi UMNO sehinggakan beliau menyatakan di dalam posternya bahawa Semangat 46 sama dengan UMNO asal. Saya menimbulkan perkara ini kerana isu ini telah ditimbulkan di dalam Dewan ini oleh Ahli dari Kota Bharu. Ketua Semangat 46 Bahagian Tasek Chenderoh pada tahun yang lalu telah mengisytiharkan di depan khalayak ramai bahawa Semangat 46 akan mencari beberapa 'recourse' untuk memastikan Semangat 46 itu sebagai UMNO yang sebenarnya. Yang pertama, melalui mahkamah. Recourse yang kedua, melalui Parlimen. Recourse yang ketiga, melalui pilihanraya; supaya ditentukan oleh rakyat. Langkah yang pertama, gagal di mahkamah. Langkah yang kedua, gagal di Parlimen. Kerana itu di dalam pilihanraya beliau telah berkempen sesungguhnya untuk memastikan bahawa Semangat 46 itu adalah warisan UMNO. Dan Ahli daripada Kota Bharu telah dengan jelas menyatakan di dalam Dewan ini bahawa UMNO yang ada pada hari ini di dalam Kerajaan, yang menjadi teraju kepada Barisan Nasional hari ini, tidak layak untuk mengakui dirinya sebagai UMNO mewarisi UMNO yang asal.

Tuan Yang di-Pertua, di Tasek Chenderoh pada tahun 1986, Barisan Nasional telah mendapat undi lebih sedikit 12,000, dan PAS lebih sedikit 6,000. Dalam pilihanraya tahun 1990 yang lalu, Barisan Nasional mendapat undi 14,000. Semangat 46 mendapat undi 7,000 lebih sedikit. 1,000 lebih daripada undi yang didapati oleh PAS pada tahun 1986 dan pada tahun 1990 ini PAS tidak bertanding. Yang bertanding hanya antara Semangat 46 dan UMNO untuk menentukan siapakah yang

sebenarnya yang dipilih orang rakyat sebagai UMNO asal. Keputusan ini apabila dianalisis, undi yang didapati oleh Semangat 46 terdiri daripada 4,000 lebih pengundi Cina, 2,000 lebih pengundi PAS dan lebih kurang 1,000 pengundi yang boleh dikatakan Semangat 46.

Tuan Yang di-Pertua, UMNO telah mengakui dirinya sebagai wadah perjuangan bangsa Melayu sebagai tempat bangsa Melayu menjadikan payung pelindungnya. Di dalam pilihanraya dahulu, kalau Semangat 46 hanya mendapat 2,000 lebih sahaja undi daripada masyarakat Melayu dan selainnya adalah undi daripada masyarakat Cina, berertilah bahawa masyarakat Melayu di Tasek Chenderoh menolak Semangat 46 sebagai warisan dan wadah perjuangan bangsa Melayu. Kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita dengan yakin sekali mengatakan bahawa UMNO yang ada pada hari ini adalah UMNO yang asal dan tidak ada persoalan yang patut ditimbulkan lagi. Lebih-lebih lagi, kalau kita lihat keputusan secara umum seluruh Malaysia, seperti yang disebutkan sebahagiannya oleh Ahli dari Maran tadi, Barisan Nasional telah mendapat undi sebanyak 3,008,844 pada tahun 1990, melebihi tahun 1986 sebanyak 359,606 undi. PAS kalau pada tahun 1986 mendapat 716,592 undi, pada tahun 1990 hanya mendapat 376,304 undi—kekurangan sebanyak 340,288 undi. Kekurangan undi PAS ini adalah sebanyak tiga ratus ribu lebih. Begitu juga DAP sebanyak 21,409 undi, bererti undi yang didapati oleh Semangat 46 tidak datang daripada UMNO, tetapi ia datang daripada undi yang berkurangan daripada PAS dan daripada DAP.

Tuan Yang di-Pertua, undi PBS tidak boleh kira, kerana PBS ini, walaupun ia memperjuangkan hak dan kebebasan pengundi, mereka menyamun Barisan Nasional sewaktu pilihanraya yang lalu. Mereka tidak memberi kebebasan kepadapengundi untuk memilih. Setelah

penamaan calon, baru diisytiharkan keluar daripada Barisan Nasional. Ini sikap penyamun, menyamun sebanyak 14 kerusi dari Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu pilihanraya dahulu, kita mendengar Barisan Pembangkang menyatakan tujuan dan matlamat mereka untuk melahirkan "two-party system". Dan kita ingat mereka sudah lupa, tetapi pada hari ini juga suara itu kita dengar daripada wakil Kampar tadi. Malahan wakil Kampar mengatakan bahawa . . .

Tuan Wong Wing On: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kampar bangun.

Tuan Wong Wing On: Saya tidak berucap tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Orang lain yang berucap! Pasir Pinji, tadi.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Saya minta maaf. Saya tidak nampak tadi, sebab jauh. Sama. Lebih kurang orang itu jugalah. (*Ketawa*) DAP juga. Yang berucap tadi, siapa dia daripada DAP, menyebut tentang "two-party system" dan pihak Kerajaan seolah-olah tidak faham apa itu "two-party system".

Tuan Yang di-Pertua, di dalam sistem dua parti (two-party system) ini, saya setuju dengan kata-katanya tadi bahawa ia adalah "natural development of democracy". "Development" yang "natural" kepada satu sistem demokrasi dan akhirnya akan menjadi "two-party system", sebagaimana yang ada di negara-negara Barat seperti Australia, England dan Amerika pada hari ini. Dalam sesebuah negara, di mana sudah ada consensus kepada "National Ideology", sudah ada consensus kepada apakah itu "Nation State" yang ingin dibina, tidak ada lagi pertentangan yang meruncing antara ideologi-ideologi, maka two-party system ini boleh wujud.

Kerana yang akan dipertikaikan bukan lagi tentang dasar-dasar dan falsafah negara tetapi yang akan dipertikaikan hanya bagaimana hendak mentadbir negara tersebut untuk mencapai falsafah atau ideologi yang telah dipersetujui secara consensus oleh seluruh rakyat.

Di Malaysia hari ini kita masih melihat parti PAS tidak langsung bersetuju dengan Perlembagaan negara yang ada secara philosophical dan ideological.

Tuan Kerk Kim Hock: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pasir Pinji bangun.

Tuan Kerk Kim Hock: Minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh beri jalan?

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Sekejap lagi, biar saya habiskan dahulu hujah tentang "two-party system" ini. Parti PAS mempunyai tentangan langsung secara ideological dan philosophical". Begitu juga DAP, extreme yang sebelah lagi. Tidak mungkin akan wujud sistem dua parti di dalam keadaan perbezaan ideological yang meruncing seperti ini. Kita boleh lihat contoh di negara-negara barat.

Tuan Kerk Kim Hock: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Pinji bangun, lagi.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Belum habis, sedikit lagi.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini cari alasan.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Minta maaf, fasal masa pun tidak cukup, takut sekejap lagi tidak dapat hendak gulung.

Tuan Kerk Kim Hock: Orang baru tanyapun, takutkah?

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Sambung lagi bab "two party system" ini....

Tuan Kerk Kim Hock: Takut!

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Saya tidak takut, tetapi tangguh sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, dalam amalan two-party system apabila diisytiharkan, sebagai contoh, dalam pilihanraya yang lalu, Ahli dari Gua Musang akan dilantik sebagai Perdana Menteri sekiranya Barisan itu menang. Sama ada APUKah, GAGASAN RAKYATkah, campuran "rojak kedua" ini, memilih Ahli dari Gua Musang menjadi Perdana Menteri sekiranya Barisan ini menang. Tetapi jika sekiranya Barisan ini kalah, sepatutnya amalan mereka ialah sebagaimana di Australia, di England, ataupun di Amerika, Ahli dari Gua Musang yang juga menang kerusinya, dia tidak kalah, seharusnya dilantik sebagai Ketua Pembangkang dan juga "shadow Prime Minister". (Ketawa) Hari ini saya hendak tanya siapa dia "shadow Prime Minister"? Siapa dia .. .

Tuan Wong Wing On: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Kamar bangun, ya.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Nanti dahulu. Siapa dia shadow Menteri..

Tuan Lim Guan Eng: Kalau hendak tanya, mesti dapat jawapan.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Okay. (Disampuk)

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka, ya.

Seorang Ahli: Orang lama bagi.

Tuan Lim Guan Eng: Saya ingat Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh mungkin tidak baca suratkhbar. Tidak baca suratkhbarakah? Tawaran telah dibuat kepada Yang Berhormat dari Gua Musang untuk menjadi Ketua Pembangkang.

Beberapa Ahli: (Menyampuk)

Tuan Lim Guan Eng: Diamlah, jangan kacau. Jangan jadi budak-budak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi Yang Berhormat dari Gua Musang berasa adalah tidak sesuai untuk menerima jawatan itu dan inilah keputusannya sendiri, tetapi tawaran telah dibuat untuk memilih dia sebagai Ketua Pembangkang dan saya rasa Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh sama seperti semua pemimpin dan Ahli Parlimen Barisan Nasional. semua ini jahil, jahil sangat.... (Disampuk)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng:.... tidak tahu, tidak baca suratkhbar, tetapi hanya baca suratkhbar Utusan Malaysia yang hanya....

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya beri....

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat Kota Melaka. Cukuplah. Kota Melaka, saya akan meminta Yang Berhormat keluar dari Dewan. Saya minta Yang Berhormat keluar dari Majlis Mesyuarat ini jika sekiranya

tidak mahu mendengar. (*Tepuk*) Sila duduk. Kesemua duduk. Ya, sila Tasik Chenderoh.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Timbalan Menteri minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu. Kota Melaka minta penjelasan tadi, apa yang hendak kata?

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, ini cerita suratkhobar, mereka sendiri juga kata kadang-kadang suratkhobar tidak boleh percaya. (*Tepuk*) Jadi, adakah saya hendak percaya cerita daripada DAP ini? Saya minta teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat kita tidak ada masa. Ada lagi kawan-kawan kita yang hendak membuat maiden speech, ucapan sulung. Yang Berhormat Tasik Chenderoh sila teruskan. Minta gulungkan.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain; Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh gulung, panjang lagi. Di dalam two-party system, Tuan Yang di-Pertua

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tasik Chenderoh sama ada dalam two-party system anggota-anggota kedua-dua buah parti ini mesti menghayati satu falsafah, misalnya kita ambil daripada segi APU atau Gagasan Rakyat terutamanya di

antara PAS dengan DAP, adakah DAP boleh bersetuju dengan prinsip-prinsip yang dihayati oleh PAS dan apakah PAS boleh menghayati prinsip-prinsip yang dihayati oleh DAP?

Dr Tan Seng Giaw: Tertib Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, ada Peraturan Mesyuarat.

Dr Tan Seng Giaw: Tertib Mesyuarat 44(1): "Pengerusi setelah menarik perhatian Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa kepada kelakuan seseorang ahli yang berdegil-degil menyebutkan perkara yang tidak ada kena mengena dengan perkara mesyuarat atau berulang-ulang menyebutkan hujahnya sendiri atau hujah-hujah ahli (*Disampuk*) lain dalam sesuatu perbahasan, boleh memerintahkan ahli itu berhenti suruh bercakap". Jadi, Timbalan Menteri tidak mengambil perhatian, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan dari Tasik Chenderoh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah cukuplah. Tasik Chenderoh jawab.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan saya setuju sangatlah dengan pandangan Timbalan Menteri

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tasik Chenderoh, masa Yang Berhormat telah cukup. (*Ketawa*)

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Minta seminit sahaja supaya saya dapat buat ayat akhir.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Sebenarnya saya hendak tanya lagi siapa Timbalan Perdana Menteri satu, dua, tiga

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: dan saya hendak tanya adakah Ahli dari Rantau Panjang, shadow Minister for Education fasal dia selalu bercakap fasal education, dari Nilam Puri adakah shadow Minister Dalam Negeri dan sebagainya. Tidak apalah.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak hercakap lagi fasal masyarakat penyayang tetapi oleh kerana masa sudah tidak cukup, saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan saya mohon menyokong Rang Undang-undang Belanjawan. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Batu Gajah.

5.25 *mlm.*

Tuan Foo Piew Kok (Batu Gajah): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan, 1991 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pilihanraya telah lepas tetapi banyak masalah dan kelemahan perlulah diambil berat dan dibetulkan oleh pihak yang berkenaan supaya demokrasi berparlimen yang diamalkan di negara kita ini bermakna dan juga akan menunjukkan keikhlasan dan kejujuran Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pilihanraya umum yang baru lepas itu adalah kali yang kclapan tetapi di setiap kali pilihanraya terdapat ramai pemilih menghadapi masalah atas mengesan nama iriereka. Ini mengakibatkan peratusan pengundian itu tidak berapa memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, yang demikian, lebih kurang semua kila yang terpilih dan duduk di Dewan yang mulia ini tidak mendapat satu mandat yang tulin ataupun mandat yang mencukupi untuk mewakili pemilih kawasan masing-masing oleh kerana kebanyakan kita ini tidak mendapat kelebihan 50% sokongan dari pemilih yang berdaftar.

Tuan Yang di-Perlua, tanpa sokongan kelebihan 50% pcmlilh yang berdaftar itu tidak sesiapa boleh menyatakan beliau itu mendapat mandat tulen daripada pemilihnya. Ini juga menjadi satu buah mulut di antara rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang berbangkit itu perlulah dibetulkan. Marilah kita bersama mengkaji mengapa peratusan pengundian itu begitu rendah? Kenapa nama pemilih itu sukar dikesani?

Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab itu adalah yang pertama, tempat membuang undi itu ditukarkan tanpa pengetahuan pcmlilh tertentu. Yang kedua, pihak yang bertanding itu menghadapi kesuntukan masa, tenaga manusia dan wang untuk menyiapkan kad pemilih dan mengedarkannya. Dan ketiga, kemudahan untuk menyemak nama pemilih oleh pihak SPR pada hari pengundian itu juga menghadapi kesuntukan masa dan tenaga manusia.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa tempat membuang undi itu ditukarkan tanpa pengetahuan seseorang pemilih itu? Soalan ini terserahlah kepada pihak SPR untuk menjelaskannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai kesuntukan masa untuk pihak yang bertanding menyiapkan kad pemilih. Tuan Yang di-Pertua, kerjanya mengambil masa yang panjang. Pihak yang bertanding selain dari menulis kad pemilih hendaklah mengemukakan tempat nombor giliran

mengundi dan mengemaskinikan kad-kad yang tertulis mengikut alamat masing-masing barulah kad-kad ini didedarkan kepada pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan yang mempunyai pemilih seramai 10,000 orang itu barangkali keadaannya tidak begitu teruk tetapi untuk satu kawasan yang mempunyai 50,000 hingga 70,000 orang pemilih itu memanglah masalah ini menjadi beberapa kali ganda teruk.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 10 hari pihak yang bertanding perlu menyiapkan banyak kerja lagi seperti mengadakan ceramah, berdialog dengan pemilih, menyiapkan poster, risalah dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat tahu pihak SPR telah mencomputerisedkan senarai pendaftar pemilih sungguhpun diberitahu pihak yang berminat boleh membeli buku induk walaupun senarai induk pemilih itu supaya nama pemilih dan butir-butir lain akan didapati dari senarai itu mengikut giliran nombor kad I/C. Tetapi kami diberitahu kelak pihak SPR tidak ada masa untuk mencetakkan buku induk itu.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pihak SPR dan Kerajaan selalu menegaskan bahawa SPR adalah sebuah badan yang bebas, saya ingin tahu bahawa pihak SPR ingin memastikan pilihanraya itu dijalankan dengan lancar, kenapa pihak SPR mempunyai kuasa untuk menetapkan tarikh pengundian dalam tempoh 60 hari di Semenanjung Malaysia dan 90 hari di Sabah dan Sarawak itu. Dari tarikh pembubaran Dewan Undangan itu pihak SPR menetapkan tarikh itu begitu awal. Ini menunjukkan pihak SPR hanya selalu memuassakan hati atau kehendak Kerajaan. Saya berharap pada masa yang akan datang pihak SPR akan menimbangkan bahawa masalah pengesanan pemilih ini dengan menetapkan satu tempoh sekurang-kurangnya satu bulan untuk pemilih-pemilih

mengesani nama-namanya menjelang hari membuang undi. Begitulah sesiapa yang terpilih itu akan berasa bangga dan syukur.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional telati menegaskan pihak Kerajaan adalah berniat membentuk masyarakat penyayang. Bentuk masyarakat penyayang hanya menjadi cogan kata Kerajaan BN. Mereka itu bercakap sahaja tetapi bertindak lain. Masyarakat penyayang bukan sahaja satu cita yang tinggi, mestilah diselaraskan dengan tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya penghuni-penghuni dan pengusaha-pengusaha kilang kecil-kecilan di Kampung Pisang, Falim itu adalah golongan yang miskin tetapi Kerajaan yang selalu menegaskan membentuk masyarakat penyayang itu telah memperuntukkan tanah yang diduduki oleh mereka selama 4 generasi dan lebih 50 tahun ini kepada pemaju perumahan dan tidak menimbangkan nasib dan kepentingan mereka,

Tuan Yang di-Pertua, tanah yang diperuntukkan kepada pemaju dan telah digadaikan kepada bank oleh pemaju itu dilelongkan pada hari Sabtu yang lepas oleh kerana pemaju itu tidak mampu menjelaskan hutangnya. Nasib baik tanah yang dilelongkan itu tidak ada sesiapa berminat, Perkara ini telah menunjukkan kepura-puraannya dalam usaha membentuk sebuah masyarakat penyayang, sebaliknya menindas golongan yang perlu pertolongan dari Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan 1991 itu telah menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan telah meminjamkan sebanyak \$207 juta kepada Kerajaan Negeri bagi melaksanakan projek-projek perumahan awam kos rendah. Hasil dari perbelanjaan ini hanya 55% dari matlamat yang ditentukan telah tercapai. Sungguhpun Kerajaan

mengecualikan faedah atas pinjaman yang diberikan bagi mendirikan rumah-rumah di bawah skim pertapakan dan kemudahan program perumahan awam kos rendah, tetapi ini hanya manfaat segelintir orang sahaja. Lagi ramai golongan yang miskin itu tidak boleh menikmati pinjaman yang dikecualikan dengan faedah, mereka juga tidak boleh menikmati rumah kos rendah yang dibina oleh Kerajaan dan swasta oleh kerana rumah kos rendah ini bukan dalam kemampuan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedia faham bahawa rumah kos rendah berharga \$25,000 itu hanya bersesuaian dengan mereka yang berpendapatan antara \$600 hingga \$1,000 sebulan dan sebaliknya orang yang berpendapatan \$600 ke bawah yang sangat memerlukan rumah itu tidak diberi perhatian sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya dalam Bandaraya Ipoh, keluarga yang berpendapatan \$300 ke bawah sebulan itu adalah 12.4%, Keluarga yang berpendapatan di antara \$301 hingga \$600 adalah 26.75%. Ini bererti ada 39.15% dari keluarga yang bermastautin di Ipoh itu pendapatannya di bawah \$600 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kadar faedah bank umumnya 10% setahun berdasarkan tempoh pembayaran 25 tahun adalah begitu. Perhitungan sebulan antara \$301 ke \$600 kalau kiranya \$400, pembayarannya sebulan ialah \$133 sanggup membeli rumah yang berharga \$14,486 sahaja. Antara \$601 hingga \$900 kalau kiranya \$750, pembayaran sebulan ialah \$250 sanggup membeli rumah yang berharga \$27,230.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dinyatakan dalam Pelan Struktur Ipoh itu golongan rendah yang berpendapatan \$600 ke bawah sebulan kurang daripada

5% mempunyai rumah sendiri. Ini menimbulkan satu masalah sosial dan juga mencerminkan projek-projek perumahan yang dimajukan sejak 10 tahun yang lalu hanya memanfaatkan golongan yang berpendapatan \$600 ke atas sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menentang ke atas usaha Kerajaan membina rumah kos rendah yang berharga \$25,000. Tujuan saya adalah menyeru Kerajaan memuaskan kehendak-kehendak mereka yang berpendapatan \$600 ke bawah sebulan itu dan membina rumah kos rendah khas berharga di antara \$15,000 hingga \$20,000.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menggulungkan ucapan saya dengan nasihat kepada Kerajaan sekiranya Kerajaan ingin mengekalkan kuasanya silalah menerima nasihat dari pihak Pembangkang dan janganlah berdegil-degil atas nasihat dari Pembangkang. Lagi pula, menjauhkan orang yang suka mengampu itu. Pihak Pembangkang yang mewakili 48% pemilih yang membuang undi itu hanya mendapat 53 Kerusi. Oleh kerana ketidakadilan di atas sistem pilihanraya itu, ini seharusnya pihak Pembangkang mempunyai sekurang-kurangnya 86 Kerusi jika mengikut nisbah yang patut itu. Angka itu telah menafikan 2/3 majoriti. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan seharusnya menghormati dan mengambil berat terhadap pandangan dan cadangan dari pihak Pembangkang.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Kuala Langat.

8.40 mlm.

Datuk Haji Basri bin Bajuri (Kuala Langat): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1991 ini

dengan pertama sekali mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang berjaya membentangkan satu Belanjawan yang sangat menyenangkan. Strategi yang meyakinkan serta kesungguhan Kerajaan membentangkan Belanjawan begitu rupa pada kali ini adalah hasil dari kerja kuat dan kesungguhan Kerajaan memerangi kemelesetan ekonomi. Struktur cukai kali ini memang menarik minat semuapihak sehingga ada ahli Pembangkang yang sanggup mendakwa bahawa Menteri Kewangan mencedok idea Pembangkang seolah-olah Kerajaan telah bankrup idea. Ada juga yang mempersoalkan sama ada Kerajaan akan mampu melaksanakan Belanjawan tersebut sambil mengungkit kegagalan DEB. Pembangkang nampaknya gembira kerana Kerajaan dikatakan gagal mencapai matlamat DEB. Bagi saya, gagal mencapai matlamat, tidak bermakna gagal keseluruhannya. Dalam soal seperti ini kita harus faham apa yang dimaksudkan dengan matlamat, kerana matlamat itu adalah sesuatu yang ideal. Biasanya ia kelihatan seolah-olah mustahil untuk dicapai walaupun sebenarnya tidak begitu. Memang tidak siapa menafikan bahawa Kerajaan telah gagal mencapai matlamat asal iaitu pencapaian 30% ekuiti dalam sektor koperat serta membasmi kemiskinan. Tetapi kenaikan dari 2% ekuiti pada tahun 1970 kepada 19% pada tahun 1990 dan begitu juga kejayaan kita menurunkan kadar kemiskinan dari 49% kepada 17% pada tahun 1990 bukanlah satu kejayaan yang kecil. Dan tanpa merampas atau mengeneipkan hak bukan bumiputera, Kerajaan telah berjaya mewujudkan begitu ramai usahawan dan golongan profesional bumiputera sekurang-kurangnya ia dapat mengimbangi keadaan.

Sering juga dipersoalkan tentang pelaksanaan. Kita sedar memang ada kelemahan di sana sini. Tetapi itu perkara biasa dan yang penting ialah adanya usaha yang bersungguh-sungguh melalui tindakan, bukan cuma bercakap sahaja. Kerajaan Barisan Nasional

adalah Kerajaan yang berpijak di bumi nyata, bukan Kerajaan yang masih di peringkat khayalan atau angan-angan.

Mengenai kemiskinan, mana ada negara dalam dunia ini yang dapat membasmi kemiskinan 100%. Di zaman Nabi pun ada orang miskin. Membasmi kemiskinan tidaklah semudah hendak membasmi nyamuk Aedes. Kegagalan Kerajaan mencapai matlamat DEB bukanlah semata-mata kerana kelemahan Kerajaan. Parti-parti Pembangkang juga adalah sama-sama bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1991 merupakan yang terbaik pernah dibentangkan dalam Dewan ini. Ini juga membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional bukanlah satu Kerajaan yang lemah. Ini juga membuktikan kesungguhan dan kepekaan Kerajaan terhadap masalah ekonomi rakyat. Apabila Belanjawan 1990 dibentangkan pada bulan Oktober 1989 yang lalu di mana semua orang menganggap sebagai Belanjawan melegakan, pihak Pembangkang menuduh Belanjawan itu sebagai Belanjawan pilihanraya, Belanjawan pancing undi dan berbagai-bagai lagi tohmahan. Tetapi selepas pilihanraya iaitu pada tahun ini, Kerajaan telah membentangkan Belanjawan yang lebih melegakan. Kenapa Pembangkang tidak kata Belanjawan ini sebagai Belanjawan terima kasih kepada rakyat. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional bukanlah Kerajaan hipokrit. Kemenangan Barisan Nasional adalah kerana keyakinan rakyat terhadap kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional selama ini, di samping rakyat telah meluatkannya dengan tindak-tanduk pemimpin-pemimpin Pembangkang yang hanya muncul setiap pilihanraya menjelang dan selepas pilihanraya selesai, mereka pun hilang.

Tuan Yang di-Petua, Pembangkang mahu Kerajaan bertindak adil dan tidak menganaktirikan rakyat di Kelantan dan

di Sabah. Saya percaya Kerajaan memang adil dan memang mahu bertindak adil. Saya cuma ingin mengingatkan Kerajaan tentang konsep adil itu sendiri. Apakah Kerajaan akan dianggap adil jika Kerajaan memberi perhatian dan layanan yang sama pada penyokong-penyokong Barisan Nasional dan Pembangkang. Apakah seorang bapa misalnya akan dianggap berlaku adil jika ia memberi layanan iaitu makanan, tempat tinggal yang sama kepada kucing, anjing atau monyet dan anak-anaknya yang juga sama-sama dipelihara. Saya rasa adalah lebih adil jika Kerajaan melayan mengikut keadaan dan kesesuaian. Kita tidak mahu Kerajaan mengamalkan konsep keadilan seperti yang diamalkan oleh Pembangkang. Misalnya, bila Kerajaan mengambil tindakan undang-undang pada Hakim, tindakan itu dikatakan zalim, tidak adil dan sebagainya. Tetapi bila Pembangkang menyaman Ketua Hakim, itu adalah demokratik dan itu adalah adil. Tuan Yang di-Pertua

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, minta jalan, beri atau tidak?

Datuk Haji Basri bin Bajuri: Tak apalah, tunggu saya habis, boleh bercakap.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, tadi tadi....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Ahli dari Kota Melaka dia tidak beri jalan, sila duduk. Masa tidak panjang.

Tuan Lim Guan Eng: Tadi

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli dari Kota Melaka, dia tidak beri jalan, sila duduk. Masa tidak panjang.

Datuk Haji Basri bin Bajuri: Tuan Yang di-Pertua, sejak perbahasan bermula

Tuan kira Guan Eng: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, point of order, apa dia?

Tuan Lim Guan Eng: 36(4). Sila duduk, saya timbul point of order, terima kasih. Sila duduk, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan.

Tuan Lira Guan Eng: "36(4) adalah salah pada peraturan mesyuarat bagi seseorang ahli menggunakan bahasa biadap". Tadi Yang Berhormat membandingkan rakyat daripada Sabah dan Kelantan seperti anjing dengan kucing. Saya rasa ini adalah tidak sesuai dan kurang senonoh. Saya harap Yang Berhormat boleh tarik balik perbandingan seperti ini yang memalukan, yang menghina rakyat Sabah dan Kelantan. Dan juga hendaklah meminta maaf kepada rakyat daripada Sabah dan Kelantan. Jangan anggap mereka seperti anjing, kucing, itek. Saya rasa ini kurang senonoh, termasuk dan juga menghinakan Tuan Yang di-Pertua sendiri, kerana Tuan Yang di-Pertua rakyat daripada Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Kota Melaka, lerima kasih. Saya ingat perkataan itu bukan ditujukan kepada rakyat, cuma perbandingan. (*Tepuk*) Teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan

Tuan Lim Guan King:.... ini bukan satu perbandingan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa tidak panjang, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan satu perbandingan yang baik.

Datuk Haji Basri bin Bajuri: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya sudah buat keputusan.

Datuk Haji Basri bin Bajuri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua boleh tanya kepadanya kerana saya hendak berikan peluang kepada Yang Berhormat, saya bukan hendak saya bukan bergaduh dengan Yang Berhormat, tetapi mungkin diberikan peluang kepada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kota Melaka

Tuan Lim Guan Eng: untuk berkata bahawa

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat....

Tuan Lim Guan Eng: ini bukanlah tujuannya, ini sudah cukup kerana tidak boleh, tidak boleh terima

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Diminta Yang Berhormat duduk sekarang,

Tuan Lim Guan Eng: kalau membandingkan rakyat Sabah, rakyat Kelantan anjing dan kucing.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Diminta duduk sekarang.

Tuan Lim Guan Eng: Ini sudah lebih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak beri peluang dia, duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Okay, baik terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan.

Datuk Haji Basri bin Bajuri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana telah membuat satu ruling yang bijaksana. (*Tepuk*) Tuan Yang di-Pertua, sejak perbincangan bermula pada 5hb Disember yang lalu

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Apa?

Tuan Lim Guan Eng: Tadi

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, apa lagi?

Tuan Lim Guan Eng: beri peluang kepadanya untuk menjelaskan sama ada ini adalah maknanya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat tadi telah menerima keputusan yang bertuah. Seharusnya begitu. Kita teruskan perbincangan. Diminta sekali lagi....

Tuan Lim Guan Eng: Bukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Itu

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila duduk sekarang.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya akan duduk.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli dari Kota Mclaka.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya hendak duduk. Ini yang saya minta Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Amaran, sila duduk. Teruskan, jangan mengganggu mesyuarat. (*Disampuk*) Teruskan Yang Berhormat. Kota Melaka

Datuk Haji Basri bin Bajuri: Sejak perbahasan bermula pada 5hb Disember yang lalu tidak putus-putus Barisan Nasional dikecam, terutamanya mengenai perjalanan pilihanraya. Berbagai-bagai tohmahan telah dilemparkan seolah-olah Pembangkang bersih dari segala-galanya.

Tak usahlah hendak menuduh Barisan Nasional main wang. Pembangkang apa kurangnya. Tidak payahlah hendak tuduh Barisan Nasional main ugut, Pembangkang pun tidak bersih sangat. (*Tepuk*) Janganlah belanga hendak kata kualiti itu hitam.

Di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, Pembangkang telah menunjukkan berbagai-bagai sifat kasar yang ada kalanya lebih dahsyat daripada tindakan samseng. Ada yang sanggup meniru tandatangan calon dan mengedarkan surat palsu yang kononnya calon tertentu telah menarik diri dari bertanding pada

malam sebelum pengundian. Masalah fitnah tidak usah capak.

Satu peristiwa lagi. Satu majlis penyampaian sijil diadakan di sebuah Dewan, sebelum jemputan datang ke Dewan telah dipanggil beratus-ratus anak-anak sekolah yang berumur 5, 6 tahun atau 7 tahun untuk memenuhi kerusi-kerusi yang disediakan untuk tetamu sebuah majlis. Dan sekumpulan pemuda-pemuda menunggu di depan pintu Dewan bagi menghalang tetamu daripada datang dengan membuat onar di dalam Dewan itu. Ini dianjurkan oleh parti Pembangkang. Apakah itu dikatakan bersih? Apakah itu dikatakan demokratik? Dan apakah itu yang dikatakan Islamic?

Tuan Yang di-Pertua, kita bukan tidak menghargai peranan Pembangkang. Kita memang sentiasa mengalu-alukan Pembangkang yang sihat, yang bercakap dengan tujuan membina, membetulkan yang salah, bukannya yang membelitkan atau memutar belitkan perkara yang betul sehingga seolah-olah kelihatan salah. Kalau semua Pembangkang boleh berbuat demikian, boleh bercakap dengan nada yang baik serta mempunyai niat hendak membina, saya percaya Kerajaan akan memberi penghormatan yang lebih tinggi dan suara-suara mereka akan lebih didengari.

Tuan Yang di-Pertua, demokrasi tidak menjamin kecekapan atau efficiency. Demokrasi kita amalkan kerana sistem ini dianggap paling baik dan paling sesuai. Adalah mustahil untuk mana-mana pemerintah mengamalkan demokrasi secara mutlak. Semua negara yang mengamalkan sistem demokrasi menjadikannya sebagai asas. Asas itu pula disesuaikan dengan masa dan keadaan sesebuah negara. Tetapi sayang dalam negara kita ada pihak-pihak yang melaung-laungkan demokrasi tetapi mereka sendiri tidak demokratik. Setengahnya pula menggunakan demokrasi untuk membunuh demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini Pembangkang menganggap diri mereka sebagai pejuang Islam dan pejuang demokrasi yang unggul. Tetapi sayang, sepanjang saya mengikuti perbincangan-perbincangan dalam Dewan ini saya merasa amat kecewa dengan persembahan mereka yang tidak langsung menggambarkan sifat-sifat tokoh Islam atau tokoh-tokoh demokrasi. Sebagai pemimpin yang mengaku diri mereka pejuang Islam atau pejuang demokratik mereka sepatutnya dapat menunjukkan sifat-sifat yang mulia dan terpuji seperti juga telah diamalkan oleh junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. terutama dari segi tutur kata dan bahasa semasa berbahas.

Pada keseluruhannya ucapan Pembangkang membayangkan ketidakikhlasannya. Ucapan-ucapan mereka penuh dengan perasangka, pemutaran belitan fakta, tohmahan-tohmahan dan tidak kurang pula dengan fitnah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hak asasi manusia yang menjadi modal percakapan Pembangkang semasa di dalam mahupun di luar negeri bukanlah satu perkara baru. Ia adalah lagu lama digubah dengan nada-nada sumbang serta lirik-lirik basi yang digunakan untuk mengabui rakyat. Rakyat sudah pun muak dengan isu itu. Tak usahlah hendak jadi juara hak asasi kalau diri sendiri tidak tahu menghormati hak orang lain.

Apa yang sangat melucukan kita ialah angan-angan mereka hendak menumbangkan Kerajaan Barisan Nasional seterusnya berkuasa. Setiap kali pilihanraya menjelang mereka dengan angkuh mendabik dada mengatakan Barisan Nasional akan tumbang. Barisan Nasional akan kecundang. Mereka akan berkuasa atau tunggulah pilihanraya kali ini, mahu tahu. Sebenarnya tidak payah tunggu pilihanraya, kita memang sudah tahu

bahawa Pembangkang tidak sampai ke mana. (*Tepuk*) Sejarah telah membuktikan tidak payahlah hendak ugut-ugut, kita bukan budak-budak. Ugut-mengugut adalah kerja budak-budak. Kita adalah orang dewasa.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional sering dituduh sebagai Kerajaan tidak bermaruah, zalim, kejam dan lain-lain. Dalam hal ini saya kurang faham. Orang macam manakah yang dikatakan tidak bermaruah dan orang macam mana pulakah yang dikatakan bermaruah tinggi. Apakah dengan menuduh orang lain tidak bermaruah, tidak demokratik, zalim, mungkar dan lain-lain kata keji menjadikan orang yang menuduh itu bermaruah tinggi, demokratik, adil atau mulia. Bagi saya orang yang pandai bukan orang yang mengaku dirinya pandai dan orang yang bermaruah bukan orang yang suka menuduh melulu orang lain tidak bermaruah. Sebagai pendokong demokrasi tulen, Pembangkang harus sedar dan patuh kepada keputusan rakyat. Dakwaan DAP mempunyai 48% ataupun 80% pengundi Cina menyokong Pembangkang itu sebenarnya tidak berbangkit. Yang berbangkit ialah bahawa kemenangan adalah berada di tangan Barisan Nasional. Masalah banyak sedikit tidak timbul. Dalam demokrasi kalau satu undi pun yang memang tetap menang. (*Tepuk*) Dan kemenangan Barisan Nasional adalah kemenangan yang mutlak yang tidak boleh dipertikai.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana dapat memulihkan ekonomi negara dalam tempoh yang singkat. Kemasukan pelabur-pelabur asing ke dalam negara merupakan petunjuk yang nyata tentang keyakinan orang luar, keyakinan pelabur-pelabur terhadap kestabilan ekonomi dan politik negara ini.

Apa yang ingin saya sarankan di sini ialah supaya pelabur-pelabur asing itu

dapat dibawa ke kawasan luar bandar. Ini akan dapat dilakukan jika kemudahan-kemudahan asas di luar bandar dapat memenuhi kehendak mereka terutamanya bekalan elektrik, bekalan air dan jalan raya-jalan raya yang selesa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat minta gulung perbincangan.

Datuk Haji Basri bin Bajuri: Terima kasih. Dasar Ekonomi telah meninggalkan kita. Sebelum satu dasar baru diperkenalkan, saya ingin menyarankan agar dasar dan matlamatnya tidak lari dari asas dan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Kita berasa dukacita kerana sehingga hari ini masih ada orang-orang yang sengaja tidak mahu memahami. Mereka mengatakan bahawa mereka menyokong DEB tetapi mereka tidak puas hati tentang perlaksanaannya. Kononnya pelaksanaan DEB hanya menguntungkan satu-satu kaum. Dalam hubungan ini kita harus melihat kesan-kesan positif yang berlaku hasil dari Dasar Ekonomi Baru dan perlaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau. Arau belum berucap?

Tuan Shahidan bin Kassim: Belum.

Seorang Ahli: Sudah!

Tuan Shahidan bin Kassim: Bila? Nanti saya berucap!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila!

8.59 *mlm.*

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih. Oleh kerana ramai kawan-kawan yang ingin berucap kali pertama, saya hendak ambil masa cuma dua tiga minit sahaja. Ini sportinglah, bukan macam DAP, bodoh!

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara dan oleh kerana masa yang terhad ini, saya tidak dapat mengulas secara terperinci berhubung dengan Belanjawan yang rata-ratanya kawan-kawan telah memberi penghargaan termasuklah DAP sendiri, termasuklah PAS dan S.46 yang menyokong secara total Belanjawan yang telah dibentangkan dan mereka tidak teragak-agak menganggap bahawa Belanjawan ini adalah merupakan Belanjawan yang terbaik sekali yang pernah dibentangkan oleh pihak Kerajaan.

Bukti yang nyata ialah setelah Menteri, ini telah disebutkan oleh rakan-rakan saya, Menteri Kewangan berucap sepatutnya Ketua Pembangkanglah yang berucap tetapi oleh kerana Ketua Pembangkang takut untuk berucap oleh kerana tidak tahu apa yang hendak diucap lagi kerana semuanya telah disentuh oleh Menteri Kewangan, dia menyerahkan kepada anak buahnya yang junior yang tidak tahu menahu tentang berpolitik

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong ada apa?

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan sedikit, Tuan Speaker, saya mempunyai banyak lagi mengenai apa yang terkandung di dalam Belanjawan itu kerana kita hendak beri peluang kepada orang yang belum bercakap. Tidak seperti Ahli dari Arau, dia tidak mengambil kira orang-orang lain yang tak bercakap lagi.

Dia cuma suka hendak bercakap sahaja sehingga dia tidak tahu apakah maksud ucapan kita di sini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau hendak kira sporting dalam Dewan ini, saya yang paling sporting. Ucapan saya menyokong usul Titah Ucapan D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Agong, saya cakap lima minit, dia bercakap berapa lama. Ini saya hendak cakap lima minit dia ganggu lagi. Kerana diganggu saya hendak bercakap 15 minit. Kita kena ingat bahawa walaupun kita doktor atau apa, tetapi kita bodoh tentang politik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Teruskanlah Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, jangan ganggu. Jadi, kalau sekiranya tidak pernah dalam sejarah Parlimen ini yang Ketua Pembangkang tidak berucap selepas Menteri Kewangan tetapi inilah dalam sejarah Parlimen yang mulia ini kita dapati Ketua Pembangkang telah mengangkat bendera menyerah kalah. Semua sekali menyerah kalah (*Tepuk*) dan menyerahkan kepada orang yang paling junior sekali untuk berucap. Demikian juga wakil-wakil lain yang kita juga menganggap Ketua daripada PAS pun kita menganggap bahawa satu ucapan yang bernas termasuk juga Ketua 46, tetapi apabila mereka bangun bercakap mereka tergagap-gagap untuk hendak komen tentang Belanjawan. (*Tepuk*) Ini menunjukkan Belanjawan ini Belanjawan yang terbaik dalam dunia.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh fasal sandiwara Pembangkang. Ini disentuh oleh kawan-kawan saya tetapi saya bawa cara sayalah. Sandiwara Pembangkang, ini Drama Minggu ini yang telah dibawa oleh Pembangkang. Sebenarnya pihak Pembangkang yang menipu rakyat dengan sandiwara dua babak. Babak

pertama dipanggil Gagasan Rakyat dan lagi satu dipanggil APU (Angkatan Perpaduan Ummah) yang diarahkan oleh pengarah yang paling terkemuka di negara ini iaitu yang kita sedia maklum bekas Menteri Kewangan. Jadi, dalam babak yang pertama apabila mereka tidak berjaya menubuhkan Kerajaan Pusat, cepat-cepat Kerajaan Negeri Kelantan mengumumkan bahawa Kerajaan itu tidak perlu mengkotakan janji-janjinya iaitu menghapuskan Cukai Jalan dan sebagainya kerana janji itu dibuat oleh Gagasan Rakyat. Ini babak yang pertama. Babak yang kedua, ini cara mereka menipu sebab mereka hanya bermain sandiwara. Apabila Kerajaan Kelantan kata hendak laksanakan hukum hudud, tahu apa dia hudud—tak tahulah DAP mana tahu itu. Semangat 46 Kelantan kata mereka tidak diajak berunding dan kurang bersetuju dengan cadangan Kerajaan Kelantan tetapi biau-baru ini kita dengar Presiden 46 kata dia sokong undang-undang yang konsisten dengan perundangan Islam. Susah hendak fahamlah fasal ini hudud, saya pun tak berapa faham tetapi sebab selalu berkawan dengan mereka, saya tahulah sedikit-sedikit. Yang DAP pula apabila ditekan, bangun mengatakan bahawa penyokong Kerajaan sebagai mengamalkan politik perkauman. Jadi, saya ingin maklumkan bahawa kami dalam UMNO ini perkauman, MCA juga perkauman, MIC juga perkauman, mewakili kaum masing-masing tetapi kita berdiri di atas satu dasar, satu landasan, dan satu penghayatan yang sama yang dipanggil Barisan Nasional yang memperjuangkan untuk semua rakyat Malaysia termasuk DAP. (*Tepuk*)

Seorang Ahli: Bohong.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia kata bohong, saya hendak sentuh dia yang penghabisan, tetapi sebab dia kata bohong, saya hendak sentuh fasal pendidikan yang dia selalu hentam Menteri Pendidikan. Dalam bidang pendidikan, ini dia dulu, sebenarnya

saya hendak sentuh orang lain, sebab dia kata bohong ladi, saya hendak sentuh sebab dia tak erti Peraturan Mesyuarat Parlimen, kita sentuh. Sebenarnya bohong itu unparliamentary. Saya boleh ajar awak boleh keluar Dewan tetapi sebab saya tak mahu, (*Ketawa*) saya sporting punya kaki tahu.

Dalam bidang pendidikan kita perlu tegas dalam pelaksanaan dasar pendidikan. Kita perlu ada matlamat untuk membangunkan pendidikan bagi mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang sebenar, yang tidak bergaduh, yang tahu undang-undang. Tetapi saya kesal kerana pihak Pembangkang menggembur-gemburkan isu pendidikan dengan memainkan soal-soal perkauman di kalangan bukan Melayu. Kalau mereka timbulkan soal-soal pendidikan, mereka akan cuba menguji wakil-wakil MCA dan MIC supaya menyokong mereka seolah-olah mereka-lah champion kepada orang-orang Cina dan juga orang-orang India.

Isu kenaikan pelajar Darjah VI yang mendapat 6A dalam UPSR yang memasuki Tingkatan Satu kini menjadi isu, yang dibawakan oleh Ahli dari Kota Melaka, yang umurnya belum sampai ke tahap yang pernah kita lalui oleh kami-kami yang lepas. Jadi, saya hendak tanya kenapa mereka menimbulkan isu ini dan menonjolkan perkara ini? Sebab sebagaimana kita maklum bahawa isu penguasaan Bahasa Malaysia ini bukan merupakan isu yang baru. Dahulu kalau masih ingat lagi, kalau kita pergi ke sekolah Melayu dan kita ingin masuk ke sekolah Inggeris, kita perlu masuk kelas peralihan

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kepong, ada apa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Dan ini bakal-bakal di antaranya termasuk orang yang umur sama dengan saya, umur

Timbalan Menteri Dalam Negeri, umur mereka yang masuk Special Malay Class, Kelas Peralihan selahun sebelum boleh masuk ke sekolah Inggeris (*Disampuk*) Saya tak nampak orang bodoh bercakap, siapa cakap itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau duduk sebentar!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Speaker, mintapenjelasan. Dari iclaga yang keruh tak akan mengalir air yang jernih. Dia berjanji hendak mengambil masa dua-tiga minit sahaja, hendak memberi peluang kepada orang lain, tetapi sekarang mungkir janji pula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Penjelasannya apa?

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah dia tahu, Tuan Speaker, sekarang ini kita hendak bincangkan Belanjawan, bukan hendak buat tohmah dan perkataan yang kurang baik. Adakah dia tahu Belanjawan ini ada satu kegagalan untuk memberi pertimbangan secukupnya kepada economic slowdown sedunia, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang dijangka bermula pada tahun hadapan? Adakah dia tahu kegagalan Belanjawan ini untuk melaksanakan langkah-langkah lebih menyeluruh bagi menggalakkan perkembangan sektor industri kecil dan sederhana kecil. Tuan Yang di-Pertua, adakah dia sedar bahawa Belanjawan ini gagal untuk memberi insentif yang lebih ketara kepada pengembangan eksport dan perkhidmatan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kepong hendak berucap atau hendak minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Speaker, ini penjelasan, kerana dia ini telah mengeluarkan perkataan yang bukan-bukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Pendekkan kerana kita tidak cukup masa ya. Arau teruskan.

Tuan Sbahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya menyediakan ucapan saya sebanyak 53 tnuca, satu buku thesis yang saya hendak buat Ph.D. selepas ini, tetapi malangnya olch kerana tidak ada masa, jadi saya tidak dapat baca kesemua.

Kalau dia baca thesis saya ini, saya percaya dia akan bersetuju dengan saya yang Kerajaan buat sekarang ini memang untuk menyelesaikan masalah yang kita jangka akan berlaku pada tahun hadapan dan seterusnya. (*Tepuk*) Itu sebablah cara Belanjawan yang dibawa, cara Kerajaan memberi penekanan kepada IKS, industri kecil dan juga sederhana, cara Kerajaan memperkenalkan R & D dan juga cara Kerajaan mengurangkan cukai, memberi galakan kepada orang-orang yang berada untuk menambahkan growth. Segala-galanya telah diambil kira dan dalam masa yang sama walaupun telah diambil kira perkara-perkara ini, tetapi kita jangka growth—pertumbuhan ekonomi kita pada tahun hadapan dapat menjangkau tentang masalah dunia yang berlaku, Walaupun dunia kita dapati akan menghadapi masalah kemelesetan dan sebagainya pada tahun hadapan, tetapi saya rasa Malaysia kesannya tidak terasa. Sebab itu bila Pembangkang minta supaya kita sokong, mereka cuba membuat janji, kalau sekiranya mereka menang, mereka akan bagi \$100.00 dan sebahagianya oleh kerana mereka hendak pam minyak sehabis-habisnya untuk kita beri kepada rakyat tetapi kita tidak berbuat demikian. Malah dalam keadaan kita patut mcaikkan harga minyak kerana perbuatan Saddam Hussein yang disokong oleh PAS, kita juga tidak berbuat demikian. Kenapa? Sebab kita ada otak, kita juga mengaji sekolah.Saya ada master degree dalam economics, jadi no problem. Saya belajar di Belanda, perangai Belanda tahu macam mana. Perangai Belanda itu

kedekut, tetapi itulah sebabnya negeri Belanda adalah di antara yang terkaya dalam dunia ini, sebab mereka melatih orangnya untuk menyimpan wang, cara berniaga dan sebagainya. Jadi, kalau saya yang bekas pelajar Belanda sanggup memuji Kerajaan, orang-orang lain saya ingat tidak ada sebab untuk tidak memuji Kerajaan. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, ini fasal pendtdikan saya sebutkan tadi bahawa orang-orang yang sebaya dengan saya terpaksa memasuki kelas peralihan daripada sekolah Melayu untuk masuk ke sekolah Inggeris, tetapi kenapakah DAP-PAS memanglah menyokong kami dengan 46-DAP tidak pun di masa tersebut menentang Kerajaan. Kenapakah Kerajaan buat macam ini, kenapa tidak dibenarkan terus masuk ke Tingkatan Satu Sekolah Inggeris? Sebab kita terpaksa melalui kelas peralihan. Demikian juga yang berlaku sekarang. Kenapa dijadikan isu?

Sekejap, takut saya tersilap, saya kena sebut secara terperinci sebab ini tercatat dalam buku dengan cara terperinci, kita buat kajian sebulan ini, Kementerian Pendidikan, bukan cakap main-main, awak bolehlah cakap merapu. Jadi, kalau sekiranya DAP betul-betul ikhlas hendak memperjuangkan segala . . .

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya beri, dengan you memang saya beri any time. Kalau sekiranya DAP betul-betul ikhlas untuk memperjuangkan dasar pelajaran untuk semua bangsa dan semua kaum dia mesti memberi penekanan kepada perkara-perkara ini. Saya juga menyokong sebab kadang-kadang suratkhbar Cina—mujur tidak ada hari ini - dia kadang-kadang buat cerita fasal saya seolah-olah saya menentang orang-orang Cina, balik kawasan teruk saya kena sebab dia pusingkan saya sama seperti DAP. Sekarang DAP hendak pusingkan supaya akhbar Cina buat laporan, saya

kena bantai. Bantai macamamana pun, tetapi perjuangan saya ikhlas iaitu untuk mempertahankan, untuk mewujudkan satu rupa bangsa Malaysia yang sayang menyayang antara satu dengan lain.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Sila.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat dari Arau menyatakan kenapakah DAP tidak sokong semasa murid-murid daripada Sekolah Melayu dikenakan belajar di kelas peralihan, kenapa tidak menyokong bahawa mereka dikecualikan dari mengikuti kelas peralihan. Di sini saya hendak menegaskan kalau prestasi atau pencapaian akademik mereka baik, DAP sokong, tetap sokong dan saya harap Yang Berhormat dari Arau jangan main politik, cuba putarbelitkan pendirian DAN dan hendak menggambarkan bahawa DAP adalah sebuah parti perkauman.

Mengenai isu 6A yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Arau tadi, kelonggaran telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri pada tahun 1988 dan ini adalah bersama dengan pengumuman melaksanakan KBSR. Dalam pelaksanaan KBSR, Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri telah memberikan jaminan bahawa mutu Bahasa Malaysia atau penguasaan Bahasa Malaysia di kalangan pelajar-pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) China dan Tamil akan dipeningkatkan oleh kerana KBSR ini, tetapi nampaknya janji yang dibuat oleh

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, bukan

Seorang Ahli: Boringlah!,

Tuan Lim Guan Eng: Itu penjelasan. Itu tertakluk kepada Yang Berhormat dari Arau....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta penjelasan, penjelasan apa?

Tuan Lim Guan Eng: Janji yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dimungkir, tidak dilaksanakan dalam tahun 1990. Yang kita hendak memperjuangkan mengapa apa yang telah diberikan atau syarat-syarat yang telah dilonggarkan dalam tahun 1988 tidak diteruskan kerana

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau hanya 8 minit lagi.

Tuan Lim Guan Eng; mutu penguasaan Bahasa Malaysia oleh..

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau ada masa 8 minit.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, sekejap, sekejap lagi.

Tuan Sbahidan bin Kassim: Tidak apalah.

Tuan Lim Guan Eng: Mutu penguasaan

Tuan Shahidan bin Kassim: 5 minit sahaja. 5 minit sudah cukup, saya tinggal 5 minit sahaja lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Sekejap, sekejap, kerana mutu penguasaan Bahasa Malaysia oleh pelajar-pelajar tersebut adalah baik kerana mereka mendapat A dalam perkara Bahasa Malaysia dan ini tidak boleh dinafikan dan ini ditunjuk dalam keputusan SRP di mana semua lulus dalam peperiksaan SRP dan kebanyakannya mencapai keputusan cemerlang, dapat 5, 6 dan banyak dapat 8A dalam peperiksaan SRP.

Tuan Shahidan bin Kassim: Habis itu, what is the problem?

Tuan Lim Guan Eng: Tidak ada masalah, mereka harus dinaikkan terus ke Tingkatan Satu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau, teruskan.

Tuan Sbahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, semasa saya Darjah 6 dahulu, saya merupakan pelajar yang terbaik di Perlis, nombor satu, tetapi tidak ada pula syarat yang diberi kepada saya boleh masuk Tingkatan Satu terus dalam Bahasa Inggeris, saya terpaksa pergi kelas peralihan. Kenapa saya tidak dibuat demikian. Sistem itu dalam keadaan yang menghendaki kita mengikut peraturan yang ada sekarang. Saya tidak boleh jawab dengan cara sepenuhnya sebab saya belum lagi jadi Menteri Pendidikan, tunggu next reshuffle.

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta jalan, boleh minta jalan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab, yang saya jawabkan t a d i....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukuplah, Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan, minta jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya bersetuju dengan Menteri Pendidikan iaitu

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan dari Yang Berhormat Arau.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri.

Tuan Shahidan bin Kassim: untuk mempertingkatkan Bahasa Malaysia....

Tuan Lim Guan Eng: Dia belum cakap lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: tempoh hari dia telah sebut di sini bahawa ujian yang telah diberikan kepada mereka ini terlampau strict. Saya telah sebut....

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka, sila duduk dahulu!

Tuan Lim Guan Eng: Dia belum cakap lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya telah sebut dengan cara terbuka bahawa ujian yang telah diberikan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Guan Eng: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Shahidan bin Kassim: Apa itu? Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau tidak beri jalan. Kota Melaka, duduk. Teruskan Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sudah cukuplah, saya sudah beri peluang banyak kepada DAP.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila gulung.

Tuan Sbahidan bin Kassim: Saya ingin menggotong yang akhir sekali fasal politik Kesatuan Sekerja. Kesatuan Sekerja ini, Tuan Yang di-Pertua, kita

dapati mereka amat menyokong supaya pekerja-pekerja ini mengadakan mogok dan sebagainya. Selepas itu kita dapati apabila pekerja ini mengadakan mogok, mereka tidak dapat gaji dan sebagainya. Mereka hanya dapat strike money sahaja, dengan izin, tetapi kita dapati bahawa pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang menyuruh mereka ini mengadakan mogok menentang Kerajaan dan sebagainya tidak pula kurang gaji mereka. Pekerja-pekerja yang mogok pula tidak juga kurang caruman mereka kepada Kesatuan Sekerja. Kita dapati pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja apa pun mereka suruh kepada pekerja, gaji dan juga elaun mereka daripada Kesatuan Sekerja tidak berubah. Kita telah minta dengan secara terbuka berapakah elaun ataupun gaji V. David, Wakil dari Puchong dan juga Wakil dari Bayan Baru, berapakah gaji yang mereka terima daripada Kesatuan Sekerja yang dicarum oleh pekerja-pekerja yang orang kata terpaksa dalam istilah mereka 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang'. Kalau sekiranya mereka ikhlas, mereka kena sebut dalam Dewan ini dan sekiranya mereka sebut dengan secara terbuka, saya percaya pekerja-pekerja tidak akan menyokong mereka. Pekerja-pekerja ini akan menyokong pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang sebenarnya memperjuangkan hak-hak pekerja dan bukan daripada wakil-wakil ataupun pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang disokong oleh DAP.

Saya amat kesal sekali kepada DAP kerana bukan sahaja mereka menyokong pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang mementingkan diri sendiri tetapi mereka juga menyokong pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja supaya 'mencuri' nalkah yang sebenarnya patut dinikmati oleh pekerja-pekerja.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Shabidan bin Kassim: Yes, no problem.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa Yang Berhormat dari Arau

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Silakan dalam masa seminit sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat dari Bayan Baru dan Yang Berhormat dari Puchong tidak menerima satu sen pun dari MTUC. Semasa Yang Berhormat dari Bayan Baru menjawat jawatan Timbalan Presiden tidak menerima satu sen pun. Yang Berhormat dari Puchong juga tidak menerima satu sen pun dan kenyataan telah dikeluarkan di suratkhbar. Masalahnya kerana suratkhbar dikuasai oleh Barisan Nasional, dia tidak keluarkan, hanya berita buruk sahaja dikeluarkan, seperti semalam dalam *Utusan Malaysia*, Setiausaha Agung DAP tidak pernah berkata suruh polis letak jawatan, hanya meminta mereka keluar daripada persidangan parti DAP kerana ini adalah persidangan tertutup, tetapi *Utusan Malaysia* keluarkan bahawa Setiausaha Agung meminta mereka letak jawatan. Ini satu fitnah, satu tohmahan.

Tuan Shabidan bin Kassim: No, yang pentingnya....

Tuan Lim Guan Eng: Ini sesuatu yang palsu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka, duduk!

Tuan Shabidan bin Kassim: Oleh kerana masa saya hanya tinggal satu minit, saya hendak sebut di sini, yang pentingnya kenapa mereka tidak jawab di Parlimen ini?

Tuan Lim Guan Eng: Mereka jawab!

Tuan Shabidan bin Kassim: Jawab dalam Parlimen yang mulia ini, berapa mereka terima, berapa mereka tidak terima dan

Tuan Lim Guan Eng: Tadi saya sudah cakap, MTUC tidak beri satu sen pun.

Tuan Shahidao bin Kassim: Awak tidak berhak bercakap bagi pihak Kesatuan Sekerja sebab Tuan bukan wakil Kesatuan Sekerja. Saya sekurang-kurangnya ada juga wakil Kesatuan Sekerja sebab pekerja-pekerja ramai di kilang saya.

Tuan Lim Guan Eng: Adakenyataan yang telah dikeluarkan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tetapi saya menyatakan di sini bahawa mereka

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat dari Arau, masa sudah cukup, terlalu banyak masa diberikan kepada, Ahli dari Kota Melaka, masa sudah cukup.

Tuan Shahidan bin Kassim; Tuan Yang di-Pertua, untuk menggulung, bagi setengah minit sahaja.

Jadi, saya ingin menunjukkan di sini bahawa saya ingin menyeru kepada pekerja-pekerja di Malaysia supaya memboikot wakil-wakil kesatuan sekerja terutamanya yang disokong oleh DAP kerana kalau sekiranya mereka sayangkan kerja mereka, sayangkan negara ini, mereka jangan menyokong orang-orang yang mementingkan diri sendiri hanya untuk mencari kepentingan politik dan sokonglah pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang sentiasa pada bila-bila masa sanggup untuk menolong mereka, sanggup untuk membantu mereka dalam mencari nafkah yang halal dan bukan seperti DAP. (*Tepuk*) Saya menyokong Belanjawan ini.

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak ada masa banyak, lebih kurang 9 minit sahaja ada. Siapa Ahli Yang Berhormat boleh menyiapkan ucapannya dalam 9 minit? Tawau.

9.27 *mlm.*

Tuan Geoffrey Yee Ling Fook (Tawau): Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang saya berucap di Dewan yang mulia ini walaupun 'the last one', mengenai Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 14hb Disember. Ucapan Menteri Kewangan sepertimana yang kita semua bersetuju bahawa kebanyakan meliputi keperluan rakyat Malaysia dan kemajuan ekonomi negara. Di sini saya mengucapkan tahniah kerana rakyat telah dibekalkan faedah yang lebih. Dan terima kasih ke atas ucapan polisi yang mana sangat mengambil berat tentang keperluan rakyat. Saya datang dari Sabah, sebuah negeri yang jauh daripada Kuala Lumpur. Saya masih ingat satu perkara yang diterangkan oleh Perdana Menteri pada tahun 1985 setelah Parti Bersatu Sabah berkuasa di mana Perdana Menteri telah memanggil Sabah, "Wild Wild East" Mni adalah satu bukti yang mana Sabah tidak dijaja dengan baik atau dikebelakangkan dengan jauh daripada lain-lain negeri di benua Malaysia kerana negeri ini masih mundur.

Diharap bahawa Kerajaan Persekutuan dapat memberikan perhatian atas kemajuan pembangunan Negeri Sabah. Kerajaan Parti Bersatu Sabah sekali lagi memasuki Barisan Nasional pada tahun 1986 selepas memenangi besar pilihanraya negeri dan mengharapkan bahawa pada akhir tahun 80an Sabah dapat dimajukan dan dibangunkan seperti negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Tetapi kami merasa sungguh kecewa di mana sehingga ke hari ini Sabah masih belum

lagi mendapat satu lebuhraya yang bermutu tinggi untuk menyambungkan bandar-bandar utama Sabah seperti dari Kota Kinabalu ke Sandakan dan dari Sandakan ke Tawau.

Tuan Yang di-Pertua, Tawau adalah merupakan sebuah bandar yang ketiga terbesar di Sabah dengan kira-kira 200,000 penduduk. Tanah dan iklimnya di Sabah sangat sesuai untuk pertanian. Penghasilan koko adalah yang terbaik di Malaysia dan dikenali oleh dunia dan tiap-tiap tahun penghasilan koko membawa beribu juta ringgit pertukaran wang asing ke Malaysia. Pada 70an dan 80an untuk perladangan koko beratus-ratus buah syarikat dari West Malaysia melabur di Tawau.

Sepertimana yang telah saya katakan tadi, Sabah tidak mempunyai hubungan yang baik yang menghubungi Kota Kinabalu ke Tawau. Jalan-jalan yang ada sekarang adalah dalam keadaan yang teruk dan untuk pergi ke Tawau hanya dengan cara menaiki kapal-terbang. Di sini saya ingin mengemukakan bahawa Lapanganterbang Tawau tidak bermutu. Luasnya sejak Perang Dunia II tidak pernah diperbesarkan. Sejak tahun 1982, landasan yang digunakan oleh Twin Pioneer pada awal 50an adalah digunakan untuk 737. Untuk pengetahuan anda, panjang landasan ini hanya 5,600 kaki dan luasnya hanya 100 kaki. Menurut jurupakar, panjang landasan seharusnya lebih kurang pada 7,000 kaki dan luasnya 150 kaki. Saya telah difahamkan bahawa sebuah kawasan di Abas Balong, Batu 17 Tawau telah dicadangkan untuk membina sebuah Lapanganterbang Tawau sejak awal tahun 1980 dan anggaran juga telah dibuat pada tahun 1982, tetapi saya merasa sungguh kesal di mana pembinaan untuk lapanganterbang baru Tawau ini tidak termasuk dalam Anggaran Belanjawan 1991. Ini adalah harapan penduduk Sabah khasnya penduduk Tawau agar Menteri berkenaan dapat mempertimbangkan untuk menambahkan

anggaran untuk pembinaan Lapanganterbang Tawau dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam dan bukannya selepas sesuatu kemalangan baru kelam-kabut untuk dipertimbangkan pembinaan Lapanganterbang Tawau baru.

Saya akan menjemput Menteri yang berkenaan untuk melawat bandar Tawau selepas Tahun Baru Cina ini, bukan hanya untuk melihat penghasilan koko yang tinggi di Tawau serta memandangkan kecantikan Pulau Sipatan di Semporna tetapi juga untuk mendapatkan pengalaman persendirian dengan menyaksikan bagaimana 737 melakukan pendaratan di Lapanganterbang Tawau. Juruterbang hendaklah mula menekan brake semasa kapalterbang masih di udara, sekiranya tidak dia akan terhempas. Menurut maklumat, pada tahun 1989 terdapat 400,000 penumpang yang menggunakan Lapanganterbang Tawau dan juga mengangkut kargo 4,000 tan pada tahun tersebut. Kami menjangka Lapanganterbang Tawau memperolehi lebih banyak penumpang dan kargo pada tahun 1990 dan 1991. Untuk pengetahuan anda, terdapat 8 buah Boeing 737 dari Kota Kinabalu dan Sandakan mendaral di Tawau setiap hari selain daripada sebilangan kapalterbang kecil dari Indonesia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila gulung pcrbahasan Yang Berhormat.

Tuan Geoffrey Yee Ling Fook: Tuan Yang di-Pertua, Lapanganterbang Tawau adalah merupakan sebuah lapanganterbang yang paling sibuk dan membawa hasil berjuta-juta ringgit kepada MAS dan juga negara. Saya harap Menteri yang berkenaan dapat memberi pertimbangan khas ke atas permohonan saya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyokong penuh ke atas ucapan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Joseph Pairin Kitingan, Ketua Menteri

Sabah, yang mana beliau meminta kenaikan kadar royalti minyak yang lebih besar. Dan sekarang saya ingin memberikan maklumat lanjut ke atas sokongan saya.

Tuan Yang di-Pertua, perjanjian perkongsian hasil minyak adalah seperti berikut.

Di bawah Petroleum Development Act 1974 semua hak ke atas minyak galian sama ada di darat atau di laut adalah menjadi hak PETRONAS, sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri bererti carigali adalah dikendalikan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mairuddin); Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Geoffrey Yee Ling Fook:
Sambung lain tahun. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa yang diperuntukkan bagi hari ini sudah cukup. Oleh yang demikian, Dewan ini ditangguhkan hingga hari esok pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.30 malam.